- PERKESO telah diasingkan daripada Sistem Saraan Baru Kerajaan dan Sistem Saraan Baru PERKESO telah diperkenalkan.
- SOCSO was removed from the New Government Remuneration System and a new SOCSO Remuneration System was introduced.

01.01.1992

- Perlindungan kemalangan perjalanan (kemalangan perjalanan pergi dan balik kerja) telah diperkenalkan.
- Commuting accident (accidents during the commute to and from work) was introduced.

- Jangka masa kelayakan bagi Skim Pencen Ilat dan Bantuan Ilat adalah dikurangkan dari 36 bulan kepada 24 bulan.
- The qualifying period for Invalidity Pension and Invalidity Grant was reduced from 36 months to 24 months.

01.07.1992

- Semua pekerja bergaji RM2,000 dan ke bawah adalah layak untuk mencarum dengan PERKESO walaupun majikan mempunyai seorang pekerja. Manakala, pekerja yang bergaji melebihi RM2,000 adalah diberi pilihan untuk mencarum.
- All employees with a salary of RM2,000 and below became eligible to contribute to SOCSO regardless of the number of employees that the employer has. Employees with a salary of more than RM2,000 were given the option to contribute.

1993

01.04.1993

- Semua pekerja asing dikecualikan dari dilindungi oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
- All foreign workers were excluded from coverage under the Employees' Social Security Act 1969.

1996

- Kadar bulanan minimum bagi Pencen Ilat dan kadar bulanan penuh Pencen Penakat dinaikkan dari RM171.43 kepada RM192.86.
- The minimum monthly rate for Invalidity Pension and the full monthly rate for Survivors' Pension were increased from RM171.43 to RM192.86.

- Kadar harian minimum Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal dan Faedah Orang Tanggungan dinaikkan kepada RM9.00.
- The minimum daily rate for Temporary Disablement Benefit, Permanent Disablement Benefit and Dependants' Benefit was increased to RM9.00.

1997

02.05.1997

- Faedah Pendidikan telah diperkenalkan dengan peruntukan sejumlah RM30 juta dan bemula dengan seramai 49 orang peminjam.
- Education Benefit was introduced with an allocation of RM30 million. The programme began with 49 borrowers.

1998

01.01.1998

- Faedah Pengurusan Mayat telah dinaikkan kepada RM1,500.
- Funeral Benefit was increased to RM1,500.

1999

- Kadar bulanan minimum bagi Pencen Ilat dan kadar bulanan penuh Pencen Penakat dinaikkan kepada RM250.
- The minimum monthly rate for Invalidity Pension and full monthly rate for Survivors' Pension were increased to RM250.00.

- Kadar harian minimum Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal dan Faedah Orang Tanggungan dinaikkan kepada RM10.00.
- The minimum daily rate for Temporary Disablement Benefit, Permanent Disablement Benefit and Dependants' Benefit was increased to RM10.00.

2000

01.01.2000

- Rawatan dialisis diperkenalkan sebagai satu kemudahan di bawah skim perlindungan PERKESO.
- Dialysis treatment is introduced as a facility under the SOCSO protection scheme.

01.05.2000

- Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 berkenaan siling gaji pekerja telah dinaikkan dari RM2,000 kepada RM3,000 sebulan.
- Amendments to the Employee's Social Security Act 1969 on employee salary ceiling have been raised from RM2,000 to RM3,000 per month.

- Duda / balu yang menerima pencen jika berkahwin semula, pencen yang diterima terus dikekalkan.
- Widowed who receive pension if remarried, the pension received continues to be maintained.

- Duda / balu layak mendapat Pencen Penakat atau Faedah Orang Tanggungan tanpa mengira tahap kebergantungan.
- Widows / widowers are entitled to a Survivors' Pension or Benefits of the Dependent regardless of the degree of dependence.

2006

01.03.2006

- Perlaksanaan tindakan pengkompaunan di bawah AKSP, 1969 dan Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2006.
- Implementation of compounding of offences under the Employees' Social Security Act 1969 and the Employees' Social Security (Compounding of Offences) Regulations 2006

2007

- Program pemulihan *Return To Work* telah diperkenalkan oleh PERKESO.
- The "Return To Work" Rehabilitation programme was introduced by SOCSO.

SOROTAN PERISTIWA BERSEJARAH PERKESO 1969 - 2018
SOCSO CHRONOLOGY OF EVENTS 1969 - 2018

2009

01.01.2009
- Caj perkhidmatan bagi pinjaman pendidikan PERKESO diturunkan dari 4% kepada 2% setahun.
- Service charge for SOCSO Education Loan was reduced from 4% to 2% per annum.

15.07.2009
- PERKESO telah beralih dan mengamalkan Persijilan MS ISO 9001:2008.
- SOCSO shifted and began practising MS ISO 9001:2008 certification.

2013

01.01.2013
- PERKESO memperkenalkan Program Saringan Kesihatan untuk pemeriksaan kesihatan percuma kepada Orang Berinsurans yang berumur melebihi 40 tahun dan ke atas.
- SOCSO introduces the Health Screening Programme for free to Insured Persons aged over 40 years and above.

2014

01.10.2014
- Pusat Rehabilitasi PERKESO mula beroperasi di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka.
- SOCSO Rehabilitation Center begins operating in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka.

2015

01.07.2015
- Pejabat PERKESO Mukah, Sarawak mula beroperasi.
- Mukah SOCSO Office starts operation.

10.10.2015
- Pejabat PERKESO Limbang, Sarawak mula beroperasi.
- Limbang SOCSO Office starts operation.

2016

01.06.2016
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016 berkenaan memperluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja tanpa tertakluk kepada had gaji mengikut takrifan pekerja serta menaikkan had siling caruman daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah.
- The Employees' Social Security (Amendment) Act 2016 expanded coverage of social security protection to include all employees without any salary limit in accordance with the definition of employee. The amended Act also raised the contribution ceiling from RM3,000.00 to RM4,000.00 for the purposes of contributions and payment of benefits.

- PERKESO telah berjaya menerima Penarafan 5 Bintang daripada MAMPU bagi tahun 2015 – 2016.
- SOCSO received the 5-star Rating from MAMPU for the year 2015 - 2016.

25.10.2016
- PERKESO telah mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula PERKESO di Menara PERKESO, Jalan Ampang.
- SOCSO held a ceremony to launch the Rebranding of SOCSO at the Main Lobby of Menara PERKESO, Jalan Ampang.

2017

21.04.2017
- Majlis Perasmian Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Rehabilitasi PERKESO.
- Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre was officially opened by YAB Prime Minister of Malaysia at the PERKESO Rehabilitation Centre.

19.05.2017
- Kadar amaun Faedah Pengurusan Mayat dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM2,000 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016 (tarikh kebelakang).
- The amount of Funeral Benefits increased from RM1,500 to RM2,000 with effect from 1 July 2016 (back dated).

22.05.2017
- Pejabat PERKESO Beaufort, Sabah mula beroperasi.
- The Beaufort SOCSO Office, Sabah starts operation.

01.06.2017
- Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan sebagai Akta 789 dilaksanakan.
- The Self-Employment Social Security Act 2017 was approved by the Parliament and was gazetted as Act 789 was enacted.

01.08.2017
- Pejabat PERKESO Kota Marudu, Sabah mula beroperasi.
- Kota Marudu SOCSO Office, Sabah starts operation.

2018

01.01.2018
- Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dikuatkuasakan.
- The Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) is enforced.

01.10.2018
- Pejabat PERKESO Tanjong Karang mula beroperasi.
- Tanjong Karang SOCSO Office starts operation.

2 - 4.10.2018
- PERKESO menjadi tuan rumah ISSA Regional Social Security Forum of Asia and the Pacific 2018
- SOCSO hosts ISSA Regional Social Security Forum of Asia and the Pacific 2018.

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

ZAKRI BIN MOHD KHIR
Pengerusi
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chairman
Social Security Organization

Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Bagi pihak Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), saya selaku Pengerusi Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

SENARIO PERSEKITARAN EKONOMI

Dengan pertumbuhan KDNK Benar Global pada kadar 3.6%, prestasi ekonomi dunia mengalami pertumbuhan ekonomi yang sederhana pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Gabungan faktor-faktor seperti peningkatan konflik perdagangan, harga komoditi yang tidak stabil serta dasar monetari dan keadaan pasaran kewangan yang semakin ketat telah menyebabkan pertumbuhan sederhana ekonomi serantau. Secara amnya, peningkatan penyertaan dan pasaran tenaga kerja di negara ekonomi maju serta pertumbuhan pekerjaan telah meningkatkan aktiviti kepenggunaan. Kadar inflasi di pasaran baru dan ekonomi membangun juga telah meningkat kepada 4.7% pada tahun 2018 disebabkan oleh faktor bekalan komoditi global yang berkurangan akibat ketegangan geopolitik.

Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

On behalf of the Board of Directors of the Social Security Organization (SOCSO), I, as the Chairman, am pleased to present the audited Annual Report and Financial Statement for the financial year ending 31st December 2018.

ECONOMIC ENVIRONMENTAL SCENARIO

With the Actual Global GDP growth at a rate of 3.6%, the world's economy experienced average growth in 2018 compared to the previous year. A combination of factors such as an increase in trade conflict, unstable commodity prices as well as monetary policies and financial markets that are tighter have resulted in an average economic growth in the region. In general, the increase in labour force participation and market in developed economies as well as employment growth has increased consumerism activities. The rate of inflation in new markets and developing economies has also risen to 4.7% in 2018, due to a reduction in the global commodity supply factors caused by geopolitical tension.

EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia pada tahun 2018 mengalami pertumbuhan sederhana secara amnya dengan peratusan pertumbuhan sebanyak 4.7% berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya. Kadar pertumbuhan yang memberangsangkan ini menggambarkan daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi pelbagai cabaran luaran dan dalaman. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi pada tahun ini adalah hasil daripada asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta diversifikasi struktur ekonomi terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Kadar inflasi telah berkurang daripada kadar purata 3.7% pada tahun 2017 kepada kadar purata 1% pada tahun 2018, hasil daripada dasar penggantungan pelarasan harga minyak domestik serta pertukaran cukai GST kepada kadar sifar dan kemudiannya, SST. Selain itu, kadar pengangguran kekal stabil pada 3.4% daripada tenaga buruh aktif di mana terdapat peningkatan pekerja yang bekerja sendiri sebanyak 9.69% dari 2017 ke 2018 yang sejajar dengan trend Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Perkembangan ini menekankan kepentingan penggubalan dasar yang pragmatik dalam mengurus risiko dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

MALAYSIAN ECONOMY

The Malaysian economy, in 2018, experienced an average growth in general, with a percentage growth of 4.7% compared to the 5.9% recorded in the previous year. This encouraging growth rate reflects the country's economic resilience in facing numerous external and internal challenges. Overall, the economic growth this year is the result of a strong Malaysian economic foundation as well as diversification of the economic structure especially in the service and manufacturing sectors.

The inflation rate went down from an average rate of 3.7% in 2017 to an average rate of 1% in 2018, which resulted from the domestic oil price adjustment suspension policy as well as the change of GST to zero rate and subsequently to the SST. In addition, the unemployment rate remained at 3.4% of the active labour force, in that there has been an increase in the number of self-employed persons by 9.69% from 2017 to 2018 in line with the Fourth Industrial Revolution trend (Industry 4.0). This development emphasises the importance of pragmatic policy-making in managing risk and supporting the country's economic growth.

2018
Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan sederhana secara amnya dengan peratusan pertumbuhan sebanyak 4.7% berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya.
Pertumbuhan ekonomi pada tahun ini adalah hasil daripada asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta diversifikasi struktur ekonomi terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

2018
The Malaysian economy experienced an average growth in general, with a percentage growth of 4.7% compared to the 5.9% recorded in the previous year.
Overall, the economic growth this year is the result of a strong Malaysian economic foundation as well as diversification of the economic structure especially in the service and manufacturing sectors.

Jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2018
meningkat sebanyak RM1,102.82 juta atau 22.26%
kepada RM6,057.21 juta berbanding RM4,954.39 juta pada tahun 2017

SOCSO's total revenue for 2018
increased by RM1,102.82 million or 22.26%
to RM6,057.21 million compared to RM4,954.39 million in 2017

PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2018 meningkat sebanyak RM1,102.82 juta atau 22.26% kepada RM6,057.21 juta berbanding RM4,954.39 juta pada tahun 2017. Jumlah perbelanjaan PERKESO juga meningkat sebanyak RM839.82 juta atau 21.76% kepada RM4,699.46 juta berbanding RM3,859.64 juta pada tahun 2017. Dengan itu, lebihan pendapatan PERKESO bagi tahun 2018 meningkat sebanyak RM263.00 juta atau 24.02% kepada RM1,357.75 juta berbanding RM1,094.75 juta pada tahun 2017.

Pendapatan caruman meningkat sebanyak RM740.72 juta atau 20.80% kepada RM4,301.67 juta berbanding RM3,560.97 juta pada tahun 2017, terutamanya berikutan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang membawa kepada peningkatan bilangan majikan, pekerja dan pencarum aktif di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Selain itu, peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat dalam kalangan majikan, pekerja, pemandu teksi, *e-hailing* atau perkhidmatan seumpamanya mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO. Ini adalah berikutan keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO. Di samping itu, pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan mulai 1 Januari 2018 juga antara faktor yang menyumbang kepada pendapatan caruman PERKESO.

FINANCIAL PERFORMANCE

Overall, SOCSO's total revenue for 2018 increased by RM1,102.82 million or 22.26% to RM6,057.21 million compared to RM4,954.39 million in 2017. The total expenditure also increased by RM839.82 million or 21.76% to RM4,699.46 million, compared to RM3,859.64 million in 2017. As such, SOCSO's surplus income for 2018 rose by RM263.00 million or 24.02% to RM1,357.75 million compared to RM1094.75 million in 2017.

Contribution income increased by RM740.72 million or 20.80% to RM4,301.67 million compared to RM3,560.97 million in 2017, especially following the effectiveness of enforcement activities which led to the increase in number of employers, employees and active contributors under the Self-Employment Social Security Scheme. In addition, the increase in contribution collection also reflects an increase in the level of awareness amongst employers, employees, taxi drivers as well as e-hailing or its like service providers on their responsibility to contribute to SOCSO. This resulted from the efficiency of awareness programmes and campaigns carried out by SOCSO. In addition, the implementation of the Employment Insurance System on 1st January 2018 was among the factors contributing to SOCSO's contribution income.

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

2018
Pendapatan pelaburan kasar
meningkat sebanyak
RM309.34 juta atau 24.53%
kepada RM1,570.58 juta

2018
Gross investment income
increased by
RM309.34 million or 24.53%
to RM1,570.58 million

Pendapatan pelaburan kasar pula meningkat sebanyak RM309.34 juta atau 24.53% kepada RM1,570.58 juta berbanding RM1,261.24 juta pada tahun 2017, terutamanya berikutan peningkatan dalam keuntungan daripada aktiviti pelaburan, pendapatan faedah dan keuntungan belum realis daripada pertukaran nilai matawang asing.

Sementara itu, belanja tanggungan telah meningkat sebanyak RM454.90 juta atau 13.82% kepada RM3,747.08 juta pada tahun 2018 berbanding RM3,292.18 juta pada tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah dan pelaksanaan bayaran pelarasan kos sara hidup mulai September 2017.

Belanja operasi turut meningkat sebanyak RM113.73 juta atau 19.96% kepada RM683.62 juta berbanding RM569.89 juta pada tahun 2017 terutamanya berikutan peningkatan dalam perbelanjaan emolumen serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pada tahun 2018.

Gross investment income increased by RM309.34 million or 24.53% to RM1,570.58 million compared to RM1,261.24 million in 2017, especially following the increase in profits from investments, interests and unrealised profits from foreign currency exchange.

Meanwhile, benefits expenditure increased by RM454.90 million or 13.82% to RM3,747.08 million in 2018, compared to RM3,292.18 million in the previous year following an increase in the number of benefits claims and payment of cost of living adjustment beginning September 2017.

Operating expenses has also increased by RM113.73 million or 19.96% to RM683.62 million compared to RM569.89 million in 2017 especially following an increase in emoluments as well as service and supply expenditures in 2018.

PRESTASI PULANGAN PELABURAN

Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) PERKESO telah meningkat sebanyak RM564.86 juta atau 2.14% daripada RM26,379.95 juta kepada RM26,944.81 juta pada tahun 2018. Pertumbuhan tersebut disumbangkan terutamanya oleh kenaikan dalam caruman dan pulangan daripada pelaburan.

Strategi taktikal untuk semua kelas aset yang dilaksanakan pada tahun 2018 berjaya meningkatkan pulangan keseluruhan walaupun dalam keadaan pasaran yang mencabar dan tidak menentu. Pendapatan yang dijana oleh aktiviti pelaburan telah meningkat sebanyak RM32.82 juta atau 2.60% daripada RM1,261.57 juta pada tahun 2017 kepada RM1,294.39 juta pada tahun 2018. Jumlah tersebut adalah termasuk rosotnilai untuk ekuiti.

RETURNS ON INVESTMENT PERFORMANCE

SOCSO's Assets Under Management (AUM) increased by RM564.86 million or 2.14% from RM26,379.95 million to RM26,944.81 million in 2018. This growth is contributed especially by the increase in contributions and returns on investment.

The tactical strategy for all classes of assets implemented in 2018 successfully increased overall returns despite the challenging and volatile market. Income generated by investment increased by RM32.82 million or 2.60% from RM1,261.57 million in 2017 to RM1,294.39 million in 2018. The said amount included impairment of equity.

MEMACU KECEMERLANGAN

PERKESO menggunakan Pelan Strategik 2016 – 2020 sebagai dokumen induk dalam menjayakan perancangan program dan inisiatif bagi tempoh baki 2 tahun. Program dan inisiatif serta sasaran dan *outcome* akan menjadi pengukur kepada pencapaian keseluruhan organisasi. Keutamaan ditumpukan kepada keselamatan sosial pekerja dan menjaga kebajikan warga kerja dari peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi membantu melancarkan matlamat dan misi PERKESO, sebanyak lima teras utama dibangunkan bagi memastikan serta menjamin hak pekerja dan majikan terpelihara.

DRIVING EXCELLENCE

SOCSO utilised the Strategic Plan 2016 – 2020 as the master document in realising planning programmes and initiatives for the remaining 2 years. The programmes and initiatives as well as targets and outcomes will become the yardstick for the organisation overall achievements. Priority is given to employees' social security and maintaining the welfare of the workforce, from the lowest level up to higher levels. To help in launching the goals and missions of SOCSO, five main cores are developed to ensure as well as guarantee that the rights of employees and employers are protected.

TERAS 1
MEMPERKASA KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
Untuk memperoleh kepakaran dan membangunkan bakat bagi menerajui organisasi;

TERAS 2
MENTRANSFORMASI PERKHIDMATAN MENERUSI PENJENAMAAN
Untuk memastikan kami terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi harapan pelanggan;

TERAS 3
MEMPERKUKUH KEMAMPANAN DANA DAN TADBIR URUS
Untuk menambah nilai kepada pemegang taruh dan meningkatkan pulangan pelaburan;

TERAS 4
MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL PELANGGAN
Untuk meningkatkan sosioekonomi Orang Berinsurans dan mendidik mereka mengenai pentingnya perlindungan keselamatan sosial serta memberikan input strategik kepada pembuat dasar bagi membangun dan melaksanakan rangka kerja keselamatan sosial yang menyeluruh; dan

TERAS 5
MELESTARIKAN BUDAYA KREATIVITI, INOVASI DAN KUALITI
Untuk memacu model penyampaian perkhidmatan dan memberikan tumpuan kepada inisiatif transformasi.

CORE 1
STRENGTHENING EXCELLENCE AND HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT
To acquire expertise and develop talent to lead the organisation;

CORE 2
TRANSFORMING SERVICE THROUGH BRANDING
To ensure that we continue to improve service delivery to fulfil customers' expectations;

CORE 3
CONSOLIDATING SUSTAINABILITY OF FUNDS AND GOVERNANCE
To add value to stakeholders and improve investment returns;

CORE 4
IMPROVING SOCIAL WELLBEING OF CUSTOMERS
To improve the socio-economy of Insured Persons and educate them on the importance of social security protection, as well as providing strategic input to policy-makers in developing and implementing a comprehensive social security framework; and

CORE 5
SUSTAINING A CULTURE OF CREATIVITY, INNOVATION AND QUALITY
To spur the service delivery model and give focus on transformation of initiative.

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

Lima kecemerlangan strategik ini merangkumi setiap aspek operasi PERKESO. Meskipun sudah mencapai kemajuan besar dari segi kecekapan operasi, PERKESO perlu terus meningkatkan keupayaan dan mempelopori inovasi untuk membolehkan organisasi ini terus relevan dan paling penting, terus menunaikan tanggungjawab utamanya. Dengan Pelan Strategik ini, saya amat yakin dengan keupayaan PERKESO untuk mengekalkan kecemerlangan dalam proses, sistem dan penyampaian perkhidmatannya.

These five strategic excellence cores cover each operational aspect of SOCSO. Although great progress has been achieved in terms of operational efficiency, SOCSO needs to continue improving its capability and pioneer innovation to enable the organisation to remain relevant and be of utmost importance, to continue discharging its key responsibilities. With this Strategic Plan, I am confident in SOCSO's capacity to maintain its excellence in its processes, systems and service delivery.

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]

merupakan satu inisiatif kerajaan dalam memastikan perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Employment Insurance System Act 2017 [Act 800]

this new scheme is an initiative by the government to ensure protection to employees who have lost their employment.

PERLUASAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL YANG INKLUSIF

PERKESO sentiasa mengambil pendekatan proaktif dalam mengkaji dan menambahbaik skim-skim yang sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang inklusif dan dinamik kepada pekerja dan tanggungan mereka selaras dengan prinsip dan keadilan sosial sejagat berdasarkan Konvensyen ILO C102 *Social Security (Minimum Standard)*, *1952* dan *R202 Social Security Protection Floor Recommendation, 2012.*

PERKESO melakar sejarah baharu apabila Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] diperkenalkan dan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2018. Pelaksanaan skim baharu ini merupakan satu inisiatif kerajaan dalam memastikan perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan.

EXPANSION OF SOCIAL SECURITY PROTECTION THAT IS INCLUSIVE

SOCSO always takes a proactive approach in examining and improving existing schemes under the Employees' Social Security Act 1969 to create an inclusive and dynamic social security network for employees and their dependants, in line with the universal principle and social justice based on the ILO Convention C102 Social Security (Minimun Standard) 1952 and R202 Social Security Protection Floor Recommendation 2012.

SOCSO created new history with the introduction and enforcement of the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800] beginning 1st January 2018. The implementation of this new scheme is an initiative by the government to ensure protection to employees who have lost their employment.

Pada 2018, pemohon yang layak di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) boleh menerima faedah interim iaitu elaun bulanan sebanyak RM600 sehingga maksimum 3 bulan. Sejumlah 23,525 permohonan kehilangan pekerjaan dilaporkan dan 18,083 daripadanya telah diluluskan, melibatkan bayaran sebanyak RM17.18 juta kepada pemohon yang layak. Manakala faedah penuh SIP akan dibayar mulai 1 Januari 2019.

Bagi memperkasa dan memperluaskan jaringan keselamatan sosial, PERKESO telah menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] mulai 1 Jun 2017. Sebagai permulaan, akta ini memberi perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk pemandu Grab. Sehingga 31 Disember 2018, bilangan pemandu teksi berdaftar adalah 7,808 orang dan pencarum aktif seramai 7,660 orang. Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini akan diperluaskan kepada sektor informal lain seperti nelayan, petani, penjaja, penggiat seni dan sebagainya secara berperingkat mulai tahun 2019.

Pada 1 Julai 2018, perlindungan keselamatan sosial PERKESO diperluaskan lagi kepada isteri atau suami yang bekerja dengan pasangannya yang memiliki perusahaan di bawah Akta 4 & Akta 800. Selain itu, PERKESO sedang di peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan bagi memperluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja warga asing, suri rumah dan pengkhidmat rumahtangga.

Selain itu, PERKESO turut memainkan peranan dalam penambahbaikan jaringan perlindungan sosial untuk rakyat Malaysia. Melalui insiatif seperti program Social Synergy serta penglibatan dalam Pelan Pembangunan Kesejahteraan Sosial negara bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Social Wellbeing Research Centre (SWRC) Universiti Malaya, PERKESO terus komited dalam membangunkan dan menyumbang kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara menyeluruh

---

In 2018, applicants who are eligible under the Employment Insurance System (EIS) can receive interim benefits in the form of monthly allowance of RM600 for a maximum of 3 months. A total of 23,525 applications under loss of employment were reported and 18,083 of them were approved, involving payments amounting to RM17.18 million to the qualified applicants. Full EIS benefits will be paid beginning 1st January 2019.

To strengthen and expand the social security network, SOCSO began the enforcement of the Self-Employment Social Security Act 2017 [Act 789] beginning 1st June 2017. For a start, this act provides protection under the Employment Injury Scheme to self-employed taxi drivers and individuals providing similar services including Grab drivers. As at 31st December 2018, the number of registered taxi drivers is 7,808 persons, with active contributors amounting to 7,660 persons. This Self-Employment Social Security Scheme will be expanded to include workers in other informal sectors such as fishermen, farmers, hawkers, artists and others, in stages beginning 2019.

On 1st July 2018, SOCSO's social security protection was expanded to include wives or husbands working with their spouses who own businesses, under Act 4 and Act 800. In addition, SOCSO is in the final stage of a feasibility study on expanding social security protection to foreign workers, housewives and domestic servants.

SOCSO also plays a role in improving the social security network for Malaysians. Through initiatives such as the Social Synergy programme as well as involvement in the National Social Wellbeing Development Plan together with the Employees' Provident Fund (EPF) and the Social Wellbeing Research Centre (SWRC) University of Malaya, SOCSO continues to be committed in comprehensively developing and contributing to the welfare and wellbeing of the Malaysian people.

INISIATIF PUBLISITI DAN PROMOSI

Pelbagai program dan inisiatif publisiti yang telah diadakan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO semakin menampakkan kesan positif. Sepanjang tahun 2018, PERKESO telah melaksanakan lebih 522 aktiviti publisiti dan promosi melalui pelbagai kaedah serta saluran media sama ada media cetak, elektronik mahupun media sosial.

Aktiviti-aktiviti publisiti dan promosi ini, selain daripada penguatkuasaaan, telah menyumbang kepada peningkatan pendaftaran majikan dan pekerja yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan [Akta 800] pada tahun 2018. Bilangan terkumpul pendaftaran majikan telah meningkat sebanyak 4.59% kepada 1.14 juta majikan berbanding 1.09 juta pada tahun 2017. Pada tempoh yang sama, bilangan pekerja berdaftar turut meningkat sebanyak 1.45% kepada 16.78 juta pekerja berbanding 16.54 juta pada 2017. Bilangan terkumpul pemandu berdaftar di bawah Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (Akta 789) adalah seramai 7,808 orang berbanding 2,455 orang pada tahun 2017.

Bilangan majikan aktif pada tahun 2018 meningkat 0.77% kepada 437,060 majikan berbanding 433,723 majikan dalam tahun sebelumnya, manakala bilangan pekerja aktif pula meningkat sebanyak 4.12% kepada 7.08 juta pekerja berbanding 6.80 juta dalam tahun 2017. Bilangan pemandu aktif di bawah Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri adalah seramai 7,660 orang berbanding 2,339 orang pada tahun 2017.

PUBLICITY AND PROMOTIONAL INITIATIVES

The numerous programmes and publicity intiatives carried out to provide understanding and awareness to workers and employers regarding the schemes and benefits offered by SOCSO are increasingly showing positive effects. Throughout 2018, SOCSO carried out more than 522 publicity and promotional activities, through various methods as well as media channels, be printed, electronic or social media.

These publicity and promotional activities, in addition to enforcement, have contributed to an increase in registration of employers and employees who qualify under the Employees' Social Security Act 1969, the Self-Employment Social Security Act [Act 789] and the Employment Insurance System Act [Act 800] in 2018, The accrued number of employer registration increased by 4.59% to 1.14 million employers compared to 1.09 million in 2017. Within the same period, the number of registered employees also increased by 1.45% to 16.78 million employees compared to 16.54 million in 2017. The accrued number of drivers registered under the Self-Employment Injury Scheme [Act 789] is 7,808 persons compared to 2,455 persons in 2017.

The number of active employers in 2018 increased by 0.77% to 437,060 employers compared to 433,723 employers in the previous years, whilst the number of active employees increased by 4.12% to 7.08 million employees compared to 6.80 million in 2017. The number of active drivers under the Self-Employment Injury Scheme is 7,660 drivers compared to 2,339 drivers in 2017.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan Program Saringan Kesihatan (HSP)

Inisiatif seperti ini dapat meningkatkan kesejahteraan sosial dan membantu peningkatan sosioekonomi Orang Berinsurans yang terbencana dan keluarga mereka, sejajar dengan pendekatan terbaik dalam konsep sistem keselamatan sosial iaitu ***'Return in Employment'*** atau kembali semula bekerja.

Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre and the Health Screening Programme (HSP)

Initiatives like these can improve social wellbeing and socioeconomy of Insured Persons who have been injured, and their families, in line with the best approach in the social security system concept that is, **'Return in Employment'** or return to work.

INISIATIF DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA

PERKESO sentiasa berusaha memenuhi misinya dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada Orang Berinsurans dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan demi meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan Orang Berinsurans. PERKESO giat melaksanakan program-program kesedaran untuk mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja.

Komitmen PERKESO menerusi inisiatif strategik dan tumpuan dalam bidang keberhasilan utama program *Return To Work*, penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan Program Saringan Kesihatan (HSP) yang dijalankan diyakini dapat menghasilkan kesan signifikan jangka panjang. Inisiatif seperti ini dapat meningkatkan kesejahteraan sosial dan membantu peningkatan sosioekonomi Orang Berinsurans yang terbencana dan keluarga mereka, sejajar dengan pendekatan terbaik dalam konsep sistem keselamatan sosial iaitu *'Return in Employment'* atau kembali semula bekerja.

INITIATIVES AND KEY RESULTS AREAS

SOCSO always strives to fulfil its mission of providing social security protection to Insured Persons and their dependants through social security schemes as well as instilling awareness of occupational safety and health in order to improve the wellbeing of Insured Persons. SOCSO actively implements awareness programmes to establish a culture of accident prevention at the workplace and on the communiting excident related to work.

SOCSO's commitment through strategic initiatives and focus on the Return To Work programme, establishment of the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre and the Health Screening Programme (HSP) key result areas is believed to be able to produce significant long-term effect. Initiatives like these can improve social wellbeing and socio-economy of Insured Persons who have been injured, and their families, in line with the best approach in the social security system concept that is, "Return in Employment" or return to work.

ULASAN TADBIR URUS KORPORAT

Semua ahli Lembaga Pengarah secara objektif menyempurnakan tugas dan tanggungjawab mereka pada setiap masa demi kepentingan organisasi. Setiap Ahli Lembaga Pengarah juga perlu mengikuti perkembangan terkini mengenai tanggungjawab sebagai pengarah serta urusan, aktiviti perniagaan dan perkembangan organisasi.

PERKESO terus fokus dalam memastikan tadbir urus korporat terbaik dapat dipraktikkan dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Semua Ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang dilantik telah memainkan peranan dan tanggungjawab yang signifikan menerusi komitmen yang diterjemahkan dalam kehadiran mereka di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang diadakan sepanjang tahun 2018. Dasar dan strategi dibuat berlandaskan nilai-nilai utama, prinsip dan ciri-ciri budaya organisasi PERKESO. Lembaga Pengarah berperanan menetapkan antara lain, struktur tadbir urus, kuasa dan terma rujukan Lembaga Pengarah, jawatankuasanya dan pihak pengurusan.

PERKESO mengiktiraf pengurusan risiko sebagai komponen penting dalam proses membuat keputusan, aktiviti pengoperasian dan pelaburan. Bagi memastikan risiko diurus dengan berkesan, PERKESO sentiasa menggalakkan dan memupuk budaya pengurusan risiko di dalam organisasi melalui pendekatan struktur tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang kukuh dan baik.

CORPORATE GOVERNANCE REVIEW

All members of the Board of Directors have objectively carried out their duties and responsibilities at all times in the interest of the organisation. Each Member of the Board needs to keep up with the latest development concerning their responsibilities as a director as well as the dealings, business activities and development of the organisation.

SOCSO continues to focus on ensuring that the best corporate governance can be practised in the implementation of its roles and functions. All Members of the Board and Board Committees appointed have played significant roles and responsibilities through commitment that is translated in their attendance in meetings of the Board and Board Committees held throughout 2018. Policies and strategies are made based on key values, principles and culture of SOCSO. The Board of Directors play the role of determining, among others, the structure for governance, power and terms of Reference of the Board, its committees and the management.

SOCSO recognises risk management as an important component in the decision-making process, operations activities and investment. To ensure that risk is effectively managed, SOCSO always encourages and fosters the culture of risk management within the organisation through solid and good governance structure approach and practice of risk management.

Melalui struktur tadbir urus ini, Lembaga PERKESO mengekalkan tanggungjawab keseluruhan bagi penyeliaan dan tadbir urus risiko melalui Jawatankuasa Risiko Lembaga yang mengawasi kesemua aktiviti pengurusan risiko, pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko, memberi arahan strategik, mempertimbangkan cadangan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan memastikan kecukupan infrastruktur, sistem serta sumber tersedia bagi memastikan fungsi pengurusan risiko dilaksanakan dengan efektif dan berkesan.

PERKESO mengamalkan pendekatan *Enterprise Risk Management (ERM)* dalam pengintegrasian pengurusan risiko secara menyeluruh dalam organisasi. Pendekatan ini adalah sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik berdasarkan kepada dasar, rangka kerja dan proses yang berasaskan *"ISO 31000:2010 Risk Management Principles & Guidelines"*.

Pendekatan tadbir urus risiko PERKESO menggariskan akauntabiliti pemilikan risiko di seluruh organisasi bagi membolehkan tanggungjawab diselaraskan secara efektif dan proaktif, bagi setiap aktiviti pengoperasian yang berisiko. Usaha dan inisiatif yang berterusan juga dijalankan bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko seperti pelaksanaan polisi risiko yang komprehensif, penambahbaikan kaedah dan metodologi pengurusan risiko, penambahbaikan sistem dan pembangunan modal insan.

SOCSO's risk governance approach outlines risk ownership accountability in the whole organisation to enable responsibility to be coordinated effectively and proactively, for each operational activity with risk. Continued efforts and initiatives are also carried out to ensure effectiveness of risk management such as the implementation of comprehensive risk policy, improvement of risk management methods and methodology, improvement of system and human capital development.

Through this governance structure, the SOCSO Board maintains overall responsibility for supervision and risk governance through the Board Risk Committee which monitors all risk management activities, implementation of risk management framework, issuance of strategic directives, consideration of proposals by the Risk Management Committee and ascertainment of sufficiency of infrastructure, system as well as sources in existence to ensure effective implementation of risk management functions.

SOCSO practises the Enterprise Risk Management (ERM) approach in integrating risk management comprehensively within the organisation. This approach is part of the good corporate governance practice based on the policy, framework and process based on the "ISO 3100:2010 Risk Management Principles & Guidelines".

PERKESO telah melantik dan menempatkan seorang pegawai SPRM mulai 1 Mac 2018 untuk mengetuai Bahagian Integriti. Lima fungsi utama telah diberi keutamaan iaitu:

SOCSO has appointed and placed an MACC officer to head the Integrity Division with effect from 1st March 2018. This five key functions have been given priority namely:

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT

Pengurusan tertinggi PERKESO amat berdedikasi dan komited dalam meningkat dan memperkukuhkan tadbir urus organisasi walaupun dikategorikan sebagai agensi yang berisiko rendah dari perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Namun begitu, PERKESO menjadikan agenda utama dalam memastikan integriti anggota dan organisasi berada pada tahap yang terbaik. PERKESO telah melantik dan menempatkan seorang pegawai SPRM mulai 1 Mac 2018 untuk mengetuai Bahagian Integriti. Lima fungsi utama telah diberi keutamaan iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengurusan aduan, pematuhan, pengesanan & pengesahan dan tatatertib.

Selain itu, PERKESO turut menempatkan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang ditauliahkan untuk memainkan peranan penting dalam organisasi ke arah memupuk nilai-nilai dan budaya integriti dan etika.

IMPROVING CORPORATE GOVERNANCE AND INTEGRITY

SOCSO's highest management is very dedicated and committed in improving and strengthening the organisation's governance despite being categorised as a low-risk agency in terms of commission of corruption, misappropriation and abuse of power.

Nevertheless, SOCSO has made it the key agenda in ensuring that the integrity of staff and organisation is at the best level. SOCSO has appointed and placed an MACC officer to head the Integrity Division with effect from 1st March 2018. Five key functions have been given priority, namely, governance, consolidation of integrity, complaints management, compliance, detection & verification and discipline.

In addition, SOCSO has also placed a Certified Integrity Officer (CeIO) to play an important role in the organisation towards fostering the values and culture of integrity and ethics.

MELANGKAH KE HADAPAN

Memandangkan prospek ekonomi global masih belum menunjukkan tanda kestabilan menjelang tahun 2019, PERKESO dijangka akan terus berhadapan dengan cabaran untuk membuat pelaburan yang selamat tetapi menguntungkan pada tahun akan datang. Dengan persekitaran ekonomi dan iklim pelaburan yang masih tidak memberangsangkan, PERKESO perlu bekerja keras untuk terus mengekalkan momentum kemampanan dana.

Sementara itu, PERKESO akan terus menilai dan mengimbangkan semula portfolio pelaburan yang terikat kepada model Alokasi Aset Strategik yang amat penting kepada rangka kerja pengurusan risiko yang lebih luas. PERKESO akan terus mengorak langkah berani ke hadapan seiring dengan perubahan landskap keselamatan sosial semasa. Perkhidmatan awam di seluruh dunia sedang menghadapi cabaran baharu dalam bentuk permintaan dan ekspektasi yang semakin meningkat daripada pelanggan dan pihak berkepentingan. Cabaran besar menanti dengan persekitaran yang mencabar, ketidakpastian yang meningkat dalam landskap ekonomi global, arena politik dan dasar dalam ekonomi utama yang menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan ekonomi dunia pada tahun 2019.

Bagi menghadapi cabaran ini, PERKESO akan membuat beberapa transformasi secara berterusan bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pelanggan, mengoptimumkan tenaga sumber manusia yang berkeupayaan serta memanfaatkan kemajuan teknologi.

Program Transformasi Pembangunan Modal Insan PERKESO terus dipergiatkan untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing, kreatif dan berintegriti. Inisiatif melestarikan budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan anggota adalah dengan mewujudkan persekitaran dan prasarana yang kondusif bagi merangsang cetusan idea dan inovasi.

MOVING FORWARD

In view of the global economic prospect that has yet to give indications of stability by the year 2019, SOCSO is expected to continue facing challenges in carrying out investments that are safe but profitable in the following year. With an economic environment and investment climate that is still not encouraging, SOCSO needs to work hard to maintain the momentum of fund sustainability.

Meanwhile, SOCSO will continue to evaluate and reconsider its investment portfolio that is tied to the Strategic Asset Allocation model that is very important to the more expansive risk management framework. SOCSO will continue to stride bravely forward hand in hand with the changes in the current social security landscape. Public service worldwide is facing new challenges in the form of increasing demands and expectations from customers and stakeholders. Great challenges await with such challenging environment, increasing uncertainties in the global economic landscape, political arena and policies in key economies which raise worries in the future of world economy in 2019.

In facing these challenges, SOCSO will make several continuous transformation in improving the quality of customer service delivery, optimising capable human resources as well as taking advantage of technological advancements.

The SOCSO Human Capital Development Transformation programme continues to be enhanced in order to produce human capital that is competitive, creative and with integrity. Initiative is taken to sustain the culture of creativity and innovation among the staff by establishing conducive environment and infrastructure to stimulate sparks of ideas and innovation.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pemegang taruh berkepentingan kerana kepercayaan dan sokongan mereka terhadap PERKESO. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pencarum PERKESO kerana memberikan maklum balas dan cadangan secara jujur yang sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan kami dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan PERKESO. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua majikan yang begitu tekun mencarum kepada PERKESO. Kami sangat menghargai hubungan kerja dengan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, serta berharap hubungan dan kerjasama ini dapat diteruskan demi kepentingan rakyat. PERKESO telah berjaya menempuhi suasana yang mencabar, bahkan menjadi semakin kukuh dan lebih bersedia. Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga PERKESO dan pihak pengurusan yang telah bekerja gigih serta memperlihatkan semangat yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka untuk menegakkan nilai-nilai murni. Mereka berhak mendapat setinggi-tinggi penghargaan kerana dedikasi mereka terhadap organisasi ini.

Tidak dilupakan rakan seperjuangan saya dalam Lembaga dan Panel Pelaburan yang terus menerus memberikan panduan kepada PERKESO dengan kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan mereka yang sangat berharga. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli Lembaga yang telah menamatkan perkhidmatan di atas sumbangan mereka, iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat mantan Pengerusi Lembaga; Dr. Sirajuddin Bin Hashim, mewakili Kementerian Kesihatan; Encik Ramadass A/L Arumugam dan Encik Alan Khoo Choom Kwong, yang mewakili Majikan; Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Haji Hamid dan Dato' Abdul Halim Bin Mansor, mewakili Orang Berinsurans; Encik Bati Juram, YB Dato' Normala Binti Abdul Samad dan YB Haji Mohd Iskandar Bin Jaafar, mewakili Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial; dan Encik Albert Tang Yew Liong yang mewakil Ahli Silih Ganti.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board, I would like to thank all stakeholders for their belief and support in SOCSO. I would also like to thank all SOCSO contributors for giving honest feedback and suggestions, which received our attention and consideration in the effort to improve SOCSO's service. I also thank all the employers who diligently contribute to SOCSO. We really appreciate the working relationship with the various ministries and government agencies, and hope that this relationship and cooperation will be continued in the interest of the people. SOCSO has successfully faced challenging situations and in fact, has become stronger and more prepared. Hence I would like to thank all SOCSO staff as well as its management who have dedicatedly worked and displayed high spirits in carrying out their duties to uphold noble values. They deserve the highest appreciation for their dedication towards the organisation.

I would also like to thank my colleagues in the Board and Investment Panel who continue to give guidance to SOCSO with their valuable wisdom and knowledge. I would also like to take this opportunity to thank the members of the Board who have completed service for their contributions, namely, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat, the former Chairman of the Board; Dr. Sirajuddin Bin Hashim, representing the Ministry of Health; Mr. Ramadass A/L Arumugam and Mr. Alan Khoo Choom Kwong, members representing Employers; Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid and Dato' Abdul Halim bin Mansor, members representing Insured Persons; Mr. Bati Juram, YB Dato' Normala Binti Abdul Samad and YB Haji Mohd Iskandar Bin Jaafar, representing Members with Experience in Social Security; and Mr. Albert Tang Yew Liong representing Alternate Members.

Pada masa yang sama, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Encik Tan See Pin dan Encik Wasu A/L Arumugam, yang kedua-duanya dilantik pada 1 Julai 2018 dan Encik Vembarasan A/L Varakkannu yang dilantik pada 21 Ogos 2018 mewakili Ahli Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial.

2. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
3. ENCIK RAMADASS A/L ARUMUGAM

Nota / Note:

Dr. Sirajuddin bin Hashim	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.12.2018
Encik Ramadass A/L Arumugam	Tamat perkhidmatan / Completion of service 15.08.2018

JAWATANKUASA PEROLEHAN 2018
PROCUREMENT COMMITTEE 2018

1. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
3. DATO' AMIR BIN OMAR
4. DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
5. DATUK AZIH BIN MUDA
6. ENCIK ABDULLAH SUHAIMIN BIN MD YUNUS

Nota / Note:

Dr. Sirajuddin bin Hashim	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.12.2018

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA
BOARD COMMITTEE MEMBERS

JAWATANKUASA PUSAT REHABILITASI 2018
REHABILITATION CENTRE COMMITTEE 2018

1. TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
2. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. DR. SIRAJUDDIN BIN HASHIM
4 DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI
5. DATO' DR. VASAN SINNADURAI

Nota / Note:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh bin Haji Che Mat	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.10.2018
Dr. Sirajuddin bin Hashim	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.12.2018

JAWATANKUASA PENGURUSAN PRESTASI 2018
PERFORMANCE MANAGEMENT COMMITTEE 2018

1. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
2. ENCIK RAMADASS A/L ARUMUGAM
3. HAJI MOHAMAD IBRAHIM BIN HAJI HAMID A.B.S.
4. PROFESSOR DATO' DR. SUDIN BIN HARON
5. HAJI ISKANDAR BIN JAAFAR

Nota / Note:

Encik Ramadass a/l Arumugam	Tamat perkhidmatan / Completion of service 15.08.2018
Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid A.B.S.	Tamat perkhidmatan / Completion of service 15.08.2018
Haji Mohd Iskandar bin Jaafar	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.06.2018

JAWATANKUASA SKIM PEKERJAAN SENDIRI 2018
SELF EMPLOYMENT SCHEME COMMITTEE 2018

1. TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
2. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. DATO HAJI ASLAH BIN ABDULLAH
4. DATO' AMIR BIN OMAR
5. ENCIK HAZIM BIN JAMALUDDIN
6. ENCIK WONG WAI KHUEN
7. ENCIK MD. HASBULLAH BIN MOHAMAD

Nota / Note:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh bin Haji Che Mat	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.10.2018

JAWATANKUASA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2018
EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM COMMITTEE 2018

1. TAN SRI DATO' SERI DR. ASEH BIN HAJI CHE MAT
2. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
3. PUAN BETTY BINTI HASAN
4. DR. NIRWAN BIN NOH
5. DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF
6. DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM
7. ENCIK KAMAL BIN PARDI
8. ENCIK JACK MEREDU KO
9. ENCIK AWANG RADUAN BIN AWANG PARDI
10. ENCIK KHALID BIN JALI
11. ENCIK NIDZAM BIN KAMARULZAMAN
12. DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH
13. ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN
14. ENCIK WAN ZULKFLI BIN WAN SETAPA
15. DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR
16. ENCIK ANDREW LO KIAN NYAN
17. ENCIK SOMAHSUNDRAM SOMOO
18. DATUK NORAINI BINTI SOLTAN
19. DATUK MICHAEL KANG
20. DATO' LOW KIAN CHUAN
21. DATO' SRI ISMAIL BIN AHMAD
22. DATO' WIRA JALILAH BIN BABA
23. PROF. DATUK DR. NORMA BINTI MANSOR
24. ENCIK RAHIM BIN MOHAMAD
25. ENCIK MUSALMAN BIN AHMAD ISKANDAR SHAH

Nota / Note:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh bin Haji Che Mat	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.10.2018
Dato' Abdul Halim bin Mansor	Tamat perkhidmatan / Completion of service 20.08.2018
Datuk Michael Kang	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.10.2018
Encik Jack Meredu Ko	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.06.2018
Encik Nidzam bin Kamarulzaman	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.10.2018)
Encik Asri bin Ab Rahman	Tamat perkhidmatan / Completion of service 01.06.2018
Dato' Sri Ismail bin Ahmad	Tamat perkhidmatan / Completion of service 31.08.2018
Dato' Wira Jalilah bin Baba	Tamat perkhidmatan / Completion of service 31.08.2018

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Chief Executive
Social Security Organization

Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Pada tahun 2018, PERKESO telah memperkenal dan melaksanakan pelbagai program serta inisiatif baharu bagi memastikan perlindungan keselamatan sosial pekerja di negara ini sentiasa dinamik dan inklusif mengikut keperluan rakyat dan negara, seiring dengan perubahan dalam landskap keselamatan sosial semasa.

REFLEKSI TAHUN 2018

"Kejayaan PERKESO dalam memartabatkan jaringan keselamatan sosial khususnya kepada pekerja di negara ini telah mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Kreativiti dan inovasi yang dilahirkan dalam penyampaian perkhidmatan telah memberi kejayaan dan impak besar menerusi beberapa bidang keberhasilan utama. Sesungguhnya pencapaian cemerlang ini telah melonjakkan imej PERKESO sebagai organisasi keselamatan sosial pekerja".

Inisiatif PERKESO untuk mewujudkan satu sistem bersepadu dalam menyampaikan perkhidmatan yang efisien dan mesra pengguna telah dilaksanakan dengan pengenalan kepada Portal ASSIST pada 1 Januari 2018. Menerusi platform ini, majikan boleh mengemukakan data caruman dan bayaran dalam talian yang secara langsung membolehkan majikan mengemaskini maklumat gaji dan caruman setiap pekerja tanpa perlu lagi mengemukakan jadual caruman fizikal (Borang 8A) atau hadir ke pejabat PERKESO.

Assalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

In 2018, SOCSO introduced and implemented various new programmes and initiatives to ensure that the employees' social security protection in this country remain dynamic and inclusive, in accordance with the needs of the people and nation, in line with changes in the current social security landscape.

REFLECTIONS OF 2018

"The success of SOCSO in upholding the social security network, in particular to the workers of this country, has gained various recognition at national and international levels. The creativity and innovation created in service delivery have brought great success and impact through several key result areas. Indeed, this excellent achievement has propelled SOCSO's image as an organisation for employees' social security."

SOCSO's initiative in creating an integrated system in service delivery that is efficient and user-friendly was implemented with the introduction of the ASSIST Portal on 1st January 2018. Using this platform, employers can submit contribution data and payment directly online, enabling them to update information on salary and contribution of each employee without having to submit the physical contribution form (Form 8A) or presenting themselves at SOCSO offices.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

Hasil inisiatif ini, PERKESO telah menerima anugerah *Top FPX Merchant (Government Sector)* di majlis Malaysian *e-Payment Excellence Award 2018* pada 11 April 2018 yang dianjurkan oleh *Payment Network Malaysia (PayNet)* dengan mengatasi pencapaian KWSP dan LHDN. Pencapaian ini merupakan satu penghormatan kepada PERKESO atas usaha mempromosikan bayaran secara *online* melalui *FPX (Financial Process Exchange).* Peralihan ini adalah satu cabaran yang perlu PERKESO tempuhi untuk memudahkan proses bagi majikan.

Pelaksanaan Inovasi Khidmat Pelanggan yang kedua ialah e-Pulih, yang menyediakan perkhidmatan operasi dua puluh empat jam setiap hari bagi permohonan implan bagi Orang Berinsurans. Portal ini merupakan hasil kerjasama antara PERKESO dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam penyampaian kemudahan berimpak tinggi kepada orang ramai dengan kos yang rendah.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada anggota-anggota PERKESO yang telah bekerja keras melaksanakan penambahbaikan sistem-sistem perkhidmatan PERKESO dalam talian dengan lancar, dan tidak lupa juga kepada para majikan yang telah memberi kerjasama yang baik dan menerima inisiatif-inisiatif ini.

As a result of this initiative, SOCSO received the Top FPX Merchant (Government Sector) award at the Malaysian e-Payment Excellence Award 2018 on 11th April 2018 which was organised by the Payment Network Malaysia (Payment), overtaking the achievements of the Employees' Provident Fund and the Inland Revenue Board. This achievement is an honour to SOCSO on its efforts in promoting online payment using the PFX (Financial Process Exchange). This transition was one of the challenges that SOCSO needed to face in order to facilitate the process for employers.

The second Customer Service Innovation implemented was the *e-Pulih*, providing twenty-four hour operational service each day for applications for implants for Insured Persons. This portal is a collaboration between SOCSO and the Ministry of Health Malaysia, in delivering high impact facilities to the public at low costs.

I would like to congratulate all SOCSO's staff who have worked very hard in implementing such improvements to SOCSO's online service systems smoothly, and also the employers who cooperated well and accepted such initiatives.

PERKESO bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek perlindungan Orang Berinsurans tetapi juga dalam aspek pencegahan dan promosi. PERKESO telah melaksanakan program *Workplace Health Promotion (WHP)* di mana WHP PERKESO merupakan program pertama di dunia yang berjaya memenuhi kriteria *ISSA Recognition Program Guidelines*. Program ini telah mendapat pengiktirafan *"Certificate Of Excellence (2018)"* bagi projek *Workplace Health Promotion* daripada *International Sosial Security Association (ISSA)*. Dengan mengetengahkan konsep promosi kesihatan, program ini dilaksanakan untuk mengenal pasti risiko dan mengurangkan ancaman penyakit tidak berjangkit di tempat kerja.

Antara cetusan idea dan inovasi lain yang dijalankan adalah Penggunaan Sistem *Voucherless HSP*, dan kerjasama dengan MIROS *(Malaysian Institute of Road Safety Research)* dalam membangunkan *Commuting Safety Support Program (CSSP)* berdasarkan garis panduan *SIRIM Standard 2014 "Good Practices in Implementing Commuting Safety Management"* untuk membantu industri melaksanakan program pencegahan kemalangan perjalanan kepada pekerja menerusi majikan masing-masing.

Satu lagi usaha PERKESO dalam menawarkan perkhidmatan perlindungan sosial terbaik kepada rakyat Malaysia adalah menerusi *inisiatif Social Synergy*. Program *Social Synergy* menggabungkan tujuh agensi lain seperti GIATMARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) selain PERKESO dan AKPK sebagai tunjang utama. Program ini adalah yang pertama seumpamanya, menawarkan sebuah platform keselamatan sosial yang komprehensif dan bersistematik. PERKESO bukan sahaja mengutamakan kualiti perkhidmatan skim-skim yang diurus oleh organisasi ini, tetapi juga mengambil langkah-langkah proaktif untuk memperbaiki ekosistem perlindungan sosial untuk kemaslahatan seluruh warga Malaysia.

SOCSO did not only direct its focus towards protection of Insured Persons, but in fact it also gave attention to prevention and promotion aspects as well. The Workplace Health Promotion (WHP) programme was implemented wherein it became the first programme in the world to successfully meet the ISSA Recognition Programme Guidelines criteria. This programme was awarded the "Certificate of Excellence 2018" by the International Social Security Association (ISSA). By highlighting the concept of health promotion, this programme was implemented to identify risks and reduce the threat of non-communicable diseases at the workplace.

The sparks of ideas and innovations initiated included the use of Voucherless HSP System, and the cooperation with MIROS (Malaysian Institute of Road Safety Research) in developing the Commuting Safety Support Programme (CSSP) based on the SIRIM Standard 2014 "Good Practices in Implementing Commuting Safety Management" guidelines, to help industries implement commuting accident prevention programmes among employees through their respective employers.

Another effort by SOCSO in offering the best social protection service to the people of Malaysia was through the Social Synergy initiative. This programme involved the collaboration of seven agencies such as GIATMARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), the Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC), Department of Labour Peninsular Malaysia and the Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) in addition to SOCSO and AKPK as the main agency. This programme is the first of its kind to offering a comprehensive and systematic social security platform. SOCSO does not solely focus on the quality of services managed by the organisation but it also takes proactive measures to improve the social protection ecosystem for the benefit of all Malaysians.

PERLUASAN LIPUTAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

Sistem Insurans Pekerjaan

PERKESO telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] yang bertujuan untuk melindungi dan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui dua (2) komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan dan Perkhidmatan Pekerjaan.

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang mula dikuatkuasakan pada Januari 2018 merupakan skim baharu yang memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan melalui penggantian pendapatan serta menyediakan latihan *reskilling* dan *upskilling* untuk memudahkan pekerja mendapat pekerjaan baharu. Perkhidmatan pencarian pekerjaan turut dilaksanakan supaya mereka mendapat pekerjaan yang bersesuaian dan dapat kembali sebagai tenaga kerja dengan lebih cepat.

Sehingga Disember 2018, PERKESO telah menerima sebanyak 23,525 permohonan kehilangan pekerjaan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 18,083 pemohon layak menerima bantuan interim yang melibatkan pembayaran berjumlah RM17.18 juta.

2018, PERKESO telah menerima sebanyak 23,525 permohonan kehilangan pekerjaan
daripada jumlah tersebut, sebanyak 18,083 pemohon layak menerima bantuan interim.

2018, SOCSO has received a total of 23,525 loss of employment applications
and of the said number, 18,083 applicants were eligible to receive interim aid

EXPANSION OF SOCIAL SECURITY NETWORK COVERAGE

Employment Insurance System

SOCSO began its enforcement of the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800] with the purpose of protecting and helping workers who have lost their employment, through two (2) main components, namely Employment Insurance and Employment Services.

The Employment Insurance System (EIS) which came into effect in January 2018 is a new scheme offering protecting to workers who have lost their employment through replacement of income as well as provision of reskilling and upskilling training to facilitate them in searching for new jobs. Job search services are also offered so that they can be suitably employed and return as part of the workforce more quickly.

As at December 2018, SOCSO has received a total of 23,525 loss of employment applications and of the said number, 18,083 applicants were eligible to receive interim aid involving payments amounting to RM17.18 million.

Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri

PERKESO turut memperluaskan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial kepada mereka yang bekerja sendiri melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] yang telah dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017.

PERKESO menyedari bahawa golongan pekerja yang bekerja sendiri terdedah kepada pelbagai risiko walhal mereka tidak disediakan sebarang perlindungan disebabkan mereka tidak termasuk dalam sektor pekerjaan formal. Mengambil kira kepelbagaian sektor informal di Malaysia, PERKESO mengambil pendekatan dengan menyediakan perlindungan kepada pekerja yang bekerja sendiri secara berperingkat mengikut sektor pekerjaan. Sebagai permulaan, akta ini memberi perlindungan kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk pemandu Grab. Sehingga Disember 2018, bilangan pemandu teksi berdaftar seramai 7,808 orang berbanding 2,455 orang pada 2017 dengan jumlah kutipan caruman sebanyak RM1,426,424.10.

PERKESO sedang dalam langkah meluaskan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri kepada sektor informal yang lain seperti nelayan, petani, penjaja, penggiat seni dan sebagainya secara berperingkat dijangka mulai akhir tahun 2019.

Self-Employment Injury Scheme

SOCSO also expanded its Social Security Protection Scheme to people who are self-employed through the Self-Employment Social Security Act 2017 [Act 789] which came into effect on 1st June 2017.

The organisation realised that those who are self-employed are also exposed to various risks but they are not provided with any protection as they are not part of the formal employment sector. Taking into account the diversity of informal sectors in Malaysia, SOCSO took the approach to providing protection to the self-employed in stages, according to the employment sectors. For a beginning, the act provides protection to self-employed taxi drivers and individuals carrying out such services including Grab drivers. As at December 2018, a total of 7,808 taxi drivers were registered compared to 2,455 in 2017, with a total collection of RM1,426,424.10.

SOCSO is now in the process of expanding the Self-Employment Social Security Scheme to other informal sectors such as fishermen, farmers, hawkers, arts activists and others, in stages, which is expected to commence at the end of 2019.

PERKESO mengambil pendekatan dengan menyediakan perlindungan kepada pekerja yang bekerja sendiri secara berperingkat mengikut sektor pekerjaan.
Sebagai permulaan, akta ini memberi perlindungan kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya termasuk pemandu Grab.

SOCSO took the approach to providing protection to the self-employed in stages, according to the employment sectors.
For a beginning, the act provides protection to self-employed taxi drivers and individuals carrying out such services including Grab drivers.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA

Program *Return To Work*

Program *Return To Work (RTW)*, yang diperkenalkan pada 15 Januari 2007, terus memberi hasil yang positif kepada peserta atau Orang Berinsurans. RTW adalah program pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilangupaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Bagi tahun 2018, seramai 3,829 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan berbanding sasaran seramai 3,100 orang. Sejak program ini dilancarkan, seramai 21,966 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula ke alam pekerjaan.

2018
3,829 Orang Berinsurans
yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan

2018
3,829 Insured Persons
who participated in the programme were successfully rehabilitated

KEY RESULTS AREA

Return To Work Programme

The Return To Work (RTW) programme which was first introduced on 15th January 2007 continues to produce positive results amongst participants or Insured Persons. The RTW programme is a physical rehabilitation programme offered to SOCSO Insured Persons who experience disablement due to injury or disease, to be physically and vocational rehabilitated and subsequently return to work earlier, healthy and safe. In 2018, 3,829 Insured Persons who participated in the programme were successfully rehabilitated compared to the target of 3,100 person. Since its inception, a total of 21,966 workers were successfully rehabilitated and returned to gainful employment.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR)

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang terletak di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka dan beroperasi mulai pada 1 Oktober 2014, merupakan medium utama dalam merealisasikan program RTW.

Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre

The SOCSO Rehabilitation Centre situated in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka began. Its operations on 1st October 2014. The centre is the main medium in realising the RTW programme.

Demi meningkatkan kualiti perkhidmatan rehabilitasi dan mengoptimumkan pemulihan pesakit, latihan yang berterusan kepada pasukan multidisiplin sentiasa diadakan seperti kursus *"Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax)"* dan *Bobath*. Peralatan berteknologi tinggi dan terkini seperti peralatan *Neurorobotics Cyberdyne Hybrid Assistive Limb (HAL) Robot Suit* dari Jepun turut dibawa masuk dan disediakan bagi rawatan pesakit. Sudah pasti dengan kesemua pencapaian ini, PRPTAR telah meletakkan penanda aras baharu dalam perkhidmatan rehabilitasi di Malaysia serta rantau Asia. Ramai delegasi dari dalam dan luar negara telah melawat pusat ini untuk berkongsi ilmu serta kepakaran. Kecemerlangan Pusat Rehabilitasi PERKESO terus mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Pada 1 Mei 2018 di Dubai, PERKESO telah menerima anugerah yang berprestij *Fiabci World Prix D'excellence Awards 2018 - World Gold Winner (Purpose Built Category)* untuk reka bentuk bangunan PRPTAR yang salutogenik, inklusif, konsep bangunan hijau, sejagat, dan biopsikososial yang bertaraf antarabangsa dalam menawarkan perkhidmatan rehabilitasi komprehensif di bawah satu bumbung. Satu lagi pencapaian bersejarah buat PRPTAR apabila ia berjaya memenangi dua anugerah *AIA Vitality*, iaitu Malaysia's *Healthiest Employer (Winner) & Healthiest Workplace (Highly Commended)* pada 26 November 2018 untuk amalan budaya kerja yang positif dan sihat dalam memberikan perkhidmatan yang bertaraf dunia.

Pada tahun 2018, seramai 1,225 pesakit telah berjaya menjalani rawatan pemulihan berbanding 988 pesakit pada tahun 2017, melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional yang komprehensif bagi mengembalikan semula Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung, dapat meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan taraf hidup mereka.

In order to improve the quality of rehabilitation service and optimise patient rehabilitation, continued training to the multi-disciplined team is always given, such as the "Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax)" course and the Bobath course. High technology equipment and the latest tools such as the Neurorobotics Cyberdyne Hybrid Assistive Limb (HAL) Robot Suit are brought in from Japan and provided for treatment. It is certain that with all these achievements, the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre has set a new benchmark in rehabilitation services in Malaysia as well as in the Asian region. Many delegates from within the country and abroad have visited this centre to participate in sharing of knowledge and expertise. The excellence of the SOCSO Rehabilitation Centre continues to garner various recognition internationally.

On 1st May 2018 in Dubai, SOCSO received the prestigious Fiabci World Prix D'excellence Award 2108 - World Gold Winner (Purpose Built Category) for the design of the Rehabilitation Centre building that is salutogenic, inclusive, green, universal and biopsychosocial and of international standards, in offering comprehensive rehabilitation services under one roof. Another historical achievement by the Centre was when it was given two AIA Vitality awards, namely the Malaysia's Healthiest Employer (Winner) and the Healthiest Workplace (Highly Commended) awards on 26th of November 2018 for its positive and healthy working culture practices in providing world-class service.

In 2018, a total of 1,225 patients successfully underwent rehabilitation treatment compared to 988 patients in 2017, through comprehensive physical and vocational rehabilitation, to SOCSO's Insured Persons Return To Work, thus indirectly improving their socio-economic status and wellbeing.

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF
STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

Program Saringan Kesihatan (HSP)

Pada tahun 2018, sebanyak 233,491 baucar telah diedarkan kepada pekerja yang layak dan menjadikan seramai 2.83 juta pencarum layak menjalani saringan kesihatan di bawah program ini. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, seramai 541,855 pencarum PERKESO telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan daripada jumlah tersebut, seramai 134,054 orang pencarum wanita turut menjalani pemeriksaan mamogram. Program Pemeriksaan Kesihatan pada tahun ini melibatkan perbelanjaan lebih RM3 juta. Bagi memastikan penggunaan baucar yang lebih meluas, PERKESO telah mengambil pelbagai inisiatif dan membuat hebahan mengenai program ini kepada orang ramai menerusi jalinan kerjasama dan penambahan bilangan klinik panel pemeriksaan kesihatan di seluruh negara.

Health Screening Programme (HSP)

In 2018, a total of 233,491 vouchers were distributed to workers who are qualified, as to date 2.83 million contributors which are eligible to undergo health screening under this programme. Since its introduce in 2013, a total of 541,855 SOCSO contributors have undergone health screening and of the said number, 134,054 female contributors also underwent mammogram examinations. The Health Screening Programme this year involved an expenditure exceeding RM3 million. To ensure more widespread use of the vouchers, SOCSO has taken several approaches and made public announcements about this programme, through a network of cooperation and addition of health screening panel clinics throughout the country.

2018
233,491 baucar
telah diedarkan
kepada pekerja yang layak

2018
233,491 vouchers
were distributed to workers
who are qualified

OSHMP2020 dilaksanakan bagi memastikan suasana kerja selamat dan sihat setanding dengan negara maju.

OSHMP2020
is implemented to ensure a working environment that is safe and healthy, at par with developed nations.

Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

PERKESO mendokong Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP2020) yang dijadikan asas halatuju kepada aktiviti pembangunan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini untuk mewujudkan suasana kerja yang selamat, sihat dan kondusif. Ini sejajar dengan aspirasi kerajaan yang menyasarkan untuk menjadi antara negara maju dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. PERKESO komited mendokong hasrat murni ini agar ianya dapat mencapai objektifnya iaitu penurunan kadar kemalangan pekerjaan kepada 2.53 per 1,000 pekerja, kadar kematian kepada 4.36 per 100,000 pekerja dan peningkatan pelaporan penyakit dan kemalangan pekerjaan sebanyak 30% menjelang tahun 2020. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan suasana kerja selamat dan sihat setanding dengan negara maju dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Occupational Safety and Health Programme

SOCSO supports the Occupational Safety and Health Master Plan (OSHMP2020) that is the directional basis for occupational safety and health development activities in this country, to create a working environment that is safe, healthy and conducive. This is in line with the government's aspiration that aims to become a developed nation in economy, wellbeing of the people and innovation. SOCSO is committed in supporting this noble goal so as to achieve its objective of reducing occupational accident rates to 2.53 per 1,000 workers, death rates to 4.36 per 100,000 workers and increasing reporting of occupational disease and accidents by 30%, by the year 2020. This effort is implemented to ensure a working environment that is safe and healthy, at par with developed nations within the next five years.

2018
Sebanyak 480 Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah berjaya dilaksanakan berbanding sasaran sebanyak 420 program

2018
480 Occupational Safety and Health Programmes were successfully carried out compared to the target of 420 programmes

Pada tahun 2018, PERKESO telah melaksanakan usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan pergi balik ke tempat kerja dengan memberi fokus kepada sektor-sektor utama yang menyumbang kepada bencana kerja. Pada tahun 2018, sebanyak 480 Program Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan telah berjaya dilaksanakan berbanding sasaran sebanyak 420 program. Daripada keseluruhan program tersebut, sebanyak 96 program melibatkan Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (Commuting Safety Support Program) dan 190 program Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melibatkan majikan terpilih (Kadar Kemalangan Tertinggi).

In 2018, SOCSO carried out continued efforts in creating a culture of accident prevention at the workplace and commuting accidents by focusing on main sectors that contribute to work accidents. In 2018, 480 Occupational Safety and Health Programmes were successfully carried out compared to the target of 420 programmes. Out of the overall number of programmes, 96 programmes were involved the Commuting Safety Support Programme and 190 were Occupational Safety and Health Awareness Programmes involving selected employers (highest accident rates).

PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO

Pembukaan Pejabat Baharu

PERKESO terus mendekati rakyat dengan melebarkan jaringan perkhidmatan di mana pejabat baharu dibuka di lokasi-lokasi strategik yang akan memudahkan akses kepada pelanggan untuk berurusan dengan PERKESO. Pada tahun 2018, PERKESO telah membuka sebuah lagi pejabat baharu iaitu di Tanjung Karang, Selangor menjadikan jumlah pejabat PERKESO di seluruh negara sebanyak 54 buah pejabat.

BRINGING SOCSO TO THE PEOPLE

Opening of New Offices

SOCSO continues to become closer to the people by expanding its network of services with the opening of new offices in strategic locations which will facilitate client's access in dealing with SOCSO. In 2018, SOCSO opened a new office in Tanjung Karang, Selangor, bringing the number of offices nationwide to 54.

Publisiti dan Promosi Korporat

Aktiviti-aktiviti publisiti diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO. PERKESO telah melaksanakan lebih 522 program publisiti dan promosi berbanding 378 yang disasarkan, melalui pelbagai kaedah serta saluran media sama ada media cetak mahupun media elektronik. Publisiti melalui media massa telah memainkan peranan penting dalam memastikan semua informasi mengenai PERKESO dapat disebarluas kepada orang ramai.

Corporate Publicity and Promotion

Publicity activities were held with the intention of giving understanding and awareness to workers and employers about the schemes and benefits offered by SOCSO. SOCSO has carried out more than 522 publicity and promotional programmes compared to the targeted 378, through various methods as well as media channels, printed or electronic media. Publicity through mass media has played an important role in ensuring that all information on SOCSO could be disseminated to the public.

2018
778 pelanggan telah hadir ke program tersebut berbanding 1,024 pada tahun 2017

2018
778 clients attended the programme compared to 1,024 in 2017

Program Hari Bertemu Pelanggan

Program Hari Bertemu Pelanggan PERKESO diadakan pada setiap hari Khamis pertama setiap bulan dari jam 8:30 pagi hingga 4:30 petang di semua 54 buah pejabat PERKESO di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat. PERKESO turut menyertai Program Hari Bertemu Pelanggan di Kementerian Sumber Manusia pada setiap hari Selasa mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Inisiatif ini merupakan langkah mesra pelanggan untuk menyelesaikan sebarang masalah pelanggan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kaunter di mana pelanggan berpeluang untuk bersemuka dengan pegawai atasan PERKESO. Pada tahun 2018, seramai 778 pelanggan telah hadir ke program tersebut berbanding 1,024 pada tahun 2017.

Meet the Clients Day

The 'SOCSO Meet the Clients Day' is held every first Thursday of the month, from 8.30 in the morning to 4.30 in the afternoon, at all 54 SOCSO's offices across the nation including at the Headquarters. SOCSO also participates in the Meet the Clients Day held by the Ministry of Human Resources every Tuesday from 8.00 to 10.00 in the morning. This initiative is a client-friendly approach in solving any problems that could not be solved at counter level. Clients have the opportunity to meet the senior officers of SOCSO. In 2018, 778 clients attended the programme compared to 1,024 in 2017.

2018
Skuad PERKESO Prihatin
telah menyelesaikan sebanyak 2,045 kes di seluruh negara berbanding 2,008 kes pada tahun 2017

2018
PERKESO Prihatin Squad
managed to resolve 2,045 cases nationwide compared to 2,008 cases in 2017

Skuad PERKESO Prihatin

Misi utama penubuhan Skuad PERKESO Prihatin adalah untuk membantu Orang Berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka melalui tindakan pantas dan segera. Ini mendekatkan hubungan Orang Berinsurans, majikan dan PERKESO sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin dan dekat di hati rakyat. Sepanjang tahun 2018, Skuad PERKESO Prihatin telah menyelesaikan sebanyak 2,045 kes di seluruh negara berbanding 2,008 kes pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,970 kes (96.33%) telah berjaya diselesaikan dengan segera dalam tempoh 7 hari dan bayaran faedah atau pun bekalan peralatan pemulihan disampaikan kepada orang berinsurans / orang tanggungan yang layak.

PERKESO Prihatin Squad

The main mission of establishing the PERKESO Prihatin Squad is to provide aid to Insured Persons as well as their dependants in the event of unexpected incidents, through quick and immediate action. This would cultivate a closer relation between Insured Person and Employers with socso, as a government agency that cares and is closed to the heart of the people. Throughout 2018, PERKESO Prihatin Squad managed to resolve 2,045 cases nationwide compared to 2,008 cases in 2017. Out of all cases, 1,970 cases (96.33%) were successfully concluded immediately within a period of 7 days and payment of benefits or supply of rehabilitation equipments were delivered to eligible insured persons / dependants.

Khidmat Pelanggan

PERKESO juga menyediakan medium perhubungan yang lebih mudah melalui talian 1 300 22 8000 yang menjadi medium utama pelanggan untuk berurusan secara langsung. Medium perhubungan lain yang disediakan termasuklah media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn* dan *YouTube.* Jelas sekali platform media sosial ini memberi impak positif kepada PERKESO di mana para pelanggan dan orang ramai dapat mendalami peranan dan fungsi PERKESO serta skim-skim dan faedah-faedah yang disediakan. Pada masa yang sama, PERKESO dapat menangani dan menyelesaikan masalah atau aduan pelanggan, sekaligus meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan.

Customer Service

SOCSO also provides an easier medium of communication through telephone, at 1 300 22 8000, which is the main medium for customers to communicate with the organisation directly. Other means of communication provided include social media such as Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn and YouTube. It can be clearly seen that this social media platform have a positive impact on SOCSO where customers and the public could appreciate the role and function of SOCSO as well as the schemes and benefits offered. At the same time, SOCSO is able to handle and resolve customer's problems or complaints, whilst improving the quality of service delivery that goes beyond the expectations of customers.

KECEMERLANGAN OPERASI

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelanggan

Pengurusan tuntutan faedah dikendalikan mengikut Piagam Pelanggan dan Standard Q yang mengambil kira pengukuran berdasarkan peratus pencapaian dan purata bilangan hari. Pendekatan ini dilaksanakan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

Piagam Pelanggan

Pada tahun 2018, PERKESO masih mencapai prestasi piagam pelanggan yang baik dengan tempoh pemprosesan 2.22 hari secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah dan masih berjaya mencapai prestasi cemerlang dengan pencapaian 98.46% secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah. Piagam pelanggan ini diukur berdasarkan dari tarikh dokumen lengkap diterima sehingga kes dibayar.

Standard Q

PERKESO juga mencapai prestasi cemerlang mengikut Standard Q iaitu 92.82% atau 31.34 hari secara purata bagi kesemua jenis tuntutan faedah. Pencapaian ini diukur daripada tarikh dokumen diterima sehingga kes selesai dibayar.

OPERATIONAL EXCELLENCE

Improving Customer Service Quality

Benefits claims are managed in accordance with the Clients' Charter and Standard Q which take into account measurement based on percentage of achievement and average number of days. This approach is used to ensure the service delivery meets customers' expectations.

Clients' Charter

In 2018, SOCSO still maintained its good clients' charter performance with an average processing period of 2.22 days for all types of benefits claims, and successfully achieved excellent performance with an average achievement of 98.46% for all types of benefits claims. The clients' charter is measured from the date when the complete documents are received up to when payment made.

Standard Q

SOCSO has also achieved excellent performance according to Standard Q, that is, 92.82% or 31.34 days on average, for all types of benefits claims. This achievement is measured from the date of document's acceptance to the date of full settlement.

Indeks Kepuasan Pelanggan

Pencapaian PERKESO seperti yang dihuraikan di atas mencerminkan pencapaian dan kesungguhan anggota-anggotanya dalam memenuhi jangkaan pelanggan dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Kajian kepuasan pelanggan PERKESO yang dijalankan pada tahun 2018 mendapati indeks tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PERKESO secara keseluruhannya berada pada tahap 4 (AMAT BAIK) mengikut Skala *Balance Scorecard (BSC)* iaitu 88.50%, melepasi sasaran 85% yang ditetapkan oleh organisasi. Pencapaian Indeks Kepuasan Perkhidmatan Pelanggan melalui *Mystery Shopping* juga berjaya ditingkatkan dengan pencapaian sebanyak 84.40% berbanding sasaran 83% yang ditetapkan.

Customer Satisfaction Index

SOCSO's achievements as elaborated above reflect the accomplishment and seriousness of its staff in meeting customer satisfaction and improving the service delivery system. A study of SOCSO customer satisfaction conducted in 2018 found that the overall customer satisfaction index against its service is at level 4 (VERY GOOD) in accordance with the Balanced Scorecard (BSC) scale, at 88.50%, exceeding the target of 85% set by the organisation. The Customer Satisfaction Index achievement through Mystery Shopping was also improved with a score of 84.40% compared to the target of 83%.

PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI

Pendekatan Balanced Scorecard (BSC) yang menyediakan rangka kerja bagi mengurus prestasi organisasi secara terancang, teratur dan tersusun telah mula diamalkan mulai tahun 2016. Pada tahun 2018, sejumlah empat puluh dua (42) KPI PERKESO 2018 telah ditetapkan berasaskan empat perspektif utama BSC iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Pembelajaran/ Perkembangan.

Secara keseluruhannya, prestasi PERKESO bagi tahun 2018 adalah pada tahap CEMERLANG dengan skor 4.73, atau peratus pencapaian sebanyak 97.30%. Pencapaian prestasi tahun 2018 ini adalah lebih cemerlang berbanding pencapaian prestasi tahun 2017 (skor 4.55, 95.50%) dengan peratus peningkatan sebanyak 1.88%.

MANAGEMENT OF STRATEGY AND PERFORMANCE

The Balanced Scorecard (BSC) Approach which provides the framework for managing performance of the organisation in planned and organised manner has been in practice since 2016. In 2018, a total of forty two (42) SOCSO KPI were stipulated based on the four key perspectives of BSC, namely, Customer, Finance, Internal Process and Learning/Development.

Overall, SOCSO's performance in 2018 is at EXCELLENT level, with a score of 4.73 or 97.30%. The performance in 2018 has improved significantly compared to the organisation's performance in 2017 (score of 4.55 or 95.50%), showing a percentage improvement of 1.88%.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Usaha melestarikan budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kerja PERKESO telah mula menzahirkan kejayaan menerusi beberapa bidang keberhasilan utama. Pelbagai kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2018 terus melonjakkan lagi kecemerlangan PERKESO apabila pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan telah diterima. Penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima antaranya adalah:

- *ASSA Recognition Awards:* e-Pulih dan Projek Transformasi Portal ASSIST di Nha Trang, Vietnam
- *International Sosial Security Association (ISSA) Certificate of Merit (2018)* bagi *Projek Enforcement Initiative & Commuting Safety Support Programme di Kuala Lumpur*
- *International Sosial Security Association (ISSA) Certificate of Excellence (2018)* bagi Projek *Workplace Health Promotion* di Kuala Lumpur
- PERKESO buat julung kali telah diberi penghargaan oleh *International Social Security Association (ISSA)* sebagai tuan rumah bagi menganjurkan *Regional Social Security Forum (RSSF) for Asia and the Pacific 2018* pada 2 hingga 4 Oktober 2018.
- Anugerah Emas untuk Kumpulan KIK SJ Unic dalam *International Quality and Productivity Convention (IQPC)* di Batam, Indonesia
- Anugerah Portal Terbaik sempena Hari ICT KSM 2018.
- Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah Tengah: 5 Kumpulan menerima Anugerah Emas
- Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Utara: 2 Kumpulan menerima Anugerah Emas

---

AWARDS AND RECOGNITION

Efforts to preserve a culture of creativity and innovation amongst SOCSO staff have begun to show success through several key result areas. The various successes achieved throughout 2018 continue to propel the organisation's excellence, with several awards and recognitions at international and national levels were awarded. Among the awards and recognition received include:

- ASSA Recognition Awards: e-Pulih and ASSIST Portal Transformation Project in Nha Trang, Vietnam.
- International Social Security Association (ISSA) Certificate of Merit (2018) for the Enforcement Initiative & Commuting Safety Support Programme Project in Kuala Lumpur.
- International Social Security Association (ISSA) Certificate of Excellence (2018) for the Workplace Health Promotion Project in Kuala Lumpur.
- SOCSO was, for the first time ever, given the honour by International Social Security Association (ISS) to host and organise the Regional Social Security Forum (RSSF) for Asia and the Pacific 2018 from 2nd to 4th October 2018.
- Gold Award for SJ Unic KIK Group at the International Quality and Productivity Convention (IQPC) in Batam, Indonesia.
- Best Portal Award in conjunction with KSM ICT Day 2018.
- Central Region Team Excellence Convention: 5 groups received Gold Awards.
- Northern Region Team Excellence Convention: 2 groups received Gold Awards.

- Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan
  - Kumpulan Metamorphosis (5 Bintang)
  - Kumpulan Waghih (5 Bintang)
  - Kumpulan BFIT (4 Bintang)
  - Kumpulan Resque (4 Bintang)
  - Kumpulan Terrapeng (4 Bintang)
  - Kumpulan Transparent (3 Bintang)
  - Kumpulan MIE (3 Bintang)
- Penganugerahan 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan) – Kumpulan Metamorphosis dan Waghih

---

- National Team Excellence Convention
  - Metamorphosis Group (5 Stars)
  - Waghih Group (5 Stars)
  - BFIT Group (4 Stars)
  - Resque Group (4 Stars)
  - Terrapeng Group (4 Stars)
  - Transparent Group (3 Stars)
  - MIE Group (3 Stars)
- Award for 20 Best Public Sector Groups (Federal) – Metamorphosis and Waghih

Saya amat berbangga dengan kejayaan PERKESO di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Pengiktirafan yang diberikan menjadi sumber inspirasi kepada semua warga PERKESO untuk terus berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik melangkaui ekspektasi. Walau bagaimanapun, PERKESO tidak akan berpuas hati dengan pencapaian yang telah dicapai dan kami akan terus mencabar diri dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia.

I am very proud of SOCSO's success at national, as well as international levels. The recognition given as a source of equitable inspiration to all SOCSO staff to continue to strive in giving the best service beyond expectation. Nevertheless, SOCSO will not rest on its laurels and we shall continue to challenge ourselves in improving the wellbeing of the Malaysian people.

MELANGKAH KE HADAPAN

MEMANTAPKAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL YANG PROGRESIF DAN KOMPREHENSIF KEPADA SELURUH LAPISAN PEKERJA

PERKESO memainkan peranan penting dalam menyediakan tadbir urus perlindungan keselamatan sosial yang adil dan saksama kepada pekerja sebagai pemangkin transformasi negara yang mampan dan inklusif. Pelaksanaan program transformasi ekonomi negara diunjurkan akan mewujudkan sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2018, pendaftaran majikan dan pekerja yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] telah meningkat. Bilangan pendaftaran majikan telah meningkat sebanyak 4.59% kepada 1.14 juta majikan. Dalam tempoh yang sama, bilangan pekerja berdaftar turut meningkat sebanyak 1.45% kepada 16.78 juta pekerja. Bilangan majikan aktif pada tahun 2018 meningkat 0.77% kepada 437,060 majikan dan bilangan pekerja aktif pula meningkat sebanyak 4.12% kepada 7.08 juta pekerja.

Peningkatan bilangan tuntutan dan penerima faedah setiap tahun juga menjadi satu cabaran besar bagi PERKESO untuk memastikan faedah-faedah di bawah skim perlindungan yang disediakan terus relevan dan pada masa yang sama, perlu memastikan dana terus mampan. Pada tahun 2018, bilangan penerima semua jenis faedah telah meningkat sebanyak 18,158 penerima atau 8.39% menjadikan jumlah keseluruhan penerima faedah kepada 616,285 orang. Dalam tempoh yang sama, PERKESO telah membelanjakan sebanyak RM3,706.27 juta belanja tanggungan bagi bayaran semua jenis faedah iaitu peningkatan sebanyak RM434.50 juta atau 13.28%.

MOVING FORWARD

REINFORCING A PROGRESSIVE AND COMPREHENSIVE SOCIAL SECURITY NETWORK FOR ALL EMPLOYEES

SOCSO plays an important role in providing fair and equitable social security protection to employees, as a catalyst for sustainable and inclusive national transformation. The implementation of the national economic transformation is projected to create 1.5 million new job opportunities by the year 2020.

In 2018, the recorded registration of qualified employers and employees under the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4], the Self-Employment Social Security Act [Act 789] and the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800] has increased. The number of employer registration rose by 4.59% to 1.14 million employers. At the same time, the number of registered employer also increased by 1.45% to 16.78 million employees. The number of active employers in 2018 increased by 0.77% to 437,060 employers, and the number of active employees increased by 4.12% to 7.08 million employees.

Increase in the number of claims and benefits recipients each year also become a huge challenge for SOCSO to ensure that the benefits under the protection schemes provided remain relevant, and at the same time ensure the sustainability of funds. In 2018 the number of recipients of all types of benefits increased by 18,158 or 8.39% bringing the overall total of benefits recipients to 616,285 people. Within the same period, SOCSO spent RM3,706.27 million for payment of all types of benefits, marking an increase of RM434.50 million or 13.28%.

Tidak dinafikan lonjakan dan anjakan kepada Industri 4.0 ini memerlukan ekosistem dan infrastruktur yang komprehensif serta kondusif dan mampu menyokong keperluan revolusi ini. PERKESO perlu membuat penilaian terhadap kesesuaian sedia ada bagi mengenal pasti sebarang perubahan atau penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk memastikan ianya dapat memenuhi keperluan Industri 4.0 ini.

Selain daripada pewartaan akta-akta baru, PERKESO terus mengambil pelbagai pendekatan untuk terus menyumbang kepada ekosistem perlindungan sosial di Malaysia. PERKESO telah diberi mandat bersama-sama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mengkaji dan merangka Pelan Pembangunan Kesejahteraan Sosial Negara. Pelan ini dijangka siap pada tahun 2019 dan akan diserahkan sebagai cadangan kepada pihak kerajaan untuk pelaksanaan. Sebagai sebuah organisasi yang meletakkan rakyat sebagai keutamaan, PERKESO tidak menghadkan sumbangan kepada keselamatan sosial berlandaskan konsep insurans sosial tetapi sebaliknya, PERKESO akan memastikan sistem perlindungan sosial di Malaysia sentiasa bertambah baik.

PERKESO kini dalam proses merealisasikan skim keselamatan sosial kepada pekerja asing di bawah Skim Bencana Pekerjaan Akta 4. Atas dasar memperjuangkan hak asasi manusia bagi pekerja asing yang sering dilupakan, PERKESO akan melaksanakan skim tersebut bermula 1 Januari 2019. Tidak dinafikan, golongan ini sering dieksploitasi dan tidak diberikan layanan sewajarnya walaupun mereka banyak menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan negara melalui penglibatan mereka dalam kerja-kerja yang dikelaskan sebagai 3D *'dirty, difficult and dangerous'*. Dengan pelaksanaan skim ini, diharapkan agar nasib pekerja-pekerja asing akan lebih terbela selama perkhidmatan mereka di negara ini.

PERKESO kini dalam proses merealisasikan skim keselamatan sosial kepada pekerja asing di bawah Skim Bencana Pekerjaan Akta 4.



SOCSO is now in the process of establishing a social security scheme for foreign workers under the Employment Injury Scheme in Act 4.

It cannot be denied that the leap and shift towards Industry 4.0 requires an ecosystem and infrastructure that are comprehensive as well as conducive, and able to support this revolutionary needs. SOCSO needs to conduct an evaluation of its existing readiness, to identify any change or improvement that needs to be implemented to ensure that the organisation can meet the needs of this Industry 4.0.

- Infrastruktur risiko merangkumi rangka kerja dan sumber-sumber yang diperlukan bagi memastikan pengurusan risiko dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini termasuk polisi risiko, kemahiran dan bakat sumber manusia bagi memastikan pengurusan risiko dapat berfungsi dengan baik dan penggunaan teknologi bersesuaian yang dapat membantu dalam pemantauan dan pelaporan risiko.
- Rangka kerja risiko pula menggariskan prinsip dan metodologi untuk membolehkan pengurusan risiko yang berkesan yang merangkumi pengenalpastian, penilaian, pemantauan dan pelaporan risiko. Ia juga memberi pemahaman mengenai potensi dan kesan ancaman kepada organisasi, pengurusan risiko mengikut toleransi atau tahap risiko serta memberi jaminan mengenai tanggungjawab menguruskan risiko. Polisi ini juga diintegrasikan ke dalam prosedur operasi, garis panduan dan aktiviti–aktiviti lain organisasi mengikut kesesuaian.

ENTERPRISE RISK MANAGEMENT

SOCSO adopts the enterprise risk management approach as the integrated way of managing risks within the organisation. The approach is based on the principles, framework and process in accordance with the ISO 31000:2010 Risk Management Standards. The risk architecture within which the ERM is integrated within SOCSO is shown in the following diagram:

- A comprehensive governance structure, mandate and support from the Board and Management is vital to ensure effective execution of risk management in line with the strategic direction of the organisation, while supported by relevant oversight and control functions.
- The risk infrastructure encapsulates the necessary risk framework and resources required in ensuring effective implementation of risk management. This includes documented risk policies and framework, right talent and skills in ensuring a well-functioned risk management, and appropriate technology to assist in monitoring and reporting of risks.
- Risk frameworks outline the principles and methodologies to enable for effective management of risk i.e. structured identification, assessment, monitoring and reporting of risks. It involves the understanding of potential threats and adverse impacts to the organisation, management of risks within the risk tolerance as well as providing assurance on risk management responsibilities. Wherever appropriate, the policy is integrated into the operational procedures, guidelines and other activities of the organisation.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

PERKESO komited dalam melaksanakan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) untuk memastikan organisasi kekal berdaya tahan bagi melindungi manfaat kesemua pihak berkepentingan. Lembaga dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan amalan BCM yang menyeluruh di dalam organisasi sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik dan pengurusan risiko yang berhemat. BCM membolehkan PERKESO:

- Memulih serta meneruskan fungsi operasi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan selain meminimumkan kos kerosakan dan gangguan operasi akibat bencana;
- Meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan semasa krisis dan menjamin operasi perniagaan dapat diteruskan dalam tempoh masa yang ditetapkan, selepas bencana; dan
- Melindungi anggota, harta, aset dan reputasi dari ancaman..

Pada tahun 2018, latihan analisa impak perniagaan telah dijalankan dengan bahagian / cawangan untuk memastikan strategi pemulihan sentiasa dikemaskini dan relevan. Lima (5) latihan pelan pemulihan data (DR) juga telah dijalankan pada tahun 2018 untuk memastikan pelan DR dan strategi pemulihan sistem disahkan berdaya maju, Pusat Pemulihan Bencana IT boleh beroperasi semasa bencana dan semua anggota yang terlibat dalam aktiviti pemulihan bencana telah terlatih dan bersedia dalam menghadapi gangguan operasi atau insiden.

Beberapa inisiatif akan dilaksanakan untuk BCM pada masa akan datang, termasuk kajian semula Rangka Kerja Kesinambungan Perniagaan dan meningkatkan keupayaan dalaman iaitu kesediaan pelan, sumber manusia dan infrastruktur BCM.

BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT

SOCSO is committed in implementing Business Continuity Management (BCM) to ensure the organisation remains resilient, hence protecting the interest of all its stakeholders. The Board and Management are responsible for ensuring enterprise-wide implementation of sound BCM practices as part of good corporate governance and prudent management within SOCSO. Effective BCM enables SOCSO:

- To recover and resume its critical business functions within a tolerable timeframe and minimise the cost of damage and interruptions from the aftermath of disaster;
- To enhance its decision-making capability during a crisis, with assurance that business operations can be continued within a specific period post-disaster; and
- To safeguard its employees, properties, assets and reputation.

In 2018, business impact analysis exercises were carried out with divisions to ensure that the recovery strategies remain up-to-date and relevant. Five (5) IT Disaster Recovery (DR) Plan exercises were also conducted in 2018 with the aim of ensuring that the DR plan and recovery strategies of the systems remain viable and validated, and that the Disaster Recovery Centre can be operated during disasters and all staff involved in such disaster recovery activities are well-trained and prepared in facing such operational disruptions or incidents.

Several initiatives will be implemented for BCM in the future including a review of the Business Continuity Framework and enhancing internal capabilities, namely, the availability of planning, human resources and BCM infrastructure.

PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

PERKESO mempunyai Dasar dan Garis Panduan Pelaburan serta Dasar Kenyataan Pelaburan *("Investment Policy Statement")* yang menggariskan kaedah-kaedah pengurusan risiko pelaburan, pengendalian had-had risiko dan pendekatan dalam pelaburan dana PERKESO. Dasar dan garis panduan ini juga menggambarkan toleransi risiko pelaburan melalui perumusan *"Strategic Asset Allocation (SAA)"* dan *"Tactical Asset Allocation (TAA)"* PERKESO. Disebabkan perubahan pasaran, TAA digunakan sebagai strategi pelaburan dinamik yang menyelaras secara aktifnya dalam lingkungan SAA yang telah ditetapkan. Ianya adalah sebuah mekanisma yang bertindak sebagai langkah kawalan risiko serta peningkatan potensi pelaburan. Prestasi aset juga diukur dengan penanda aras atau indeks yang menggambarkan risiko yang diambil oleh PERKESO.

Secara umumnya, risiko pelaburan ditakrifkan sebagai kebarangkalian berlakunya kerugian ke atas pelaburan PERKESO yang memberi impak kepada kadar pulangan pelaburan PERKESO. Pengurusan risiko pelaburan PERKESO boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pengurusan risiko pasaran dan pengurusan risiko kredit.

INVESTMENT RISK MANAGEMENT

SOCSO has established an Investment Policy Statement as well as an Investment Guideline and Policy which outline the methods of investment risk management, handling of risk limits and approaches in investment of SOCSO funds. The policies and guidelines also describe the investment risk tolerance through its Strategic Asset Allocation (SAA) and Tactical Asset Allocation (TAA) formulae. Due to market changes, TAA is used as a dynamic investment strategy that actively adjusts within the stipulated SAA ranges. It is a mechanism that acts as a risk control measure as well as enhances investment potential. Asset performance is also measured against the benchmark or indices that reflect the risks taken by SOCSO.

In general, investment risk is defined as the probability of incurring losses on SOCSO's investments that can have a negative impact towards returns. SOCSO's investment risk management is divided into two main categories which are market risk and credit risk management.

Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian kewangan akibat daripada perubahan harga ekuiti, kadar faedah dan kadar pertukaran wang asing. Objektif utama pengurusan risiko pasaran adalah untuk melindungi dan meminimumkan kerugian daripada perubahan pasaran yang di luar jangka. PERKESO menggunakan teknik dan pengukuran risiko untuk menguruskan pendedahan risiko pasaran seperti berikut:

a) **Analisis Sensitiviti:** Mengukur risiko pasaran untuk bon dengan menggunakan kaedah *Modified Duration*. Kaedah ini mengukur sensitiviti bon terhadap pergerakan kadar faedah.
b) ***Tracking Error*:** Mengukur perbezaan kadar pulangan antara portfolio pelaburan PERKESO dengan indeks penanda aras yang telah ditetapkan untuk portfolio.

Value at Risk (VaR): Nilai berisiko yang mengukur kerugian maksimum pelaburan dalam jangka masa yang ditetapkan berdasarkan tahap keyakinan.

Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko berlakunya kerugian portfolio pelaburan PERKESO disebabkan oleh kegagalan rakan niaga atau *counterparty* dalam membayar obligasi yang dipersetujui. Matlamat pengurusan risiko kredit adalah untuk mengekalkan pendedahan kredit di dalam parameter yang diterima dan pada masa yang sama memaksimumkan kadar pulangan pelaburan PERKESO. Pelaburan PERKESO terdedah kepada risiko-risiko kredit seperti pelaburan dalam pinjaman kepada kuasi kerajaan serta pelaburan dalam bon atau sukuk, hartanah dan ekuiti swasta. Ukuran pengurusan risiko kredit yang digunapakai antaranya adalah dengan menetapkan instrumen pelaburan yang dibenarkan, had-had pelaburan dan penetapan penarafan kredit minimum bagi bon korporat. Untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan risiko pelaburan, PERKESO berhasrat untuk membangunkan polisi risiko pelaburan yang lebih khusus menggariskan tatacara pengurusan risiko pelaburan yang efektif. Dasar-dasar ini juga akan menetapkan kaedah dan tatacara dalam menguruskan risiko pasaran dan kredit meliputi semua jenis aset dalam portfolio pelaburan PERKESO.

Market Risk Management

Market risk is defined as the risk of financial loss due to changes in equity price, interest rates and foreign exchange. The objective of market risk management is to protect the organisation and minimise losses arising from unforeseen market movements. SOCSO employs the following risk measurement techniques to manage its exposure to market risks:

a) **Sensitivity Analysis:** Measuring market risk for bonds using the Modified Duration method. This method measures sensitivity of bods towards interest rate movements.
b) **Tracking Error:** Measuring the deviation in rate of returns of SOCSO's investment portfolio against the benchmark index stipulated for the portfolio.

Value at Risk (VaR): Measuring the maximum loss expected on an investment over a given time within a given specified level of confidence.

Credit Risk Management

Credit risk is the risk of a counterparty failing to perform its obligations. The goal of credit risk management is to maximise an organisation's risk adjusted rate of returns by maintaining its credit risk exposure within acceptable parameters. SOCSO is exposed to credit risks arising from investments in quasi-government loans, as well as investments in bonds or futures, real estate and private equity. The credit risk management measures adopted include stipulating the investment instruments permitted, investment limits and determination of minimum credit ratings for corporate bonds. To further enhance the management of its investment risks, SOCSO intends to develop more specific market risk and credit risk frameworks outlining effective investment risk management procedures. These policies will also prescribe the method and procedures in managing market and credit risks covering all classes of assets within SOCSO's investment portfolio.

Inisiatif Utama Pengurusan Risiko Tahun 2018

PERKESO telah melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam menambahbaik seni bina pengurusan risiko seperti di bawah:

Penambahbaikan Tadbir Urus Risiko

- Pembangunan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh *(Enterprise Risk Management Framework)* yang mengulas tentang dasar, garis panduan dan proses pelaksanaan ERM dalam kaedah pengurusan risiko di PERKESO.
- Pembangunan Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan *(Business Continuity Management Framework)* yang mengulas tentang dasar, garis panduan dan proses pelaksanaan BCM di PERKESO.
- Pembangunan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit *(Credit Risk Management Framework)* dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran *(Market Risk Management Framework)* yang menerangkan tentang kaedah pengurusan risiko kredit dan pasaran yang berkesan bagi portfolio pelaburan PERKESO.
- Pembangunan SOP yang berkaitan untuk pengurusan risiko operasi dan pelaburan.
- Pembangunan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh *(Q-Radar Enterprise Risk Management System)* untuk tujuan penyelarasan pelaporan dan pengurusan risiko di PERKESO.
- Pembangunan Kad Skor Risiko Korporat (CRS) untuk tujuan pelaporan risiko utama organisasi, di samping pengemaskinian berkala terhadap profil risiko dan pelan tindakan mitigasi risiko oleh pemilik risiko masing-masing.
- Pembangunan tujuh (7) Kad Skor Risiko Bahagian (DRS) untuk tujuan pelaporan risiko operasi di dalam bahagian, di samping pengemaskinian berkala terhadap profil risiko dan pelan tindakan mitigasi risiko oleh pemilik risiko masing-masing.
- Pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (BCP) untuk semua bahagian / cawangan Ibu Pejabat, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, PPN Kuala Lumpur, PPN Johor, PPN Pulau Pinang, cawangan Lahad Datu dan cawangan Kuala Krai.

Key Risk Management Initiatives Implemented In 2018

SOCSO has implemented several initiatives with the aim of enhancing the architecture of risk management as described below:

Enhancement of risk governance

- Development of an Enterprise Risk Management Framework that sets forth the governing principles, guidelines and processes as the foundation of ERM practices in managing risks in SOCSO.
- Development of a Business Continuity Management Framework that sets forth the governing principles, guidelines and processes as the foundation of BCM practices implementation in SOCSO.
- Development of a Credit Risk Management (CRM) Framework and Market Risk Management (MRM) Framework that outlines the approach in managing credit risk and market risk of SOCSO's investment portfolio in various assets.
- Development of relevant SOPs vis-à-vis operational risk management and investment risk management.
- Development of an Enterprise Risk Management System to coordinate the reporting and management of risk in SOCSO.
- Development of a Corporate Risk Scorecard (CRS) that focusses on the reporting of significant enterprise risks of SOCSO, with periodic updating of risk profiles and risk mitigation action plan by respective risk owners.
- Development of seven (7) Divisional Risk Scorecards (DRS) that focusses on the reporting of functional and operational risks of the divisions, with periodic updating of risk profiles and risk mitigation action plan by respective risk owners.
- Development of Business Continuity Plans (BCP) for all divisions/sections of Headquarter, Tun Razak Rehabilitation Centre, KL State Office, Johor State Office, Pulau Pinang State Office, Lahad Datu branch and Kuala Krai branch.

- Pembangunan Pelan Pengurusan Krisis (CMP) Ibu Pejabat dan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak.
- Latihan *BCM Desktop Walkthrough (DWE)* di Ibu Pejabat dan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, serta latihan aliran notifikasi (NTE) di Ibu Pejabat.
- Memperluaskan lagi jaringan risiko dengan melantik "Juara Risiko" (RC) dan "Penyelaras BCM" (BCMC) untuk setiap bahagian/pejabat di PERKESO bagi membolehkan operasi dan pelaksanaan proses dan aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik, dan pada masa yang sama membantu sebagai pemudah cara antara Bahagian Pengurusan Risiko dan jabatan masing-masing.

- Development of Crisis Management Plan (CMP) for Headquarters and Tun Razak Rehabilitation Centre.
- Conduct BCM Desktop Walkthrough Exercise (DWE) for Headquarter and Tun Razak Rehabilitation Centre.
- Expansion of risk network via the appointment of Risk Champions (RC) and BCM Coordinators (BCMC) for each division/branch office within SOCSO, to enable better implementation of risk management processes and activities within the operations, and simultaneously assist on the facilitation efforts between the Risk Management Division and respective divisions/branch offices.

Memupuk Budaya Risiko

- Bagi memupuk pengetahuan mengenai risiko dalam kalangan anggota, beberapa latihan pengurusan risiko telah dijalankan secara berterusan meliputi pelbagai topik seperti peranan dan tanggungjawab dan proses dalam menguruskan risiko untuk meningkatkan pengetahuan anggota mengenai pengurusan risiko.
- Maklum balas yang diperoleh daripada sesi perbincangan dan libat urus risiko bersama pemilik risiko dan anggota PERKESO diambil kira bagi menambahbaik proses pengurusan risiko.
- Perkongsian maklumat dan pengajaran mengenai pengurusan risiko melalui buletin kepada semua anggota diedarkan secara dalam talian *(e-risk articles)* setiap suku tahun.

Promotion and embedment of risk culture

- Continuous inculcation of risk knowledge to staff through regular trainings covering various topics such as roles and responsibilities in managing risk and risk processes to enhance the understanding and risk capabilities of staff.
- Risk facilitation sessions that provide for an in-depth engagement with the risk owners on risk management that serve as a feedback loop for enhancement of risk process.
- Quarterly publication of e-risk articles that disseminates useful materials and lesson learnt on risk management to all staff.

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT
ENHANCING CORPORATE GOVERNANCE AND INTEGRITY

KOMITMEN INTEGRITI

Pengurusan tertinggi PERKESO komited dalam meningkatkan dan memperkukuhkan tadbir urus organisasi walaupun dikategori agensi yang berisiko rendah dari perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Namun begitu, PERKESO menjadikan agenda utama memastikan integriti anggota dan organisasi berada pada tahap yang terbaik. Mulai 1 Mac 2018, seorang pegawai SPRM, PKPj Roslan Bin Ramli telah di lantik mengetuai Bahagian Integriti. Dengan adanya beliau maka lima fungsi Bahagian Integriti; tadbir urus, pengukuhan integriti, pengurusan aduan, pematuhan, pengesanan & pengesahan dan tatatertib dapat dipertingkatkan.

PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) adalah pegawai yang ditauliahkan memainkan peranan yang penting dalam sebuah organisasi ke arah memupuk nilai-nilai integriti dan etika. CeIO adalah mereka yang mempunyai pemahaman yang baik mengenai pengurusan integriti, kerangka kerja perundangan yang wajar, sistem pematuhan dan pemantauan juga kemampuan untuk membangunkan satu plan tindakan integriti. Pada Januari 2018 PERKESO telah menghantar dua pegawai dari Bahagian Integriti iaitu PKPj Roslan Bin Ramli, Ketua Bahagian Integriti dan Puan Rohaya Binti Shaharuddin, Pegawai Tadbir mengikuti program di Akademik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Matlamat utama program:

1. Menggalakan pematuhan undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur.
2. Memupuk nilai sifar toleransi terhadap penipuan, kegiatan rasuah dan salah guna kuasa.
3. Merunding dan menasihati pihak pengurusan organisasi mengenai langkah-langkah kesedaran dan pencegahan.

Modul latihan dirumuskan oleh SPRM dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Pentauliahan skrol telah berlangsung pada November 2018 dan mereka telah ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti bertauliah.

INTEGRITY COMMITMENT

The highest level of PERKESO management is committed to enhance and strengthen the organisation governance even though it was categorised as a low-risk agency from corruption behaviour, deviation and power abuse. However, PERKESO created its main agenda to ensure the members and the organisation integrities are on the best level. Starting on 1st March 2018, an Malaysian Anti-Corruption Commision (MACA) officer, PKPj Roslan Bin Ramli has been appointed to lead the Integrity Division. With his presence, there are five functions of Integrity Division; governance, integrity consolidation, complaint management, adherence, detection & verification and discipline can be enhanced.

CERTIFIED INTEGRITY OFFICER (CeIO)

Certified Integrity Officer (CeIO) is an officer who is certified by playing an important role in an organisation to foster integrity and ethics value. CeIO is those who have a good understanding about integrity management, proper law framework, compliance and monitoring system who also able to develop one integrity action plan. On January 2018, PERKESO sent two officers from the Integrity Division which are PKPj Roslan Bin Ramli, the Head of Integrity Division and Puan Rohaya Binti Shaharuddin, Administrative Officer to join a program at Malaysian Anti-Corruption Commission Academy.

The program main goal:

1. Promote compliance of law and regulations, systems and procedures,
2. Fostering zero tolerance value against fraud, corruption activities and power abuse
3. Negotiate and advise the organisation management party about the awareness and prevention steps.

The training module was summarised by MACA with co-operation from the Malaysia Institute of Integrity (INTEGRITI). Certification scroll was held on November 2018 dan they were certified as a Certified Integrity Officer.

MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT
ENHANCING CORPORATE GOVERNANCE AND INTEGRITY

KONVENSYEN INTEGRITI

Bertemakan 'Tadbir Urus Terbaik, Tonggak Pentadbiran' berlangsungnya Konvensyen Integriti 2018 bermula 14 hingga 16 Julai 2018 di The *Gurney Hotel & Residences*, Pulau Pinang. Seramai 200 peserta yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi, Duta Integriti dan anggota mewakili Kesatuan Kakitangan dan Persatuan Pegawai telah hadir. Objektif program adalah

1. Menyedari kepentingan integriti dalam perkhidmatan,
2. Memastikan organisasi mengamalkan tadbir urus terbaik,
3. Berkongsi pengalaman mengenai punca dan kesan rasuah;
4. Memperkukuh dan mempertingkatkan integriti bagi membantu organisasi membanteras rasuah.

Pengisian program tertumpu kepada implikasi rasuah dan salahlaku anggota kepada organisasi merangkumi Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU), Forum bertajuk "Isu dan Cabaran Pentadbiran PERKESO Masa Kini" dan slot ceramah "Rasuah; Punca dan Kesan".

INTEGRITY CONVENTION

With the theme *'Tadbir Urus Terbaik, Tonggak Pentadbiran'*, the Integrity Convention 2018 was held from 14th until 16th July 2018 at The Gurney Hotel & Residences, Pulau Pinang. There were 200 participants from the Higher Management Officer, Integrity Delegates and members on behalf of Staff Union and Association Officer were present. The programme objectives were to:

1. Realise the importance of integrity in the service,
2. Ensure the organisation practising the best governance,
3. Share the experience on factors and effects of corruption;
4. Establish and enhance the integrity to help the organisation to eradicate corruption.

Programme filling was focused on the implications of corruption and misconduct of the members toward the organisation including Integrity and Governance Committee Meeting (JITU), Forum entitled 'The Current Issues and Challenges of PERKESO Administration" and talk slot. "Corruption; Factors and Effects".

MYSTERY SHOPPING INTEGRITI

Mystery Shopping merupakan lawatan tidak dirancang oleh Bahagian Integriti ke Pejabat PERKESO bagi memastikan pematuhan anggota terhadap Etika Pakaian, Larangan Merokok, Peraturan-Peraturan dan Waktu Bekerja. Sepanjang Tahun 2018 sebanyak lima puluh lawatan telah dijalankan meliputi Zon Timur, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Sarawak dan Sabah. Hasil lawatan yang dijalankan mendapati pematuhan anggota adalah baik.

INTEGRITY OF MYSTERY SHOPPING

Mystery Shopping was an unplanned visit by Integrity Division to PERKESO Office to make sure the compliance of its members toward Uniform Ethics, Non-Smoking, Rules and Working Hours. Throughout 2018, fifty visits have been done by covering across the East Zone, North Zone, South Zone, Central Zone, and Sabah and Sarawak Zone. The result of the visits found that the compliance of the members is good.

PROGRAM DISKUSI KEMBARA INTEGRITI

Program Diskusi Kembara Integriti 2018 dengan kerjasama Kaunseling, Integriti, Anti-Fraud, Tatatertib dan Akrab (K.I.T.A) telah mengembara sebanyak tujuh zon meliputi zon tengah 1 & 2, Utara, Timur, Selatan, Sarawak dan Sabah. Objektif Program adalah melahirkan anggota beretika, berintegriti, mendedahkan contoh salah laku, penerangan hukuman tatatertib, mendidik anggota melakukan tugas dengan jujur dan amanah. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat, berdiskusi, bertukar pandangan bagi mencapai misi serta visi organisasi bersama dalam pengurusan tadbir urus yang baik dalam PERKESO di samping pembudayaan amalan S4P. Dalam sesi dialog bersama peserta, pihak integriti menerima pandangan dan pendapat yang wajar diberi perhatian pihak pengurusan. Harapan menerusi inisiatif dan program seperti ini akan berjaya mengurangkan isu-isu disiplin dan integriti seterusnya 'zero' kes tatatertib dalam kalangan anggota.

INTEGRITY TOURING DISCUSSION PROGRAMME

Integrity Touring Discussion Programme 2018 with the co-operation from Counselling, Integrity, Anti-Fraud, Discipline and Affectionate have toured seven zones including central zone 1 & 2, north, east, south, Sarawak and Sabah. The programme objective is to produce an officer with ethical, integrity, exposing examples of misbehaviours, information of discipline punishment, teaching the members to do their job with honesty and trust. This programme delivered information and discussion, changing views to reach the mission and vision of organisation together in good governance management in SOCSO while cultivating the S4P practices. In the dialogue sessions with the participants, integrity party accepted views and opinions that need proper attention from the management party. Integrity Division hopes that the objectives can be achieved and successfully reduce discipline issues and integrity and lastly to 'zero' discipline case.

MENUMPASKAN SINDIKET PENIPUAN

PERKESO dengan kerjasama Polis dan SPRM telah berjaya menumpaskan sindiket penipuan yang melibatkan 48 kes tuntutan Faedah Pencen Ilat (hilang upaya kekal) berjumlah RM2.4 juta. Sindiket ini telah lama menjalankan operasi kes-kes penipuan tuntutan palsu terhadap PERKESO. Menurut Ketua Eksekutif, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, jumlah berbentuk pencen bulanan sepanjang hayat tersebut boleh mencecah sehingga RM30 juta sekiranya dibayar berterusan. Ini merupakan kejayaan besar pihak Anti-Fraud PERKESO yang telah bertungkus lumus untuk membanteras tuntutan palsu di kalangan Orang Berinsuran dan pihak ketiga.

SUPPRESSING FRAUD SYNDICATE

PERKESO with co-operation from the Police and SPRM had successfully suppressed the fraud syndicate which involved 48 cases of invalidity pension benefit claims (permanent disability) totalled RM2.4 million. It is understood that this syndicate has already held the fraud case operations of false claims for a long time towards Perkeso. According to the Chief Executive, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, a total in shape of the monthly pensioner for the lifetime can reach up to RM30 million if paid continuously. This is a success for the Anti-Fraud Branches which has struggled to eradicate false claims among the Insured Person and the third party.

PROGRAM AUDIT DALAM PERKESO

Audit Dalam PERKESO merupakan barisan pertahanan ketiga memainkan peranan sebagai satu fungsi bebas yang memberi kepastian secara objektif untuk meningkatkan tahap keberkesanan operasi, memantapkan akauntabiliti, tadbir urus organisasi dan integriti di kalangan kakitangan. Peranan penting Audit Dalam adalah seperti berikut:

- Mencapai matlamat PERKESO melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman ke arah proses tadbir urus yang baik; dan
- Memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada organisasi secara profesional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian adalah mencukupi dan dipatuhi.

Sepanjang tahun 2018, pelbagai program audit dan siasatan telah dilaksanakan. Penemuan ditemui dan pengesyoran penambahbaikan dicadangkan melalui program audit yang telah dijalankan untuk memantapkan proses kerja dan kualiti untuk meningkatkan perkhidmatan terhadap pekerja dan majikan. Antara program audit yang telah dijalankan meliputi pengurusan sewaan ruang pejabat, latihan, stok, Pusat Rehabilitasi, sistem aplikasi teras dan sokongan di PERKESO, pematuhan bilik server di pejabat-pejabat Perkeso dan penyiasatan kes-kes penyelewengan melibatkan orang berinsuran atau pihak ketiga.

Anti-Fraud telah menjalankan sesi kesedaran di kalangan kakitangan di seluruh pejabat PERKESO untuk meningkatkan kefahaman kakitangan terhadap kes-kes penyelewengan tuntutan faedah oleh pihak Orang Berinsuran dan pihak ketiga.

SOCSO INTERNAL AUDIT DIVISION PROGRAMME

SOCSO Internal Audit Division is the third defence line that plays a role as a free function which objectively gives certainty to increase operational effectiveness level, stabilising the accountability, organisation governance and integrity among the staff. The important role of Internal Audit are as follow:

- Reaching SOCSO goal through systematic and disciplined approaches by evaluating the effectiveness of inner control system toward good governance process; and
- Professionally give negotiation and advisory service to the organisation toward perfection, trustworthiness and the effectiveness of inner control system to ensure the appropriate rules and procedures are sufficient and complied.

Throughout 2018, various audit and investigation programmes were implemented. Discoveries were found and recommended improvements were suggested through the audit program which was held to stabilise the work process and quality to enhance the services toward employees and employers. Among the audit programs that have been held covers office space rental management, training, stock, rehabilitation centre, core application system and support in SOCSO, server room compliance in SOCSO offices and deviation investigation cases which involved insured persons or third parties.

Anti-Fraud held an awareness session among the staff all over the SOCSO offices to enhance employee understandings toward deviation cases of benefit claims by the Insured Person and third party.

MEMANTAU AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Naziran telah menyempurnakan lawatan ke semua 50 pejabat PERKESO bagi memastikan kepatuhan setiap pejabat terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969, Peraturan-Pertaturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Arahan Kewangan, Arahan-Arahan AKSP dan Pekeliling-Pekeliling berkaitan penguatkuasaan dan caruman.

Satu sistem penilaian yang komprehensif ke atas aktiviti penguatkuasaan berasaskan pemarkahan dan penggredan pejabat telah dilaksanakan secara menyeluruh dan turut dikemukakan sebagai cadangan Inovasi yang membolehkan *"Ranking"* pejabat dibuat.

Bidang yang diberi tumpuan dalam pemeriksaan adalah pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure (SOP)* pemeriksaan majikan oleh Pegawai Pemeriksa, ketepatan dan kesahihan pelaporan statistik / kutipan caruman, pencapaian prestasi aktiviti penguatkuasaan seperti pendaftaran majikan, kompaun, pendakwaan, Remit Faedah Caruman Lewat Bayar dan sebagainya.

Secara am, pemerhatian Naziran mendapati terdapat peningkatan dalam prestasi penguatkuasaan di PPN/PPP pada tahun 2018 berbanding 2017. Purata peratus pemarkahan penguatkuasaan diperolehi oleh pejabat PERKESO pada tahun 2017 adalah 82% berbanding sebanyak 91% pada tahun 2018. Adalah menjadi harapan dan sasaran bahagian Naziran agar sistem pemantauan yang komprehensif dan sistematik ini dapat menjurus kepada peningkatan produktiviti di kalangan anggota berkenaan di bidang penguatkuasaan.

MONITORING ENFORCEMENT ACTIVITIES

Throughout 2018, Inspectorate Division has accomplished a visit to all 50 SOCSO offices to ensure the adherence of each office towards *Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969*, Employees' Social Security Rules (General) 1971, Financial Order, AKSP Orders and Circulars related to Enforcement and Contribution.

One comprehensive evaluation system on the enforcement activities based on office scoring and grading has been implemented across the board and also presented as the Innovation suggestion which allowed office "Ranking" being made

The fields that were focused in the Inspectorate examination were the compliance towards employer examination Standard Operating Procedure (SOP) by the Examiner Officer, accuracy and the validity of statistic reporting / contribution collection, enforcement activities performance achievement such as employer registration, compound, prosecution, *Faedah Caruman Lewat Bayar,* Remittance, etc.

Generally, Inspectorate observations found that there was an increment in the enforcement performance at PPN/PPP in 2018 compared to 2017. The average scoring percent obtained by SOCSO offices in 2017 was 82% compared to 91% in 2018. It has become the hope and target of Inspectorate Division so this comprehensive and systematic monitoring system can lead to the increment of productivity among the applicable members in enforcement field.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN

KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

DATIN AZLAILY BINTI ABD RAHMAN

Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)
Deputy Chief Executive (Corporate)

"PERKESO mengharungi cabaran sukar tahun 2018 dengan memberi penekanan kepada program-program bersasar dan keberhasilan berimpak tinggi kepada rakyat sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan strategi perbelanjaan berhemat. Secara keseluruhannya prestasi kewangan PERKESO tahun 2018 lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Lebihan pendapatan bagi tahun 2018 meningkat sebanyak RM263.00 juta atau 24.02% kepada RM1,357.75 juta berbanding RM1,094.75 juta pada tahun 2017. Strategi taktikal untuk semua kelas aset yang dilaksanakan pada tahun 2018 berjaya meningkatkan pulangan pelaburan keseluruhan walaupun berhadapan keadaan pasaran yang mencabar dan tidak menentu. Pendapatan yang dijana oleh aktiviti pelaburan telah meningkat sebanyak RM32.82 juta atau 2.60% daripada RM1,261.57 juta pada tahun 2017 kepada RM1,294.39 juta pada tahun 2018."

"SOCSO faced the challenges of a difficult scenario in 2018 by emphasising on targeted programmes with high impact results to the public, in line with the practice of better corporate governance and prudent spending strategy. Overall, SOCSO's financial performance for 2018 fared better compared to the year prior. Excess revenue for 2018 rose by RM263.00 million, or 24.02%, to RM1,357.75 million compared to the RM1,094.75 million in 2017. The tactical strategy applied for all classes of assets in 2018 managed to increase the overall returns of investment despite facing a challenging and volatile market. The revenue generated from investment rose by RM32.82 million, or 2.60%, from RM1,261.57 million in 2017 to RM1,294.39 million in 2018."

ULASAN PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, jumlah hasil PERKESO bagi tahun 2018 meningkat sebanyak RM1,102.82 juta atau 22.26% kepada RM6,057.21 juta berbanding RM4,954.39 juta pada tahun 2017. Jumlah belanja PERKESO juga meningkat sebanyak RM839.82 juta atau 21.76% kepada RM4,699.46 juta berbanding RM3,859.64 juta pada tahun 2017. Dengan itu, lebihan PERKESO bagi tahun 2018 meningkat sebanyak RM263.00 juta atau 24.02% kepada RM1,357.75 juta berbanding RM1,094.75 juta pada tahun 2017.

Pendapatan caruman meningkat sebanyak RM740.72 juta atau 20.80% kepada RM4,301.69 juta berbanding RM3,560.97 juta pada 2017 terutamanya berikutan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang membawa kepada peningkatan bilangan majikan, pekerja dan pemandu aktif. Selain itu, peningkatan kutipan caruman ini juga mencerminkan tahap kesedaran yang kian meningkat di kalangan majikan, pekerja dan pemandu teksi mengenai tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada PERKESO berikutan keberkesanan program dan kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh PERKESO. Di samping itu, pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan mulai 1 Januari 2018 juga antara faktor yang meningkatkan pendapatan caruman PERKESO.

Pendapatan pelaburan kasar pula meningkat sebanyak RM309.34 juta atau 24.53% kepada RM1,570.58 juta berbanding RM1,261.24 juta pada tahun 2017 terutamanya berikutan peningkatan dalam keuntungan daripada penjualan, pendapatan faedah dan kentungan belum realis daripada pertukaran asing.

Sementara itu, belanja tanggungan meningkat sebanyak RM454.90 juta atau 13.82% kepada RM3,747.08 juta pada tahun 2018 berbanding RM3,292.18 juta pada tahun sebelumnya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah dan pelaksanaan bayaran pelarasan kos sara hidup mulai September 2017. Belanja operasi turut meningkat sebanyak RM113.73 juta atau 19.96% kepada RM683.62 juta berbanding RM569.89 juta pada tahun 2017 terutamanya berikutan peningkatan dalam perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pada tahun 2018. Prestasi kewangan PERKESO adalah seperti di Jadual 15, Carta 1 dan 2.

FINANCIAL PERFORMANCE REVIEW

In overall, SOCSO's total income for 2018 increased by RM1,102.82 million or 22.26% to RM6,057.21 million in comparison to RM4,954.39 million in 2017. Similarly, SOCSO's total expenses also rose by RM839.82 million or 21.76% to RM4,699.46 million in comparison to RM3,859.64 million in 2017. As a result, surplus for 2018 increased by RM263.00 million or 24.02% to RM1,357.75 million in comparison to RM1,094.75 million in 2017.

Contributions income increased by RM740.72 million or 20.80% to RM4,301.69 million compared to RM3,560.97 million in 2017 mainly due to the effectiveness of the enforcement activities which led to an increase in the number of active employers, employees and drivers. On the other hand, the increase in collection of contributions also reflects the growing awareness among employers, employees and taxi drivers about their responsibilities to contribute to SOCSO due to the effectiveness of programmes and awareness campaigns conducted by SOCSO. In addition, the implementation of the Employment Insurance System from 1 January 2018 is also among the factors that increase SOCSO's contribution income.

Gross investment income increased by RM309.34 million or 24.53% to RM1,570.58 million in comparison to RM1,261.24 million in 2017 due to the increase in gains from divestment, interest income and unrealised gains from foreign exchange.

Meanwhile, benefits expenses increased by RM454.90 million or 13.82% to RM3,747.08 million in 2018 in comparison to RM3,292.18 million in the previous year due to the increase in the number of benefits claim cases and the implementation of payment for adjustment of cost of living starting from September 2017. Operating expenses also increased by RM113.73 million or 19.96% to RM683.62 million compared to RM569.89 million in 2017 mainly due to an increase in emolument expenditure and service and supply expenditure in 2018. SOCSO's financial performance is shown in Table 15, Chart 1 and 2.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

JADUAL 15 ▶ RINGKASAN STATISTIK KEWANGAN 2017 – 2018
TABLE 15 ▶ FINANCIAL STATISTICS SUMMARY 2017 – 2018

PERKARA / TAHUN ITEM / YEAR	2017 RM Juta / Million	2018 RM Juta / Million
Pendapatan Caruman Contributions Income	**3,560.97**	**4,301.69**
Geran Kerajaan Government Grant	60.00	122.00
Pendapatan Pelaburan Kasar Gross Investment Income	1,261.24	1,570.58
Lain-lain Pendapatan Bukan Pelaburan Other Non-Investment Income	72.18	62.94
Jumlah Hasil / Total Revenue	**4,954.39**	**6,057.21**
Belanja Tanggungan Benefits Expenses	3,292.18	3,747.08
Belanja Operasi Operating Expenses	569.89	683.62
Kerugian Penjejasan / (Catatan Semula) Aset Kewangan Impairment Losses / (Writeback) For Financial Assets	(2.43)	268.76
Jumlah Belanja / Total Expenses	3,859.64	4,699.46
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year	1,094.75	1,357.75
Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserve	27,064.55	28,072.84

CARTA 1 ▶ KOMPONEN HASIL PERKESO 2018
CHART 1 ▶ SOCSO REVENUE COMPONENTS 2018



RM4,301.69 juta / million
Pendapatan Caruman
Contributions Income

RM122.00 juta / million
Geran Kerajaan
Government Grant

RM1,570.58 juta / million
Pendapatan Pelaburan Kasar
Gross Investment Income

RM62.94 juta / million
Lain-lain Pendapatan Bukan Pelaburan
Other Non-Investment Income

CARTA 2 ▶ KOMPONEN BELANJA PERKESO 2018
CHART 2 ▶ SOCSO EXPENSES COMPONENTS 2018



RM3,747.08 juta / million
Belanja Tanggungan
Benefit Expenses

RM683.62 juta / million
Belanja Operasi
Operating Expenses

RM268.76 juta / million
Kerugian Penjejasan / (Catatan Semula) Aset Kewangan
Impairment Losses / (Writeback) For Financial Assets

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

BELANJA OPERASI
OPERATING EXPENSES



RM683.62 Juta (2017: RM569.89 Juta)
Meningkat 19.96%

RM683.62 Million (2017: RM569.89 Million),
Increased by 19.96%

Belanja Operasi adalah seperti ditunjukkan di Jadual 16 dan Carta 3.

Operating Expenses is shown in Table 16 and Chart 3.

JADUAL 16 ▶ KOMPONEN BELANJA OPERASI 2017 – 2018

TABLE 16 ▶ OPERATING EXPENSES COMPONENTS 2017 – 2018

KOMPONEN / COMPONENTS	2017 RM Juta / Million	2018 RM Juta / Million	Perubahan Changes (%)
Kos Anggota / Staff Costs	334.60	395.46	18.19
Bayaran Audit / Audit Fees	0.24	0.27	12.50
Susut Nilai Hartanah dan Peralatan / Depreciation of Property and Equipment	33.00	37.72	14.30
Pelunasan Perisian Komputer / Amortisation of Computer Software	38.11	39.50	3.65
Perkhidmatan dan Bekalan / Services and Supplies	129.20	173.88	34.58
Harta Perbekalan / Supplies Items	4.84	2.86	(40.91)
Pemberian dan Bayaran Tetap / Grants and Fixed Payments	0.37	0.33	(10.81)
Perbelanjaan Pelaburan / Investment Expenditure	5.33	6.22	16.70
Lain-lain Perbelanjaan Operasi / Other Operating Expenditure	24.20	27.38	13.14
Jumlah / Total	**569.89**	**683.62**	**19.96**

CARTA 3 ▶ **KOMPONEN BELANJA OPERASI 2018**

CHART 3 ▶ **OPERATING EXPENSES COMPONENTS 2018**



RM395.46 juta / million **Kos Anggota** Staff Costs	**RM0.27 juta / million** **Bayaran Audit** Audit Fees	**RM37.72 juta / million** **Susut Nulai Hartanah dan Peralatan** Depreciation of Property and Equipment
RM39.50 juta / million **Pelunasan Perisian Komputer** Amortisation of Computer Softaware	**RM173.88 juta / million** **Perkhidmatan dan Bekalan** Services and Supplies	**RM2.86 juta / million** **Harta Perbekalan** Supplies Items
RM0.33 juta / million **Pemberian dan Bayaran Tetap** Grants and Fixed Payments	**RM6.22 juta / million** **Perbelanjaan Pelaburan** Investment Expenditure	**RM27.38 juta / million** **Lain-lain Perbelanjaan Operasi** Other Operating Expenditure

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

RINGKASAN PETUNJUK PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2014 - 2018

Pada keseluruhannya, petunjuk prestasi kewangan PERKESO bagi tempoh 2014 - 2018 adalah seperti di Graf 1 – 5.

FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS SUMMARY 2014 - 2018

Overall, SOCSO's financial performance indicators for 2014 - 2018 are shown in Graph 1 – 5.

GRAF 1 ▶ **JUMLAH HASIL 2014 – 2018**

GRAPH 1 ▶ **TOTAL REVENUE 2014 – 2018**



GRAF 2 ▶ **JUMLAH BELANJA 2014 – 2018**

GRAPH 2 ▶ **TOTAL EXPENSES 2014 – 2018**



GRAF 3 ▶ **LEBIHAN 2014 – 2018**

GRAPH 3 ▶ **SURPLUS 2014 – 2018**



GRAF 4 ▶ **JUMLAH ASET 2014 – 2018**

GRAPH 4 ▶ **TOTAL ASSETS 2014 – 2018**



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

GRAF 5 ▶ **RIZAB KESELAMATAN SOSIAL 2014 – 2018**

GRAPH 5 ▶ **SOCIAL SECURITY RESERVE 2014 – 2018**



ULASAN PRESTASI PELABURAN
INVESTMENT PERFORMANCE REVIEW

DANA PELABURAN PERKESO
SOCSO INVESTMENT FUND



RM26,944.81 Juta (2017: RM26,379.95 Juta)
Meningkat 2.14%

RM26,944.81 Million (2017: RM26,379.95 Million),
An Increased of 2.14%

Aset di bawah pengurusan (AUM) PERKESO telah meningkat sebanyak RM564.86 juta atau 2.14% daripada RM26,379.95 juta pada tahun 2017 kepada RM26,944.81 juta pada tahun 2018. Pertumbuhan tersebut disumbangkan terutamanya oleh pulangan daripada pelaburan. Graf 6 menunjukkan pertumbuhan dana pelaburan PERKESO daripada tahun 2014 hingga 2018.

Asset Under Management (AUM) for SOCSO has increased by RM564.86 million or 2.14% from RM26,379.95 million in 2017 to RM26,944.81 million in 2018. The growth is mainly contributed by returns from the investment. Graph 6 shows the growth of SOCSO's investment fund from 2014 to 2018.

GRAF 6 ▶ DANA PELABURAN 2014 – 2018

GRAPH 6 ▶ INVESTMENT FUND 2014 – 2018



Alokasi dana pelaburan mengikut jenis instrumen pada penghujung 2018 adalah seperti ditunjukkan di Carta 4.

Investment fund allocation according to type of instrument at the end of 2018 is shown in Chart 4.

CARTA 4 ▶ ALOKASI DANA PELABURAN 2018

CHART 4 ▶ INVESTMENT FUND ALLOCATION 2018



ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

PULANGAN PELABURAN PERKESO
SOCSO INVESTMENT RETURNS



RM1,294.39 Juta (2017: RM1,261.57 Juta)
Meningkat 2.60%

RM1,294.39 Million (2017: RM1,261.57 Million)
An Increased of 2.60%

Strategi taktikal untuk semua kelas aset yang dilaksanakan pada tahun 2018 telah berjaya meningkatkan pulangan pelaburan secara keseluruhan walaupun keadaan pasaran sangat mencabar dan tidak menentu. Pendapatan yang dijana daripada aktiviti pelaburan telah meningkat sebanyak RM32.82 juta atau 2.60% daripada RM1,261.57 juta pada tahun 2017 kepada RM1,294.39 juta pada tahun 2018. Jumlah tersebut adalah termasuk rosot nilai untuk ekuiti. Graf 7 di bawah menunjukkan prestasi pulangan pelaburan daripada tahun 2014 hingga 2018.

The tactical strategy for all asset classes implemented in 2018 managed to boost overall investment returns despite challenging and volatile market conditions. Income generated from investment activities has increased by RM32.82 million or 2.60% from RM1,261.57 million in 2017 to RM1,294.39 million in 2018. The amount was inclusive of the impairment of equity. Graph 7 below captured the performance of the investment returns from 2014 to 2018.

GRAF 7 ▶ **PULANGAN PELABURAN 2014 – 2018**

GRAPH 7 ▶ **INVESTMENT RETURNS 2014 – 2018**



Komposisi pulangan pelaburan mengikut alokasi aset untuk tahun 2018 adalah ditunjukkan di Carta 5.

Composition of investment returns as per asset allocation for the year 2018 is shown in Chart 5.

CARTA 5 ▶ KOMPOSISI PULANGAN PELABURAN MENGIKUT ALOKASI ASET 2018

CHART 5 ▶ COMPOSITION OF INVESTMENT RETURNS BY ASSET ALLOCATION 2018



Sekuriti Kerajaan Government Securities	**Ekuiti** Equities
Bon Korporat / Sukuk Corporate Bonds / Sukuk	**Hartanah Pelaburan** Investment Properties
Pasaran Wang Money Market	**Ekuiti Swasta** Private Equities

ULASAN PASARAN

Ekonomi Global

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan pertumbuhan ekonomi dunia menjadi perlahan daripada 3.8% pada tahun 2017 kepada 3.7% pada tahun 2018 disebabkan oleh pengembangan global yang lemah. IMF juga menjangkakan ramalan yang lemah untuk tahun 2019 dan 2020, disebabkan oleh kelembapan di Eropah dan beberapa pasaran pesat membangun, dan kegagalan menyelesaikan ketegangan perdagangan AS-China boleh menjejaskan lagi kestabilan ekonomi global yang perlahan. IMF meramalkan ekonomi global akan berkembang pada 3.5% pada tahun 2019 dan 3.6% pada tahun 2020.

Ekonomi dunia merudum pada tahun 2018 akibat langkah perdagangan yang agresif oleh AS terhadap rakan perdagangan utamanya telah memburukkan keadaan perniagaan dan pelaburan di banyak negara. Kekeliruan yang berterusan terhadap Brexit, pengetatan dasar monetari dan ketidakpastian mengenai arah tuju kadar faedah bagi ekonomi-ekonomi utama juga menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih lemah.

Menurut IMF, pertumbuhan global dijangka mencapai 3.9% dalam tahun 2018 selari dengan unjuran oleh W*orld Economic Outlook (WEO)*. Pada tahun 2018, pengembangan tersebut, bagaimanapun, menjadi kurang jelas dan risiko kepada prospek semakin meningkat. Kadar pengembangan kelihatan telah memuncak di beberapa ekonomi utama dan pertumbuhan kurang sekata berbanding pada tahun 2017. Unjuran pertumbuhan telah disemak ke bawah untuk Eropah, Jepun dan United Kingdom, mencerminkan kejutan negatif kepada aktiviti pada awal tahun 2018.

MARKET REVIEW

Global Economy

The International Monetary Fund (IMF) expected world economic growth to slowdown from 3.8% in 2017 to 3.7% in 2018 due to weakening global expansion. It also projected weaker forecasts for 2019 and 2020, due to weakness in Europe and some emerging markets, and failure to resolve US-China trade tensions could further de-stabilise a slowing global economy. The IMF predicted the global economy to grow at 3.5% in 2019 and 3.6% in 2020.

The world economy took a downswing in 2018 as agressive trade measures by the US against its major trade partners dampened business and investment conditions for many countries. Further confusion over Brexit, tighter monetary policy and uncertainty over interest rate directions for major economies also contributed to weaker growth.

According to the IMF, global growth is projected to reach 3.9% in 2018 in line with the forecast of the World Economic Outlook (WEO). In 2018, the expansion is, however, becoming less pronounced, and risks to the outlook are mounting up. The rate of expansion appears to have peaked in some major economies and growth was less synchronized as compared to 2017. Growth projections have been revised down for the Euro, Japan and the United Kingdom, reflecting negative surprises to activity in early 2018.

Ekonomi Malaysia

Selepas Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14, keadaan hutang negara yang tinggi dan pendedahan projek mega yang tidak diperlukan hasil disusuli langkah rasionalisasi kewangan oleh kerajaan. Belanjawan negara yang ketat telah memberi kesan kepada perbelanjaan kerajaan. Gangguan terhadap perlombongan dan pengeluaran minyak sawit telah memberi kesan kepada sumbangan hasil. Gabungan semua faktor-faktor tersebut telah mengakibatkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan iaitu 4.7% (KDNK) pada tahun 2018.

Akaun negara telah disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta dan prestasi sektor luaran yang bertambah baik. Kedua-duanya mendapat manfaat daripada tekanan inflasi yang sederhana walaupun pertumbuhan pendapatan yang tinggi semasa tempoh tanpa cukai.

Bagi faktor luaran, eksport bersih yang lebih baik memberikan sokongan yang kuat dan positif kepada ekonomi selepas Indeks Pengurus Pembelian (PMI) kekal dalam fasa penguncupan untuk bulan keempat berturut-turut sejak bulan Januari 2018.

Malaysia Economy

Post 14th General Election in Malaysia, the huge national debt situation and unfavorable mega deals were revealed which was followed by government financial rationalisation measures. The tight national budget impacted government spending. Disruptions to mining and palm oil production affected revenue contribution. All these factors combined to result in the slower economic growth of 4.7% (GDP) in 2018.

The national account was supported by the strong growth in private consumption and improved performance of the external sector. These two benefited from the mild inflationary pressure despite higher income growth during the tax holiday.

On the external factor, improved net export provided a strong and positive impulse to the economy after Purchasing Managers' Index (PMI) remained in the contractionary phase for the fourth consecutive months since January 2018.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

Pasaran Ekuiti

Pada tahun 2018, pelaburan ekuiti terjejas teruk akibat ketidakpastian di pasaran global dan domestik. Faktor-faktor seperti ketegangan perdagangan di antara AS dan China, kebimbangan pertumbuhan global, kenaikan kadar faedah AS, serta harga minyak yang tidak menentu memburukkan lagi ketidakpastian. Di peringkat domestik, sektor-sektor yang sangat dikawal selia seperti telekomunikasi, pembinaan dan hartanah mengalami kejatuhan yang teruk selepas PRU-14 disebabkan oleh kajian semula terhadap kebanyakan projek-projek infrastruktur dan ketidakpastian dasar. Penanda aras FBM KLCI berakhir dengan penyusutan 5.91% sepanjang tahun 2018 dan ditutup pada paras 1,690.58 mata, menjadikannya prestasi tahunan yang paling buruk dalam tempoh 10 tahun.

Equity Market

In 2018, equities investment suffered from both global and domestic uncertainties. Factors like the trade tensions between US and China, global growth concerns, US rising interest rates, as well as volatile oil prices exacerbated the uncertainties. On domestic front, highly regulated sectors such as telecommunication, construction and property took the biggest hit post GE-14 due to reviews on most infrastructure projects and policy uncertainties. The benchmark FBM KLCI ended up losing 5.91% through 2018 and closed at 1,690.58 points, making it the worst annual performance in 10 years.

Prestasi Indeks Sektor Bursa Malaysia:
Performance Of Bursa Malaysia Sectoral Indices:

Indeks Pembinaan / Construction Index	-50.15
Indeks Kewangan / Financials Index	+2.58
Indeks Perladangan / Plantation Index	-12.66
Indeks Hartanah / Property Index	-28.59
Indeks REIT / REIT Index	-12.53
Indeks Barang-Barang Pengguna / Consumer Goods Index	+1.62
Indeks Tenaga / Energy Index	-26.20
Indeks Teknologi / Technology Index	-29.91

Pasaran Bon

Pada tahun 2018, pasaran bon mengalami tempoh ketidakpastian akibat kitaran pengetatan monetari Rizab Persekutuan AS dan juga peningkatan ketegangan perdagangan di antara AS-China. Di samping itu, urusniaga pelabur di pasaran bon tempatan menjadi lebih berhati-hati berikutan keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei yang mengakibatkan penyertaan asing yang rendah buat sementara. Kadar hasil MGS 10 tahun meningkat setinggi 4.20% sebelum stabil pada 4.08% pada akhir tahun 2018. USD/MYR melepasi RM4.00 dan ditutup pada RM4.13 di akhir tahun 2018.

Bonds Market

In 2018, bond market went through period of uncertainty while digesting US Fed's monetary tightening cycle and also escalating US-China trade tensions. In addition, investor trading in the domestic bond market turned cautious following outcome of 14th General Election on 9 May that resulted in temporary lower foreign participation. Yields of 10-year MGS rose briefly to as high as 4.20% before stabilising at 4.08% in end 2018. USD/MYR hovered above RM4.00 and closed at RM4.13 in end 2018.

AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN DALAMAN

Ekuiti

Bagi ekuiti yang diurus secara dalaman, PERKESO terus meningkatkan aktiviti belian melalui saringan dari bawah ke atas yang menumpukan kepada kaunter-kaunter yang mempunyai asas yang kukuh dengan prospek pertumbuhan jangka panjang yang baik dan mengambil kesempatan daripada sebarang kelemahan harga bagi saham-saham yang berada dalam senarai urusniaga PERKESO.

Pada akhir tahun 2018, pelaburan dalam ekuiti adalah berjumlah RM2,556.35 juta, mewakili 9.49% daripada dana pelaburan PERKESO. Jumlah tersebut telah menurun sebanyak RM563.62 juta atau 18.06% berbanding RM3,119.97 juta pada tahun 2017 disebabkan oleh aktiviti pengambilan keuntungan.

PERKESO melabur 32.9% daripada portfolio ekuiti dalamannya dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan, 12.1% dalam perladangan dan diikuti oleh minyak dan gas 11.3%. PERKESO juga memperuntukkan 6.8% dalam sektor utiliti, 6.3% dalam produk pengguna, 6.1% dalam kewangan dan 5.0% dalam REIT, 4.9% dalam telekomunikasi, 3.0% dalam pembinaan dan 2.8% dalam hartanah. Baki 8.7% lagi dilaburkan dalam sektor-sektor kecil yang lain.

Portfolio ekuiti dalaman PERKESO menjana pendapatan dividen sebanyak RM85.69 juta dan RM173.49 juta daripada keuntungan modal melalui penjualan saham.

Komitmen PERKESO bersama syarikat-syarikat yang dilaburkan adalah melalui kehadiran dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (MALB) untuk melaksanakan hak mengundi dengan sewajarnya. Di samping itu, pengurusan PERKESO menghadiri mesyuarat dan perbincangan bersama pihak pengurusan syarikat-syarikat yang dilaburkan melalui perjumpaan secara khusus atau berkumpulan di sepanjang tahun.

IN-HOUSE INVESTMENT ACTIVITIES

Equities

For internally managed equity, SOCSO continued to ramp-up its buying activities via bottom-up screening focused on fundamentally strong counters with good long-term growth prospects and taking advantage of any price weakness on stocks that are within SOCSO's investment universe.

At the end of 2018, investment in equity amounted to RM2,556.35 million, representing 9.49% of the SOCSO's investment fund. The amount has decreased by RM563.62 million or 18.06% compared to RM3,119.97 million in 2017 due to profit taking activities.

SOCSO invested 32.9% of its internal equity portfolio in banking and financial services, 12.1% in plantation and followed by oil and gas 11.3%. SOCSO also allocated 6.8% in the utility sector, 6.3% in consumer products, 6.1% in financials and 5.0% in REIT, 4.9% in telecommunication, 3.0% in construction and 2.8% in property. The rest of 8.7% is invested in other small sectors.

SOCSO's internal equity portfolio generated a dividend income of RM85.69 million and RM173.49 million from capital gains in sale of shares.

SOCSO's commitment with its investee companies through participation of attendance in Annual General Meeting (AGMs) and Extraordinary General Meetings (EGMs) to exercises our voting rights accordingly. In addition, the management attended meetings and briefings with management of investee companies on one-to-one basis or through group meetings throughout the year.

Sekuriti Kerajaan (Konvensional dan Islamik), Bon Korporat / Sukuk dan Pinjaman Dijamin Kerajaan

Instrumen-instrumen pendapatan tetap dalaman terdiri daripada Sekuriti Kerajaan, Bon Korporat / Sukuk dan Pinjaman Dijamin Kerajaan yang menyumbang kepada 57.31% daripada dana pelaburan PERKESO. Pada tahun 2018, pulangan daripada kelas aset ini adalah berjumlah RM709.17 juta. Ini disumbangkan terutamanya oleh pembayaran kupon dan keuntungan modal.

Komponen terbesar kelas aset ini adalah Sekuriti Kerajaan, yang mewakili 47.44% dengan nilai pasaran semasa sebanyak RM12,783.96 juta, telah menjana pendapatan sebanyak RM592.74 juta dalam bayaran kupon. Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan meningkat sebanyak RM506.58 juta atau 4.13% berbanding RM12,277.38 juta pada tahun 2017.

Sementara itu, pelaburan dalam Bon Korporat / Sukuk mewakili 9.86% daripada jumlah dana pelaburan. Berbanding dengan tahun 2017, portfolio Bon Korporat / Sukuk meningkat sebanyak 29.34% atau RM603.28 juta pada tahun 2018 dengan nilai pasaran semasa yang berjumlah RM2,659.10 juta. Peningkatan dalam alokasi telah menyumbang kepada kenaikan pulangan pelaburan sebanyak 27.61% atau RM25.19 juta daripada RM91.23 juta pada 2017 kepada RM116.42 juta pada tahun 2018.

Pelaburan dalam Bon Korporat / Sukuk kebanyakannya dalam penarafan kredit AAA dan AA. Dasar dan Garis Panduan Pelaburan PERKESO telah menetapkan penarafan kredit minimum adalah AA3 atau AA-. Wajaran sektor pelaburan dalam kelas aset ini adalah seperti berikut:

Government Securities (Conventional and Islamic), Corporate Bonds / Sukuk and Government Guaranteed Loan

Internal fixed income instruments consist of Government Securities, Corporate Bonds / Sukuk and Government Guaranteed Loans which accounted to 57.31% of SOCSO's investment fund. In 2018, the realised return from the asset class totalled to RM709.17 million. This was mainly contributed by the coupon payment and capital gains.

The largest component of this asset class is Government Securities, representing 47.44% with current market value of RM12,783.96 million, has generated an income RM592.74 million in coupon payment. The investment in Government Securities has increased by RM506.58 million or 4.13% compared to RM12,277.38 million in 2017.

Meanwhile, investment in Corporate Bonds / Sukuk represents 9.86% of the total investment fund. Compared to 2017, the Corporate Bonds / Sukuk portfolio increased by 29.34% or RM603.28 million in 2018 with the current market value amounted to RM2,659.10 million. The increase in the allocation has contributed to an increase in the investment return by 27.61% or RM25.19 million from RM91.23 million in 2017 to RM116.42 million in 2018.

Investment in Corporate Bonds / Sukuk is largely skewed towards AAA and AA rated credits. SOCSO'S Investment Policy and Guidelines has set the minimum credit rating of AA3 or AA-. Sector weighting of investment in this asset class is as follows:

Kewangan dan Perbankan / Finance and Banking	41.3%
Tenaga / Power	28.8%
Telekomunikasi / Telecommunication	12.3%
Lebuhraya / Toll Road	8.2%
Hartanah / Real Estates	3.6%
Lain-lain / Others	5.8%

2018: RM4,354.40 juta / million
2017: RM4,940.80 juta / million

PERKESO telah mengurangkan pelaburan dalam instrumen pasaran wang bagi melabur dalam kelas aset yang memberikan pulangan yang lebih tinggi

Menurun / Decreased
11.87%
RM586.40 juta / million

SOCSO has reduced investment in money market instrument to invest in higher expected return asset classes

Pasaran Wang

Instrumen pasaran wang PERKESO terdiri daripada deposit jangka pendek dan simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan yang diluluskan. Tempoh matang deposit pasaran wang adalah bermula daripada semalaman hingga 12 bulan. Sebagai sebahagian daripada strategi PERKESO dalam mempelbagaikan aset PERKESO telah mengurangkan alokasi pelaburan dalam pasaran wang dan sebaliknya melabur dalam instrumen lain yang dijangka dapat memberikan pulangan yang lebih baik dan lebih mampan dalam jangka panjang.

Pada tahun 2018, pelaburan PERKESO dalam instrumen ini menurun sebanyak RM586.40 juta atau 11.87% kepada RM4,354.40 juta berbanding dengan RM4,940.80 juta pada tahun 2017. Ini menyumbang sebanyak 16.16% daripada jumlah dana pelaburan pada tahun 2018. Selari dengan jumlah pelaburan yang rendah dalam kelas aset ini, sumbangan pulangan menurun kepada RM210.41 juta berbanding RM228.61 juta pada tahun 2017. Dengan menyediakan kecairan kepada aset PERKESO, instrumen-instrumen pasaran wang melindungi portfolio daripada kesan negatif turun naik pasaran pada tahun 2018.

Money Market

SOCSO's money market instruments consist of short term and fixed deposits in financial institutions that have been approved. The money market deposit tenure is ranging from overnight to 12 months. As part of SOCSO's asset diversification strategy, SOCSO has reduced its allocation investment in money market and instead invest in other instruments which is expected to achieve better and more sustainable returns over the long term.

In 2008, SOCSO's investment in these instruments decreased by RM586.40 million or 11.87% to RM4,354.40 million in comparison to RM4,940.80 million in 2017. This accounts for 16.16% of the total investment fund in 2018. In line with lower amount of investment in this asset class, the contribution of return fell to RM210.41 million compared to RM228.61 million in 2017. While providing liquidity to SOCSO's asset, money market instruments insulated the portfolio from negative effects of market volatility during 2018.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEWANGAN
KEY FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS REVIEW

PERKESO juga melabur dalam instrumen pasaran wang bagi dana di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Pada tahun 2018, sebanyak RM58.10 juta dana pelaburan daripada Akta 798 dan RM566.30 juta daripada Akta 800 telah dilaburkan dalam pasaran wang, di mana telah menjana pulangan masing-masing sebanyak RM1.39 juta dan RM27.35 juta

---

SOCSO also invests in money market instrument for funds under the Self-Employment Social Security Act 2017 [Act 789] and Employement Insurance System Act 2017 [Act 800]. As at 2018, the investment funds of RM58.10 million from Act 798 and RM566.30 million from Act 800 were invested in money market, of which have generated returns of RM1.39 million and RM27.35 million respectively.

Mandat Pelaburan Luar

Prestasi Pengurus Dana Luar (PDL) domestik adalah sederhana disebabkan oleh keadaan ekonomi yang lembap dan pasaran yang tidak menentu. PDL asing hanya menyumbang sebahagian daripada keseluruhan prestasi kerana perlantikan mereka telah dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2018.

12.09% daripada dana PERKESO telah diuruskan oleh PDL domestik dan asing. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mempelbagaikan aktiviti dan mengurangkan risiko pelaburan PERKESO. Pada akhir tahun 2018, dana yang diuruskan oleh PDL domestik adalah berjumlah RM2,334.18 juta, manakala RM924.26 juta diuruskan oleh PDL asing.

External Investment Mandate

Performance by domestic External Fund Managers (EFMs) was moderated due to economic slowdown and market volatility. Foreign EFMs contributed only partially to the overall performance as their engagement is finalised in mid-2018.

12.09% of SOCSO's fund is managed by domestic and foreign EFMs. This is part of the effort to diversify SOCSO's investment activities and reduce its investment risk. At the end of 2018, the fund managed by domestic EFMs totaled to RM2,334.18 million, while another RM924.26 million were managed by foreign EFMs.

Pada tahun 2018, PDL untuk kedua-dua ekuiti dan pendapatan tetap, berjaya menjana pendapatan sebanyak RM86.79 juta, bersamaan dengan 6.71% daripada jumlah pulangan daripada pendapatan pelaburan. Prestasi pengurus-pengurus dana ini akan terus dipantau sepanjang tahun. Mesyuarat penilaian prestasi dengan semua PDL telah diadakan pada setiap suku tahun atau mengikut keperluan.

In 2018, the EFMs for both equity and fixed income, managed to generate income of RM86.79 million equivalent to 6.71% of the total return on investment income. The performance of these fund managers is continuously monitored throughout the year. The performance evaluation meeting was held every quarter with all EFMs or whenever necessary.

Hartanah

Pelaburan hartanah PERKESO meningkat sebanyak 124.34%, daripada RM591.95 juta pada tahun 2017 kepada RM1,328 juta pada tahun 2018.

Peningkatan ini berikutan oleh perolehan tambahan hartanah pada suku ketiga *(3Q2018)* dan suku keempat *(4Q2018)* tahun kewangan 2018 dengan kos modal berjumlah RM736.05 juta.

Ekuiti swasta

Pada tahun 2017, PERKESO menambah ekuiti swasta sebagai salah satu instrumen pelaburannya. Pelaburan ekuiti swasta pertama telah dibuat pada awal tahun 2018, dengan jumlah modal komitmen berjumlah RM75.0 juta. Pada akhir tahun 2018, jumlah sumbangan modal yang telah dilaburkan dalam dana ekuiti swasta adalah berjumlah RM4.55 juta.

Properties

SOCSO's Real Estates investment increased by 124.34%, from RM591.95 million in 2017 to RM1,328 million in 2018.

The increase is following additional acquisition of real estate in third (3Q2018) and fourth quarter (4Q2018) of the 2018 financial year with a capitalised cost amounting to RM736.05 million.

Private Equity

In 2017, SOCSO added private equity as part of its one of its investment instrument. Its first private equity investment was made in early 2018, with total capital commitment amounting to RM75.0 million. As at end of 2018, the total capital contribution invested into the private equity fund amounting to RM4.55 million.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI
OPERATIONS KEY PERFORMANCE INDICATOR REVIEW

JOHN RIBA ANAK MARIN

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Deputy Chief Executive (Operations)

"Walaupun berdepan dengan cabaran sosioekonomi semasa yang tidak menentu dan perubahan dalam landskap keselamatan sosial yang pantas berubah namun PERKESO terus berjaya melonjakkan kecemerlangan pengoperasian menerusi pencapaian cemerlang dalam KPI Operasi yang ditetapkan. Pencapaian cemerlang KPI Piagam Pelanggan melebihi 95%, keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan aktiviti kesedaran yang telah dijalankan ke atas majikan telah meningkatkan bilangan majikan dan pekerja berdaftar yang layak di bawah akta. Peningkatan dalam kutipan caruman dan pemprosesan tuntutan faedah yang keseluruhannya berjaya dicapai pada tahap yang memuaskan. Secara langsung telah meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan untuk memberikan perkhidmatan terbaik melangkaui ekspektasi pelanggan. Pencapaian cemerlang ini telah bejaya meningkatkan tahap kepuasan pelanggan PERKESO pada tahap memuaskan iaitu pada skala 88.50% berdasarkan kajian kepuasan pelanggan yang telah dijalankan pada tahun 2018."

" Despite facing the challenges of a volatile current socio-economy and a fast-changing social security landscape, SOCSO continues to successfully manouver its operational excellence through excellent achievements in its stipulated Operations KPI.
The KPI excellence of its Clients' Charter exceeded 95%. The effectiveness of enforcement and awareness activities carried out by employers has increased the number of registered employers and workers who are eligible under the Act. Improvement in collection of contributions and overall processing of benefits claim was achieved at a satisfactory level. This has directly improved efficiency in service delivery to provide the best service that exceeds clients' expectations.
This excellent achievement has led to a satisfactory level of SOCSO clients' satisfaction, at a scale of 88.50% based on the clients' satisfaction studies conducted in 2018."

MAJIKAN AKTIF
ACTIVE EMPLOYERS



437,060 (2017: 433,723) Meningkat 0.77%

437,060 (2017: 433,723) An Increase of 0.77%

PEKERJA AKTIF
ACTIVE EMPLOYEES



7.08 Juta (2017: 6.80 Juta) Meningkat 4.12%

7.08 Million (2017: 6.80 Million) An Increase of 4.12%

BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA

Bilangan majikan dan pekerja aktif pada 2018 mencatatkan pertambahan berbanding tahun 2017. Pada tahun 2018, jumlah majikan aktif telah meningkat sebanyak 0.77% kepada 437,060 majikan berbanding 433,723 majikan pada tahun 2017 sementara pekerja aktif pula meningkat sebanyak 4.12% kepada 7.08 juta pekerja berbanding 6.80 juta pekerja. Bilangan majikan dan pekerja aktif pada tahun 2017 - 2018 ditunjukkan seperti di Jadual 17, Carta 6 dan 7.

NUMBER OF EMPLOYERS AND EMPLOYEES

The number of active employers and employees in 2017 was higher than in 2016. In 2018, the number of active employers increased by 0.77% to 437,060 employers as compared to 433,723 employers in 2017 while the number of active employees increased by 4.12% to 7.08 million employees as compared to 6.80 employees in 2017. The number of active employers and employees for the period of 2017 - 2018 is shown in Table 17, Chart 6 and Chart 7.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2018
OPERATIONS KEY PERFORMANCE INDICATOR REVIEW 2018

JADUAL 17 ▶ BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA 2017 – 2018
TABLE 17 ▶ NUMBER OF EMPLOYERS AND EMPLOYEES 2017 – 2018

Perkara Item	2017		2018		
	Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan (Akta 4) Employment Injuries Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (Akta 789) Self Employment Work Injuries Scheme (Act 789)	Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan (Akta 4) Employment Injuries Scheme and Invalidity Ssheme (Act 4)	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (Akta 789) Self Employment Work Injuries Scheme (Act 789)	Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) Employment Insurans System (Act 800)
Majikan Aktif Active Employers	433,723	–	437,060	–	384,487
Pekerja Aktif Active Employees	6,803,948	–	7,077,431	–	6,117,886
Pemandu Aktif Active Driver	–	2,339	–	7,660	–

CARTA 6 ▶ BILANGAN MAJIKAN AKTIF 2014 – 2018
CHART 6 ▶ NUMBER OF ACTIVE EMPLOYERS 2014 – 2018



CARTA 7 ▶ **BILANGAN PEKERJA AKTIF TAHUN 2014 – 2018**

CHART 7 ▶ **NUMBER OF ACTIVE EMPLOYEES 2014 – 2018**



KUTIPAN CARUMAN
COLLECTION OF CONTRIBUTIONS



RM4,301.69 juta (2017: RM3,560.97)
Meningkat 20.80%

RM4,301.69 million (2017: RM3,560.97 million)
An Increase of 20.80%

Selaras dengan peningkatan dalam jumlah pendaftaran majikan dan pekerja serta pelaksanaan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri dan Sistem Insurans Pekerjaan, kutipan caruman pada 2018 telah meningkat sebanyak 20.80% atau RM740.72 juta berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini telah menjadikan keseluruhan kutipan caruman kepada RM4,301.69 juta berbanding RM3,560.97 juta pada 2017. Pendapatan daripada caruman telah menyumbang sebanyak 71% daripada keseluruhan pendapatan bagi 2018.

In line with the increase in the number of employer and employee registration and the implementation of the Self-Employment Injury Scheme and Employment Insurance System, the total collection of contributions in 2018 increased by RM740.72 million or 20.80% compared to the previous year. This increase has resulted in the overall collection of contributions rising to RM4,301.69 million in 2018 in comparison to RM3,560.97 million in 2017. The income from contributions accounted for 71% of the total income for the year 2018.

ULASAN PETUNJUK UTAMA PRESTASI OPERASI 2018
OPERATIONS KEY PERFORMANCE INDICATOR REVIEW 2018

Keberkesanan aktiviti dan program kesedaran yang dijalankan telah meningkatkan kesedaran masyarakat, pekerja dan majikan mengenai kepentingan keselamatan sosial. Faktor ini telah menjadi salah satu penyumbang penting kepada kenaikan jumlah pendapatan caruman. Jumlah kutipan caruman adalah seperti Jadual 19 dan Carta 8.

The effectiveness of the activities and programmes which were carried out raised the awareness of the employers, employees and society in general concerning the importance of social security. This in turn became the main contributing factor in the increase in the collection of contributions. The total amount of contribution collection is shown in Table 19 and Chart 8.

JADUAL 18 ▶ JUMLAH KUTIPAN CARUMAN 2017 – 2018
TABLE 18 ▶ TOTAL CONTRIBUTION COLLECTION 2017 – 2018

	2017		2018		
Perkara Item	Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan (Akta 4) Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (Akta 789) Self Employment Work Injuries Scheme (Act 789)	Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan (Akta 4) Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme (Act 4)	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri (Akta 789) Self Employment Work Injuries Scheme (Act 789)	Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) Employment Insurans System (Act 800)
RM juta / million	3,560.50	0.46	3,739.48	1.42	560.79
RM Jumlah / Total	3,560.96		4,301.69		

Nota / Note:
Angka berkemungkinan tidak sama dengan jumlah keseluruhan disebabkan faktor pembundaran.
Figures may not sum to total due to rounding.

JADUAL 19 ▶ CARUMAN (RM) JUTA
TABLE 19 ▶ CONTRIBUTION (RM) MILLION

	2017	2018
Jumlah Kutipan / Total Collection	3,560.97	4,301.69

CARTA 8 ▶ **KUTIPAN CARUMAN 2014 – 2018**

CHART 8 ▶ **CONTRIBUTION COLLECTIONS 2014 – 2018**



PENGURUSAN TUNTUTAN FAEDAH

Pengurusan tuntutan faedah dikendalikan mengikut Piagam Pelanggan dan Standard Q, yang mengambil kira pengukuran berdasarkan peratus pencapaian dan purata hari. Pendekatan ini dilaksanakan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

BENEFIT CLAIMS MANAGEMENT

To ensure that the delivery of services provided meet customers' expectations, benefit claims are processed based on the Client Charter and Standard Q, which is measured by percentage of achievement and average number of days. This approach is implemented to guarantee that service delivery meets customers' expectations.

Piagam Pelanggan Berdasarkan Purata Hari

Prestasi Piagam Pelanggan dalam Tempoh Pemprosesan (Purata hari) berbanding tahun sebelumnya seperti Jadual 20 di bawah.

Client Charter Based on Average Number of Days

The performance of The Client Charter by Processing Period (Average Number of Days) in comparison to the previous year as reflected in Table 20 below.

JADUAL 20 ▶ PRESTASI PROSESAN FAEDAH (PURATA HARI) 2018

TABLE 20 ▶ BENEFIT PROCESSING PERFORMANCE (AVERAGE NUMBER OF DAYS) 2018

Tahun / Year	FHUS / TDB 5 Hari / Days	FHUK / PDB 7 Hari / Days	FOT / DB 7 Hari / Days	P.ILAT Invalidity Pension 7 Hari / Days	P.PKT Survivors' Pension 7 Hari / Days	FPM / FB 3 Hari / Days
2017	2.06	2.45	2.23	2.71	2.33	1.32
2018	**2.10**	**2.91**	**2.34**	**3.25**	**2.45**	**1.39**

Piagam Pelanggan Berdasarkan Peratusan

Prestasi Piagam Pelanggan dalam Pemprosesan (Peratusan) tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya sebagai mana Jadual 21 di bawah.

Client Charter Based On Percentage

Th Client Charter Performance in Processing (Percentage) in 2018 as compared to the previous year as reflected in Table21 below.

JADUAL 21 ▶ PRESTASI PROSESAN FAEDAH (PERATUSAN) 2017 – 2018

TABLE 21 ▶ BENEFIT PROCESSING PERFORMANCE (PERCENTAGE) 2017 – 2018

Pencapaian Piagam Pelanggan (Peratus) Client Charter Achievement (Percentage)	FHUS / TDB 5 Hari / Days	FHUK / PDB 7 Hari / Days	FOT / DB 7 Hari / Days	P.ILAT Invalidity Pension 7 Hari / Days	P.PKT Survivors' Pension 7 Hari / Days	FPM / FB 3 Hari / Days
2017	99.17	99.42	99.33	98.99	99.32	99.23
2018	**98.44**	**98.17**	**98.62**	**97.69**	**98.65**	**98.95**

Prestasi Standard Q berdasarkan (Peratusan) pada 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti di Jadual 22.
The Performance of Standard Q based on Percentage in 2018 as compared to 2017 is given in Table 22 below.

JADUAL 22 ▶ PRESTASI STANDARD Q (PERATUSAN) 2017 – 2018

TABLE 22 ▶ STANDARD Q (PERCENTAGE) PERFORMANCE 2017 – 2018

Peratus Pencapaian Standard Q Percentage Achievement Standard Q	FHUS(PK) / TDB 120 Hari / Days	FHUS(K) / TDB 45 Hari / Days	FHUK / PDB 100 Hari / Days	FOT / DB 60 Hari / Days	P.ILAT Invalidity Pension 100 Hari / Days	P.PKT Survivors' Pension 60 Hari / Days
2017	–	99.99	90.13	97.18	84.63	96.68
2018	**82.00**	**92.74**	**95.22**	**97.24**	**90.91**	**97.78**

Prestasi Standard Q berdasarkan (Purata Hari) pada 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti di Jadual 23.
Standard Q performance based on average number of days in 2018 as compared to 2017 in given in Table 23 below.

JADUAL 23 ▶ PRESTASI STANDARD Q (PURATA HARI) 2017 – 2018

TABLE 23 ▶ STANDARD Q (AVERAGE NUMBER OF DAYS) PERFORMANCE 2017 – 2018

Purata Hari Pencapaian Standard Q Average Number of Days Standard Q	FHUS(K) / TDB *45 Hari / Days	FHUS(PK) / TDB *120 Hari / Days	FHUK / PDB 100 Hari / Days	FOT / DB 60 Hari / Days	P.ILAT Invalidity Pension 100 Hari / Days	P.PKT Survivors' Pension 60 Hari / Days
2017	20.23	99.49	51.15	31.17	65.44	20.27
2018	**18.50**	**83.52**	**30.24**	**19.34**	**50.51**	**18.50**

Nota / Note:

FHUS(PK) - Termasuk penyakit khidmat
TDB - Included Occupational Diseases

FHUS(K) - Tidak termasuk Penyakit Khidmat
TDB - Not included Occupational Diseases

PENERIMA FAEDAH
BENEFITS RECIPIENTS



616,285 (2017: 568,586) Meningkat 8.39%

616,285 (2017: 568,586) An Increased by 8.39%

Bilangan penerima semua jenis faedah telah meningkat sebanyak 47,699 penerima atau 8.39% pada 2018. Peningkatan ini telah menjadikan jumlah keseluruhan penerima faedah kepada 616,285 orang berbanding 568,586 pada 2017 seperti di Jadual 24 dan Carta 9.

The number of recipients for all types of benefits increased by 8.39% or 47,699 recipients in 2018. This increase resulted in the overall total of benefit recipients to increase to 616,285 persons compared to 568,586 persons in 2017 as shown in Table 24 and Chart 9.

JADUAL 24 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH 2017 – 2018

TABLE 24 ▶ NUMBER OF BENEFIT RECIPIENTS 2017 – 2018

PENERIMA FAEDAH / BENEFIT RECIPIENTS	2017	2018
Faedah Hilang Upaya Sementara / Temporary Disablement Benefit	65,483	66,601
Faedah Hilang Upaya Kekal / Permanent Disablement Benefit	41,710	42,475
Faedah Orang Tanggungan / Dependants' Benefit	45,509	45,808
Pencen Ilat & Bantuan Ilat / Invalidity Pension & Grant	63,947	67,902
Pencen Penakat / Survivors' Pension	268,540	284,885
Elaun Layanan Sentiasa / Constant – attendance Allowance	7,326	7,634
Faedah Pengurusan Mayat / Funeral Benefit	17,556	18,659
Faedah Perubatan / Medical Benefit	2,921	2,892
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional / Physical or Vocational Rehabilitation Facility	7,076	13,501
Rawatan Dialisis / Dialysis Treatment	16,321	18,516
Program Saringan Kesihatan / Health Screening Programme	32,197	29,329
Interim SIP (Unik)	–	18,083
JUMLAH / TOTAL	**568,586**	**616,285**

CARTA 9 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH 2014 – 2018

CHART 9 ▶ NUMBER OF BENEFIT RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN FAEDAH
BENEFITS PAYMENT



RM3,706.28 Juta (2017: RM3,271.77 Juta)
Meningkat 13.28%

RM3,706.28 Million (2017: RM3,271.77 Million)
An Increased of 13.28%

Pada 2018, jumlah keseluruhan bayaran semua jenis faedah telah meningkat sebanyak RM434.50 juta atau 13.28% kepada RM3,706.27 juta berbanding RM3,271.77 juta pada 2017. Peningkatan bayaran berikutan pertambahan dalam bilangan tuntutan faedah serta tuntutan faedah-faedah baharu daripada pelaksanaan Skim Insurans Pekerjaan Sendiri dan Sistem Insurans Pekerjaan seperti di Jadual 25 dan Graf 8.

In 2018, the total payment of all benefits increased by RM434.50 million or 13.28% to RM3,706.27 million compared to RM3,271.77 million in 2017. Increase in payments due to the increase in the number of benefit claims and new benefits claims from the implementation of the Self Employment Insurance Scheme and Employment Insurance System as shown in Table 25 and Graph 8.

JADUAL 25 ▶ JUMLAH BAYARAN FAEDAH 2017 – 2018

TABLE 25 ▶ TOTAL BENEFIT PAYMENT 2017 – 2018

Komponen / Components	2017 Juta Million RM	2018 Juta Million RM	Perubahan Changes %
Faedah Hilang Upaya Sementara / Temporary Disablement Benefit	206.86	224.20	8.38
Faedah Hilang Upaya Kekal / Permanent Disablement Benefit	536.35	566.48	5.62
Faedah Orang Tanggungan / Dependants' Benefit	292.94	321.91	9.89
Pencen dan Bantuan Ilat / Invalidity Pension and Grant	693.81	790.53	13.94
Pencen Penakat / Survivors' Pension	1,186.00	1,347.82	13.64
Faedah Pengurusan Mayat / Funeral Benefit	33.82	34.06	0.71
Elaun Layanan Sentiasa / Constant-attendance Allowance	43.87	46.20	5.31
Faedah Perubatan / Medical Benefit	3.76	5.20	38.30
Pemulihan Jasmani dan Vokasional / Physical or Vocational Rehabilitation	55.41	71.70	29.40
Rawatan Dialisis / Dialysis Treatment	215.81	278.07	28.85
Program Saringan Kesihatan / Health Screening Programme	3.14	2.92	(7.01)
Interim SIP / EIS Interim	–	17.18	
JUMLAH / TOTAL	**3,271.77**	**3,706.27**	**13.28**

GRAF 8 ▶ JUMLAH BAYARAN FAEDAH 2014 – 2018

GRAPH 8 ▶ TOTAL BENEFITS PAYMENT 2014 – 2018



FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA
TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT



66,601 Penerima (2017: 65,483 Penerima)
Meningkat 1.71%

66,601 Recipients (65,483 Recipients)
An Increased by 1.71%

Pada 2018, bilangan penerima faedah meningkat sebanyak 1.71% atau 1,118 orang kepada 66,601 orang berbanding 65,483 orang pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Carta 10.

In 2018, the number of recipients increased by 1.71% or 1,118 persons to 66,601 persons compared to 65,483 persons the previous year as shown in chart 10.

CARTA 10 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA 2014 – 2018

CHART 10 ▶ NUMBER OF TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA
PAYMENT FOR TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT



RM224.20 Juta (2017: RM206.86 Juta)
Meningkat 8.38%

RM224.20 Million (2017: RM206.86 Million),
An Increased by 8.38%

Jumlah bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara telah meningkat sebanyak RM17.34 juta atau 8.38% kepada RM224.20 juta berbanding RM206.86 juta pada tahun 2017 seperti ditunjukkan di Graf 9.

The total payment for Temporary Disablement Benefit increased by RM17.34 million or 8.38% to RM224.20 million compared to RM206.86 million in 2017 as shown in Graph 9.

GRAF 9 ▶ **JUMLAH BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA 2014 – 2018**

GRAPH 9 ▶ **TOTAL PAYMENT FOR TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT 2014 – 2018**



FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL
PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT



42,475 Penerima (2017: 41,710 Penerima)
Meningkat 1.83%

42,475 Recipients (2017: 41,710 Recipients)
An Increased of 1.83%

Pada 2018, bilangan terkumpul penerima Faedah Hilang Upaya Kekal juga telah bertambah kepada 42,475 orang berbanding 41,710 orang pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Carta 11. Bilangan penerima Faedah Hilang Upaya Kekal yang menerima bayaran secara pukal meningkat sebanyak 55 orang kepada 18,989 orang pada tahun 2018 berbanding 18,934 orang pada 2017. Seramai 746 orang penerima telah memilih bayaran faedah secara pukal (1/5) dan berkala, manakala sejumlah 254 penerima telah menerima Faedah Hilang Upaya Kekal secara berkala pada 2018. (Jadual 15 - 18: Laporan Statistik)

In 2018, the cumulative number of Permanent Disablement Benefit recipients also increased to 42,475 persons in 2018 as compared to 41,710 persons the previous year as shown in Chart 11. The number of Permanent Disablement Benefit recipients receiving lump sum payments in 2018 rose by 55 persons to 18,989 persons compared to 18,934 persons in 2017. A total of 746 recipients opted for lump sum (1/5) and periodical payments, while another 254 recipients received their Permanent Disablement Benefit in periodical payments in 2018. (Table 15 - 18: Statistics Report)

CARTA 11 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL 2014 – 2018

CHART 11 ▶ NUMBER OF PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL
PAYMENT FOR PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT



RM566.48 Juta (2017: RM536.35 Juta)
Meningkat 5.62%

RM566.48 Million (2017: RM536.35 Million),
An Increased by 5.62%

Perbelanjaan bagi membiayai Faedah Hilang Upaya Kekal yang dibayar secara pukal, pukal dan berkala serta berkala sahaja telah meningkat sebanyak RM30.13 juta atau 5.62% kepada RM566.48 juta pada tahun 2018 berbanding RM536.35 juta pada tahun 2017 seperti ditunjukkan di Graft 10.

The expenditure for Permanent Disablement Benefit which was paid in lump sum, lump sum and periodical and periodical payment increased by RM30.13 million or 5.62% to RM566.48 million in 2018, as compared to RM536.35 million in 2017 as shown in Graph 10.

GRAF 10 ▶ JUMLAH BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL 2014 – 2018

GRAPH 10 ▶ TOTAL PAYMENT FOR PERMANENT DIABLEMENT BENEFIT 2014 – 2018



FAEDAH ORANG TANGGUNGAN
DEPENDANTS' BENEFIT



45,808 Penerima (2017: 45,509 Penerima)
Meningkat 0.66%

45,808 Recipients (2017: 45,509 Penerima)
An Increased Of 0.66%

Pada tahun 2018, bilangan terkumpul penerima Faedah Orang Tanggungan telah meningkat kepada 45,808 orang berbanding 45,509 orang pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Carta 12. Pada 2018, tuntutan Faedah Orang Tanggungan yang telah disah dan diluluskan sebagai kes baharu adalah berjumlah 1,110 kes. Jumlah ini menurun sebanyak 5.61% berbanding 1,176 kes pada tahun sebelumnya. Daripada keseluruhan bilangan kes 2018, sebanyak 184 kes atau 16.58% menerima bayaran pencen bulanan berjumlah RM1,000 dan ke bawah. Manakala 83.42% atau 926 kes menerima jumlah bayaran pencen bulanan melebihi RM1,000 sebulan. (Jadual 19 dan 20: Laporan Statistik).

In 2018, the cumulative number of Dependants' Benefit recipients increased to 45,808 persons compared to 45,509 persons in previous years as shown in Chart 12. In 2018, a total of 1,110 claims were verified and approved as new cases. This marks a descrease of 5.61% from 1,176 cases the previous year. From the total number of cases in 2018, 184 cases or 16.58% received a monthly pension of RM 1,000 and below, while 83.42% or 926 cases received a monthly pension of more than RM 1,000. (Table 19 and 20: Statistics Report)

CARTA 12 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH ORANG TANGGUNGAN 2014 – 2018

CHART 12 ▶ NUMBER OF DEPENDANTS' BENEFIT RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN FAEDAH ORANG TANGGUNGAN
PAYMENT FOR DEPENDANTS' BENEFIT



RM321.91 Juta (2017: RM292.94 Juta)
Meningkat 9.89%

RM321.91 Million (2017: RM292.94 Million),
An Increased by 9.89%

Pada tahun 2018, jumlah pembayaran Faedah Orang Tanggungan meningkat sebanyak RM28.97 juta atau 9.89% kepada RM321.91 juta berbanding RM292.94 juta pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Graf 11.

In 2018, the payment for Dependants' Benefit rose by RM28.97 million or 9.89% to RM321.91 million in comparison to RM292.94 million in the previous year as shown in Graph 11.

GRAF 11 ▶ **JUMLAH BAYARAN FAEDAH ORANG TANGGUNGAN 2014 – 2018**

GRAPH 11 ▶ **TOTAL PAYMENT FOR DEPENDANTS' BENEFIT 2014 – 2018**



PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT
INVALIDITY PENSION AND GRANT



67,902 Penerima (2017: 63,947 Penerima)
Meningkat 6.18%

67,902 Recipients (2017: 63,947 Recipients)
An Increased of 6.18%

Sehingga 2018, jumlah terkumpul bilangan penerima Pencen Ilat dan Bantuan Ilat adalah seramai 67,902 penerima. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6.18% atau 3,955 penerima berbanding 63,947 orang pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Carta 13. Pada 2018, terdapat sebanyak 10,262 penerima baru berbanding 10,224 penerima pada 2017. Daripada bilangan penerima baru tersebut, sebanyak 5,423 atau 52.85% mendapat bayaran Pencen dan Bantuan Ilat berjumlah RM1,000 dan ke bawah sebulan, manakala selebihnya 4,839 penerima atau 47.15% mendapat bayaran melebihi RM1,000 sebulan (Jadual 21 dan 22: Laporan Statistik).

As at the end of 2018, the cumulative number of Invalidity Pension and Grant recipients was 67,902 recipients, indicating an increased of 6.18% or 3,955 recipients compared to 63,947 recipients the previous year as shown in Chart 13. In 2018, there were 10,262 new recipients in comparision to 10,224 in 2017. Of these new recipients, 5,423 or 52.85% received a monthly Invalidity Pension and Grant of RM 1,000 and below, while the balance of 4,839 recipients or 47.15% received a monthly pension of more than RM1,000. (Table 21 and 22: Statistics Report)

CARTA 13 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT 2014 – 2018

CHART 13 ▶ NUMBER OF INVALIDITY PENSION AND GRANT RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT
PAYMENT FOR INVALIDITY PENSION AND GRANT



RM790.53 Juta (2017: RM693.81 Juta)
Meningkat 13.94%

RM790.53 Million (2017: RM 693.81 Million)
An Increase of 13.94%

Jumlah bayaran Pencen dan Bantuan Ilat meningkat sebanyak RM96.72 juta atau 13.94% iaitu daripada RM693.81 juta pada tahun 2017 kepada RM790.53 juta pada tahun 2018 seperti ditunjukkan di Graf 12.

The total sum of payment for Invalidity Pension and Grant increased by RM96.72 million or 13.94% from RM693.81 million in 2017 to RM790.53 million in 2018 as shown in Graph 12.

GRAF 12 ▶ **JUMLAH BAYARAN FAEDAH PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT 2014 – 2018**

GRAPH 12 ▶ **TOTAL PAYMENT FOR INVALIDITY PENSION AND GRANT 2014 – 2018**



PENCEN PENAKAT
SURVIVORS' PENSION



284,885 Penerima (2017: 268,540 Penerima)
Meningkat 6.09%

284,885 Recipients (2017: 268,540 Recipients),
An Increased of 6.09%

Bilangan terkumpul penerima Pencen Penakat sehingga akhir tahun 2018 adalah seramai 284,885 penerima berbanding 268,540 penerima pada 2017 seperti ditunjukkan di Carta 14. Pada 2018, terdapat sebanyak 14,674 kes baru, meningkat sebanyak 3.92% berbanding 14,120 kes pada 2017. Daripada bilangan kes baru tersebut, sebanyak 7,601 atau 51.80% mendapat bayaran Pencen Penakat berjumlah RM1,000 dan ke bawah sebulan, manakala 7,073 kes atau 48.20% mendapat bayaran melebihi RM1,000 sebulan (Jadual 23 dan 24).

By the end of 2018, the cumulative number of Survivors' Pension recipients stood at 284,891 recipients, compared to 268,540 recipients in 2017 as shown in Chart 14. In 2018, there were 14,674 new cases, an increase of 3.92%, compared to 14,120 cases in 2017. Of these new cases, a total of 7,601 or 51.80% received a monthly Survivors' Pension of RM1,000 and below, while 7,073 cases or 48.20% received a monthly pension of more than RM1,000. (Table 23 and 24: Statistics Report)

CARTA 14 ▶ PENCEN PENAKAT 2014 – 2018

CHART 14 ▶ SURVIVORS' PENSION 2014 – 2018



BAYARAN PENCEN PENAKAT
PAYMENT FOR SURVIVORS' PENSION



RM1,347.82 Juta (2017: RM1,186.00 Juta)
Meningkat 13.64%

RM1,347.82 Million (2017: RM1,186.00 Million),
An Increased by 13.64%

Jumlah pembayaran untuk Pencen Penakat pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak RM161.82 juta atau 13.64% kepada RM1,347.82 juta berbanding RM1,186.00 juta pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Graf 13.

The total payment for Survivors' Pension in 2018 increased by RM161.82 million or 13.64% to RM1,347.82 million in comparison to RM1,186.00 million in the previous year as shown in Graph 13.

GRAF 13 ▶ JUMLAH BAYARAN PENCEN PENAKAT 2014 – 2018

GRAPH 13 ▶ TOTAL PAYMENT FOR SURVIVORS' PENSION 2014 – 2018



ELAUN LAYANAN SENTIASA
CONSTANT – ATTENDANCE ALLOWANCE



7,634 Penerima (2017: 7,326 Penerima)
Meningkat 4.20%

7,634 Recipients (2017: 7,326 Recipients),
An Increased of 4.20%

Jumlah terkumpul penerima Elaun Layanan Sentiasa sehingga akhir tahun 2018 adalah seramai 7,634 orang berbanding 7,326 orang pada 2017 seperti ditunjukkan di Carta 15. Bilangan penerima baru tahun 2018 seramai 735 orang berbanding 791 penerima pada 2017 (Jadual 25: Laporan Statistik).

By the end of 2018, the cumulative number of recipients for Constant-attendance Allowance was 7,634 persons compared to 7,326 persons in 2017 as shown in chart 15. The number of new recipients in 2018 was 735 persons compared with 791 recipients in 2017 (Table 25: Statics Report).

CARTA 15 ▶ BILANGAN PENERIMA ELAUN LAYANAN SENTIASA 2014 – 2018

CHART 15 ▶ NUMBER OF CONSTANT-ATTENDANCE ALLOWANCE RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN ELAUN LAYANAN SENTIASA
PAYMENT FOR CONSTANT-ATTENDANCE ALLOWANCE



RM46.20 Juta (2017: RM43.87 Juta)
Meningkat 5.31%

RM46.20 Million (2017: RM43.87 Million),
An Increased of 5.31%

Jumlah pembayaran Elaun Layanan Sentiasa meningkat sebanyak RM2.33 juta atau 5.31% kepada RM46.20 juta pada tahun 2018 berbanding RM43.87 juta pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Graf 14.

The total payment for Constant-attendance Allowance increased by RM2.33 million or 5.31% to RM46.20 million in 2018 in comparison to RM43.87 million in the previous year as shown in Graph 14.

GRAF 14 ▶ JUMLAH BAYARAN ELAUN LAYANAN SENTIASA 2014 – 2018

GRAPH 14 ▶ TOTAL PAYMENT FOR CONSTANT-ATTENDANCE ALLOWANCE 2014 – 2018



FAEDAH PENGURUSAN MAYAT
FUNERAL BENEFIT RECIPIENTS



18,659 Penerima (2017: 17,556 Penerima)
Meningkat 6.28%

18,659 Recipients (2017: 17,556 Recipients),
An Increased of 6.28%

Bagi tahun 2018, seramai 18,659 penerima telah menerima Faedah Pengurusan Mayat berbanding 17,556 penerima pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Carta 16.

In 2018, a total of 18,659 recipients received Funeral Benefit compared with 17,556 recipients in the previous year as shown in Chart 16.

CARTA 16 ▶ BILANGAN PENERIMA FAEDAH PENGURUSAN MAYAT 2014 – 2018

CHART 16 ▶ NUMBER OF FUNERAL BENEFIT RECIPIENTS 2014 – 2018



BAYARAN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT
PAYMENT FOR FUNERAL BENEFIT RECIPIENTS



RM34.06 Juta (2017: RM33.82 Juta)
Meningkat 0.71%

RM34.06 Million (2017: RM33.82 Million),
An Increased of 0.71%

Pada tahun 2018, jumlah pembayaran Faedah Pengurusan Mayat adalah berjumlah RM34.06 juta. Amaun ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.24 juta atau 0.71% berbanding RM33.82 juta pada tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di Graf 15.

In 2018, the total payment for Funeral Benefit amounted to RM34.06 million. This amount shows an increase of RM0.24 million or 0.71% in comparison to RM33.82 million in the previous year as shown in Graph 15.

GRAF 15 ▶ JUMLAH BAYARAN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT 2014 – 2018

GRAPH 15 ▶ TOTAL PAYMENT FOR FUNERAL BENEFIT 2014 – 2018



KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI ATAU VOKASIONAL

Kemudahan pemulihan jasmani merangkumi aktiviti-aktiviti rawatan lanjut kepada Orang Berinsurans seperti rawatan implant, pembekalan alat-alat ortotik dan prostetik seperti pembekalan kaki palsu, tangan palsu, mata palsu, gigi palsu, kerusi roda, *commode,* tongkat dan lain-lain. Bagi Orang Berinsurans yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan, mereka ditawarkan untuk mengikuti latihan vokasional seperti kursus jahitan, komputer dan lain-lain bagi membolehkan mereka kembali semula ke pekerjaan asal atau mendapatkan kemahiran atau pekerjaan baru.

Pada tahun 2018, PERKESO telah membekalkan alat-alat bekalan pemulihan berdasarkan kes baru dan ulangan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 9,359 kes. Pecahan adalah seperti berikut:

FACILITIES FOR PHYSICAL OR VOCATIONAL REHABILITATION

The SOCSO physical or vocational rehabilitation facilities involve further treatment for Insured Persons including the provision of implants as well as orthotic and prosthetics equipment such as artificial legs, hands, eyes, dentures, walking aids, commodes and etc. Eligible Insured Persons are offered vocational training such as sewing classes, computer courses and etc. in order to enable them to return to their original jobs or to learn new skills or obtain new jobs.

In 2018, SOCSO has provided 9,359 rehab devices which include new and repetition cases. The details are as below:

Bekalan mengikut kategori berdasarkan jenis kes
Total devices provided according to category and type of cases

BEKALAN ITEM	JUMLAH TOTAL
Ortotik / Orthotic	6,591
Prostetik / Prosthetics	2,768
Jumlah / Total	**9,359**

Pembekalan alat-alat pemulihan adalah secara atas talian melalui Sistem INSPIRE. Sistem ini digunakan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di seluruh pejabat PERKESO untuk pembekalan yang segera kepada Orang Berinsurans PERKESO. Antara pengguna sistem dan juga mereka yang bertanggungjawab dalam pengurusan hilang upaya orang berinsurans adalah Unit Pemulihan, *Return To Work*, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan termasuk pihak pembekal peralatan.

Supply of medical aids is done via online INSPIRE system. This system is used by all parties directly or indirectly involved in SOCSO's office to provide immediate supply to SOCSO Insurers Person. Among the users of the system as well as those responsible for the management of disability insurers are Rehabilitation Unit, Return To Work, Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre and include services provider.

KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS

PERKESO menyediakan kemudahan dialisis kepada Orang Berinsurans yang layak dan mengidap end *stage renal failure*. Kemudahan ini diberikan secara subsidi di pusat dialisis panel PERKESO yang dilantik. Rawatan dialisis juga boleh diperolehi di pusat dialisis bukan panel PERKESO dan hospital kerajaan, swasta atau luar negara tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pada akhir 2018, bilangan terkumpul Orang Berinsurans yang disediakan kemudahan bantuan dialisis adalah seramai 18,516 orang berbanding 16,321 orang pada 2017 iaitu peningkatan sebanyak 13.45% berbanding tahun 2017. Carta 17 menunjukkan jumlah Orang Berinsurans yang menjalani rawatan dialisis dari tahun 2014 hingga 2018.

DIALYSIS TREATMENT FACILITIES

Program *Return To Work (RTW)* merupakan program kemudahan pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Program *Return To Work (RTW)* telah diperkenalkan oleh PERKESO pada 15 Januari 2007. Program ini merupakan program pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilangupaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat.

Program berteraskan konsep early intervention dan menggunapakai pendekatan biopsikososial iaitu merangkumi aspek biologi, psikologi dan sosiologi dan pendekatan pelbagai kaedah dan disiplin di mana penyediaan perkhidmatan pemulihan yang komprehensif adalah merupakan faktor penting dan utama yang menyumbang dalam proses mempercepatkan proses pemulihan Orang Berinsurans supaya dapat kembali semula dengan cepat dalam keadaan sihat dan selamat.

Pada tahun 2018, seramai 3,829 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan berbanding seramai 2,658 orang pada tahun 2017. Sejak program ini dilancarkan, seramai 21,966 peserta telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

RETURN TO WORK PROGRAMME

The Return To Work Programme was launched by SOCSO on the 15th of January 2007. This programme is a physical rehabilitation programme designed for Insured Persons with disabilities arising out of injuries or illnesses to restore their physical and mental capacity as well as facilitate them towards a safe and fast return to work. The Return To Work Programme is implemented through systematic case management where each case that is eligible and motivated is managed by a Case Manager who acts as a coordinator between the Insured Persons, treating doctor, employer, rehabilitation provider and other parties involved to ensure that barriers and challenges pertaining to employment is addressed in the best manner.

This programme is implemented on the concept of early intervention using a biopsychosocial approach where it comprises of the biological, psychological and social aspects using a multidisciplinary approach where comprehensive rehabilitation which is a the main factor in reducing the disability duration is emphasized in order to enable the Insured Person to return to work in a safe and fast manner.

In 2018, a total of 3,829 Insured Persons who participated in this Programme were successfully rehabilitated as compare 2,658 persons in 2007. Since the programme was launched, a total of 21,966 Insured Persons have successfully been rehabilitated and returned to work.

CERTIFIED DISABILITY MANAGEMENT PROFESSIONAL (CDMP)

Penggunaan dwi bahasa iaitu bahasa melayu dan bahasa inggeris masih digunakan dalam peperiksaan *Certified Disability Management Professional (CDMP)* pada tahun 2018. Ia merupakan tahun kedua Peperiksaan *Certified Disability Management Professional (CDMP)* dijalankan dalam dwi Bahasa. Usahasama dengan *Social Wellbeing Research Centre (SWRC)*, Universiti Malaya dalam terjemahan modul dan soalan ke dalam bahasa melayu sejak 2016 masih lagi diteruskan sehingga menarik minat ramai anggota PERKESO seluruh Malaysia untuk menduduki peperiksaan ini.

Kursus CDMP yang telah dijalankan bagi 3 siri dalam tempoh tiga bulan berturut-turut di Wisma PERKESO Kuala Lumpur telah dihadiri seramai 49 calon. Setelah menjalani kursus persediaan yang intensif, akhirnya seramai 27 calon telah lulus dengan jayanya dalam peperiksaan tersebut dan telah dipersijilkan dengan kelayakan professional.

Di Malaysia, kini terdapat 105 orang yang dipersijilkan dan majoritinya terdiri daripada anggota PERKESO. Inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun ini di mana PERKESO telah membuka penyertaan kepada negara jiran. Contohnya seperti Badan Penyelenggara Jaminan Sosial (BPJS) Ketenagakerjaan dari Indonesia bakal menghantar wakil untuk menduduki peperiksaan pada tahun 2019.

CERTIFIED DISABILITY MANAGEMENT PROFESSIONAL (CDMP)

Dual language, that is, Bahasa Melayu and the English Language, is still used in the Certified Disability Management Professional (CDMP) examination in 2018. This is the second year that the examination is conducted in two languages. The collaboration with the Social Wellbeing Research Centre (SWRC), University of Malaya in translating the module and questions into Bahasa Melayu which has been done since 2016 is still continued. Having the examination in two languages has attracted more SOCSO staff nationwide to sit for this examination.

The three series of CDMP course held within a period of three consecutive months at Wisma PERKESO in Kuala Lumpur were attended by 49 candidates. After undergoing an intensive preparatory course, 27 candidates successfully passed the said examination and were awarded professional qualification.

Currently in Malaysia there are 105 certified persons, the majority of which consists of SOCSO staff. This initiative will be continued this year with SOCSO opening the programme to participants from neighbouring countries. Bodies such as the *Badan Penyelenggara Jaminan Sosial* (BPJS) *Ketenagakerjaan* of Indonesia will be sending their representatives to sit for the examination in 2019.

JALINAN KERJASAMA DENGAN MAJIKAN

Program ini bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama dengan majikan dalam menggajikan Orang Berinsurans. Pendekatan yang digunakan adalah dengan bersemuka bersama majikan serta penyampaian taklimat. Jalinan kerjasama telah berjaya dibina bersama dengan 258 majikan yang terdiri daripada majikan langsung, agensi kerajaan, agensi pekerjaan swasta serta persatuan-persatuan industri sepanjang tahun 2018.

NETWORK OF COOPERATION WITH EMPLOYERS

This programme was carried out with the purpose of creating a network of cooperation with employers in employing Insured Persons. The approach taken was to come face-to-face with employers as well as having briefings with them. A network of cooperation was built with 258 employers comprising direct employers, government agencies, private employment agencies as well as industry associations throughout 2018.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

PROGRAM TEMUDUGA TERBUKA

Program Temuduga Terbuka adalah suatu inisiatif PERKESO membantu pihak majikan selaku pencarum untuk mendapatkan calon-calon pekerja yang bersesuaian. Program bertujuan membantu Orang Berinsurans dan juga orang awam yang sedang mencari pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan. Penganjuran Program Temuduga Terbuka anjuran Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Pejabat SIP sebelum ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan berdasarkan bilangan kehadiran pencari kerja yang ramai. Berdasarkan statistik yang diperoleh, sebanyak 82 temuduga terbuka telah diadakan di seluruh negeri di Malaysia. Manakala hasil temuduga terbuka tersebut, seramai 227 orang yang menyertainya telah kembali bekerja. Majikan-majikan memberi maklumbalas positif dan berharap PERKESO dapat meneruskan program ini di masa-masa akan datang.

OPEN INTERVIEW PROGRAMME

The Open Interview Programme is an initiative by SOCSO to help employers as contributors to find suitable candidates for employment. This programme is intended to help Insured Persons as well as the public, who are seeking employment. The programme organised by the Employment Services Division, EIS Office was previously very well-received based on the large number of candidates for employment. Based on the statistics collected, 82 open interviews were held throughout Malaysia. As a result of the programme, 227 participants have returned work. The employers involved had given positive feedback and had expressed their hopes that SOCSO continues this programme in the future.

PROGRAM *RETURN TO WORK COORDINATOR (RTWC)*

Program *Return To Work Coordinator* kepada majikan-majikan di Malaysia diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada majikan mengenai Pengurusan Hilang Upaya. Pendedahan kepada majikan melaksanakan Program Pengurusan Hilang Upaya yang berkesan sekiranya pekerja mereka ditimpa kemalangan atau mengidap penyakit yang mendorong kepada pengambilan cuti sakit berulang dan berpanjangan.

Matlamat kursus ini adalah untuk mengurangkan kesan ketidakupayaan kepada pekerja-pekerja supaya dapat kembali bekerja dengan cepat dan selamat. Sasaran kumpulan adalah Ketua Jabatan, Pengurus dan Eksekutif di Bahagian Sumber Manusia dan juga *Safety and Health Officer*. Program *Return To Work Coordinator* telah diperkenalkan pada tahun 2016 dan setiap tahun program ini akan dilaksanakan dalam 3 siri di lokasi-lokasi yang berlainan. Sepanjang Program *Return To Work Coordinator* diperkenalkan PERKESO telah memberikan latihan intensif kepada 270 majikan yang berpotensi.

Program RTWC telah dijalankan sebanyak 3 siri iaitu di Melaka, Sabah dan Kuala Lumpur. Program RTWC di Melaka pada 6 hingga 8 Ogos 2018 di Hotel Mudzaffar telah dihadiri oleh 23 orang peserta daripada 19 majikan. Manakala di Kota Kinabalu pada 18 hingga 20 September 2018 telah dihadiri oleh 17 orang peserta daripada 10 majikan. Program pada 9 hingga 11 Oktober 2018 di Hotel Vistana, Kuala Lumpur melibatkan seramai 17 orang peserta daripada 12 majikan.

RETURN TO WORK COORDINATOR (RTWC) PROGRAMME

The Return To Work Coordinator Programme was implemented for employers in Malaysia with a view to exposing them to Disability Management. The programme is to help employers implement effective Disability Management in the event their workers are involved in an accident or contract illnesses that lead to repeated and extended medical leave.

The course is held with the intention of reducing the effects of such disability to workers so that they can return to work quickly and safely. The target groups consisted of Heads of Departments, Managers and Executives in the Human Resource Division as well as Safety and Health Officers. This programme was first introduced in 2016 and each year it is held in three series at various locations. Since its inception, SOCSO has provided intensive training to 270 employers with potential.

Three series of the RTWC programme were held Malacca, Sabah and Kuala Lumpur. The RTWC programme in Malacca which was held from 6th to 8th August 2018 at Mudzaffar Hotel was attended by 23 participants from 19 employers. The programme in Kota Kinabalu on 18th to 20th September was attended by 17 participants from 10 employers whereas the programme held from 9th to 11th October 2018 at Vistana Hotel Kuala Lumpur involved 17 participants from 12 employers.

PROGRAM BANGKIT PERKESO

Program Bangkit PERKESO mengisahkan kejayaan peserta Program *Return To Work* selepas insiden kemalangan dan penyakit. Sehingga November tahun 2018, seramai 21,858 peserta program RTW telah berjaya dipulihkan dan kembali bekerja melalui pengurusan kes yang efektif. Peserta yang dibantu itu telah membuktikan bahawa mereka masih berupaya, kompetitif dan mampu menyumbang sesuatu kepada keluarga dan masyarakat.

Program motivasi itu memaparkan cerita 13 episod di mana hos membuat lawatan ke kediaman peserta program RTW untuk bertemu keluarga peserta, menemubual majikan, Pengurus Kes dan juga Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed.

Program ini sedikit sebanyak telah memudahkan penonton memahami lebih dekat program RTW yang dijalankan. Selain itu, lakon semula kejadian kemalangan yang menimpa 13 peserta berkenaan turut dipaparkan bagi memberi lebih kefahaman atas apa yang telah menimpa mereka. Program tersebut telah ditayangkan bermula 21 Disember 2018 di saluran Astro Ria pada jam 9.00 malam.

"BANGKIT PERKESO" PROGRAMME

The *"Bangkit PERKESO"* programme tells the success stories of the Return To Work participants after accidents and illnesses. As at November 2018, a total of 21,858 RTW programme participants were successfully rehabilitated and returned to gainful employment through effective case management. The participants showed that they were still capable, competitive and able to contribute to their families and communities.

The motivational programme comprised 13 episodes where the host visited the homes of RTW programme participants to meet their families. Interviews were also conducted with employers, Case Managers as well as the Chief Executive of SOCSO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed.

The programme, in a way, enabled viewers to better understand the RTW programme carried out. In addition, the accidents involving the relevant 13 participants were re-enacted to give better understanding of what had befallen them. The programme was aired beginning from 21st December 2018 on Astro Ria at 9.00 p.m.

Others (UEE Activities)

Disability & Equality Training

- HQ SIP (20.07.18)
- PPN Selangor (24.07.18)
- PPN Pulau Pinang (18.09.18)
- PPN Kedah (19.09.18)
- PPN Pulau Pinang (21.09.18)

PROGRAM DISABILITY EQUALITY TRAINING (DET)

Program *'Disability Equality Training (DET)'* diadakan oleh PERKESO untuk mewujudkan kesedaran kepada majikan mengenai *'Disability Equality'* dengan objektif mewujudkan tenaga kerja yang lebih inklusif dan seragam. *DET* ialah pendidikan ketidakupayaan yang memudahkan para peserta mempelajari sebab dan mekanisme yang menyebabkan ketidakupayaan tersebut iaitu (pengecualian sosial, pembatasan penyertaan dan diskriminasi) yang juga menjadi agen perubahan untuk mewujudkan masyarakat yang inklusif dan proaktif.

Program ini menggunakan kaedah *Facilitated Participatory Learning (FPL)* yang membolehkan peserta mendalami dan memahami subjek dengan cara yang terbaik. Antara kandungan yang diliputi dalam program ini ialah Melumpuhkan Halangan, Membolehkan Penyelesaian, Perbandingan antara Model Sosial dan Model Individu serta Menganalisa Halangan Sosial.

Sepanjang bulan Julai hingga September 2018, PERKESO telah menganjurkan Bengkel *'Disability & Equality Training: Towards Inclusion and Diversity'* bertempat di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah. Penganjuran bengkel untuk memberi pendedahan kepada majikan mengenai ketidakupayaan yang dialami oleh pekerja yang disebabkan oleh kecederaan atau penyakit dan bagaimana majikan dapat membantu dalam mengatasi masalah ketidakhadiran pekerja akibat kecederaan atau penyakit. Maklumbalas dan sambutan yang diberikan oleh pihak majikan daripada bengkel yang diadakan amat menggalakan.

DISABILITY EQUALITY TRAINING (DET) PROGRAMME

The Disability Equality Training (DET) programme was held by SOCSO raise awareness among employers of 'Disability Equality' with the objective of producing a workforce that is more inclusive and standardised. DET is disability education that facilitates participants in learning and cause and mechanisms causing such disability, namely, social exclusion, participation restriction and discrimination, thus becoming a change agent in creating a society that is inclusive and proactive.

This programme adopts the Facilitated Participatory Learning (FPL) method enabling participants to understand the subject in-depth, in the best manner. Among the contents covered include Disabling Obstruction, Facilitating Resolution, Comparison between Social Model and Individual Model, as well as Analysing Social Obstruction.

Throughout the months of July to September 2018, SOCSO held the 'Disability & Equality Training: Towards Inclusion and Diversity' workshops in Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang and Kedah. The workshops were organised to expose employers to the disability experienced by workers resulting from injuries or illnesses and the ways in which an employer can help overcome the problem of worker absence due to injury or illness. The feedback and response given by the employers resultin from the workshops held was very encouraging.

PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK

Sejak beroperasi pada tahun 2014 sehingga 2018, seramai 3,412 orang pekerja telah menerima rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan lebih daripada 2,000 orang telah berjaya kembali bekerja.

Pekerja yang berjaya dipulihkan dan kembali bekerja ini bukan sahaja dapat menjana pendapatan untuk diri sendiri dan keluarga, malahan dapat menyumbang kembali kepada produktiviti dan ekonomi negara. Kejayaan ini merupakan satu pencapaian yang sungguh membanggakan buat PERKESO dalam memberi perlindungan terbaik kepada semua pencarum.

Reka bentuk bangunan salutogenik serta perkhidmatan rehabilitasi fizikal dan vokasional yang komprehensif di bawah satu bumbung menjadikan Pusat Rehabilitasi ini sangat unik dan mendapat pelbagai pengiktirafan antrabangsa seperti *FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2018 - World Gold Winner (Purpose Built Category).*

Demi meningkatkan kualiti perkhidmatan rehabilitasi dan mengoptimumkan pemulihan pesakit, latihan yang berterusan bagi pasukan multidisiplin sentiasa diadakan seperti kursus *"Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax)"* dan *Bobath*. Peralatan berteknologi tinggi dan terkini seperti peralatan *neurorobotik Cyberdyne Hybrid Assistive Limb (HAL) Robot Suit* dari Jepun turut dibawa masuk dan disediakan bagi rawatan pesakit. Sudah pasti dengan kesemua kejayaan ini, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah meletakkan penanda aras baharu dalam perkhidmatan rehabilitasi di Malaysia serta rantau Asia. Ramai delegasi dari dalam dan luar negara datang melawat Pusat ini untuk berkongsi ilmu serta kepakaran.

TUN ABDUL RAZAK SOCSO REHABILITATION CENTRE

Since Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre (TRRC) began its operations in 2014 until 2018, a total of 3,412 workers have received rehabilitation treatment at the centre and more than 2,000 people have successfully returned to work.

Workers who have recovered and returned to work will not only generate income for themselves and their families but also able to contribute to the country's productivity and economy. This success is a great achievement for SOCSO in providing the best protection to all contributors.

The Center has won various international recognition such as FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2018 - World Gold Winner (Purpose Built Category) for its unique salutogenic building design and comprehensive physical and vocational rehabilitation services offered under one roof.

In order to improve the quality of rehabilitation services and optimise patient rehabilitation, continuous training for the multidisciplinary team was conducted such as the "Diploma in Modern Orthopedic Medicine (Cyriax)" and Bobath courses. High-tech and state-of-the-art equipment such as Cyberdyne Hybrid Assistive Limb (HAL) Robot Suit from Japan are also available and provided for patient treatment. Hence, with all these achievements, TRRC has placed a new benchmark in rehabilitation services for Malaysia and the Asian region. Many delegates from within and outside the country visit the Center to share knowledge and expertise in the field.

PUSAT REHABILITASI PERKESO MENERIMA PENGIKTIRAFAN

Fiabci World Prix D'excellence Awards 2018 - World Gold Winner
(Purpose Built Category)

Satu anugerah yang berprestij untuk reka bentuk bangunan salutogenik, inklusif, konsep bangunan hijau, sejagat, dan biopsikososial yang bertaraf antarabangsa dalam menawarkan perkhidmatan rehabilitasi komprehensif di bawah satu bumbung. Majlis penganugerahan ini telah diadakan di Dubai pada 1 Mei 2018.

RECOGNITION FOR SOCSO REHABILITATION CENTRE

Fiabci World Prix D'excellence Awards 2018 - World Gold Winner
(Purpose Built Category)

A prestigious award for the salutogenic, inclusive, green, universal, and biopsychosocial building designs of international standards in offering comprehensive rehabilitation services under one roof. The award ceremony was held in Dubai on 1st May 2018.

WORLD CLASS FACILITY WITH WORLD CLASS PEOPLE!

Satu lagi pencapaian bersejarah buat Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR) apabila berjaya memenangi dua anugerah *AIA Vitality*, iaitu *Malaysia's Healthiest Employer (Winner) & Healthiest Workplace (Highly Commended)* pada 26 November 2018 untuk amalan budaya kerja yang positif dan sihat dalam memberikan perkhidmatan yang bertaraf antarabangsa.

WORLD CLASS FACILITY WITH WORLD CLASS PEOPLE!

Another historic achievement for Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre (TRRC) when it won two AIA Vitality Awards, Malaysia's Healthiest Employer (Winner) & Healthiest Workplace (Highly Commended) on 26th November 2018, for a positive and healthy work culture in providing world class services.

MELESTARIKAN KECEMERLANGAN PUSAT REHABILITASI PERKESO

Kursus *Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax)*

Lanjutan Kursus *"Diploma in Modern Orthopaedic Medicine (Cyriax)"* anjuran bersama antara *The European Teaching Group of Orthopaedic Medicine (ETGOM)* dengan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak telah diadakan dari 1 - 7 Mei 2018. Peserta dapat mempelajari dengan lebih mendalam tentang teknik *Cyriax* untuk merawat pesakit yang mengalami masalah *Musculoskeletal (MSD)*.

CONTINUING THE SUCCESS OF THE SOCSO REHABILITATION CENTRE

Diploma in Modern Orthopedic Medicine (Cyriax) Course

Advanced Course "Diploma in Modern Orthopedic Medicine (Cyriax)" was held from 1st to 7th May 2018 at Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Center (TRRC). The course was jointly organised by The European Teaching Group of Orthopedic Medicine (ETGOM) and TRRC. Participants gained knowledge of the Cyriax techniques to treat patients with Musculoskeletal (MSD) problems.

KURSUS "CERTIFIED BASIC BOBATH" PERTAMA DI MALAYSIA

Kursus yang julung kali ini telah diadakan pada 2 - 20 April 2018. Perserta berpeluang mempelajari teknik *Bobath* dalam rehabiltasi neurologi untuk meningkatkan tahap rawatan kepada pesakit yang mempunyai masalah neurologi.

THE FIRST CERTIFIED BASIC BOBATH COURSE IN MALAYSIA

This first-ever course was held on 2nd to 20th April 2018. The participants had the opportunity to learn Bobath's technique to treat patients with neurological problems. With this new skill, the quality of service to SOCSO's insured persons can be improved.

PERALATAN *CYBERDYNE HYBRID ASSISTIVE LIMB (HAL) ROBOT SUIT*

Seminar Peralatan *Cyberdyne Hybrid Assistive Limb (HAL) Robot Suit* yang dihasilkan oleh Cyberdyne Inc., Jepun telah diadakan pada 19 September 2018. Tujuan seminar ini adalah untuk memperkenalkan penggunaan *HAL Robot Suit*, iaitu peralatan teknologi neurorobotik jenis cyborg yang pertama di dunia untuk membantu pesakit yang mengalami kelumpuhan atau kelemahan anggota kaki akibat kecederaan saraf atau otak agar dapat berjalan semula.

CYBERDYNE HYBRID ASSISTIVE LIMB (HAL) EQUIPMENT ROBOT SUIT

A Cyberdyne Hybrid Assistive Limb (HAL) Equipment Robot Suit Seminar was held on 19th September 2018 at TRRC by representatives from Cyberdyne Inc. Japan. The objective of the seminar is to introduce the use of HAL Robot Suit, the world's first cyborg neurorobotic technology equipment that can help patients with paralysis or weakness of limbs due to nerves or brain injuries to move again.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) SIGNING CEREMONY BETWEEN SOCSO AND FUJITSU (M) SDN. BHD.

A Memorandum of Understanding (MoU) Signing Ceremony between SOCSO and Fujitsu (M) Sdn. Bhd. was held on 2nd July 2018. This MoU involved cooperation in the field of Digital Co-Creation, Artificial Intelligence (AI), the Internet of Things (IoT), and Cloud and Security to transform Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre (TRRC) into a modern and digitalised operating center and to improve the daily operation system and the quality of services.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA PERKESO DENGAN FUJITSU (M) SDN. BHD.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman *(MoU)* antara PERKESO dengan Fujitsu (M) Sdn. Bhd. telah diadakan di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 2 Julai 2018. *MoU* ini melibatkan kerjasama dalam bidang *Digital Co-Creation, Artificial Intelligence* (AI), *the Internet of Things (IoT)*, dan *Cloud and Security* untuk membangunkan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak sebagai sebuah pusat operasi yang moden dan berdigital, menambahbaikkan sistem operasi harian dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

SUKAN INTEGRASI REHAB 2018

Program sukan integrasi Rehab telah diadakan sepanjang bulan November 2018 yang melibatkan penyertaan bersama antara anggota dan Orang Berinsurans. Pelbagai jenis sukan telah dipertandingkan seperti bowling, badminton, bola tampar, karom dan dart. Aktiviti sukan ini dilihat sebagai medium penyatuan antara anggota dan Orang Berinsurans di samping memupuk aktiviti kesukanan dan gaya hidup sihat.

REHAB SPORTS INTEGRATION

The Rehab Sports Integration programme was held throughout the month of November 2018 involving participation from the staff and insured persons. Various sports activities were competed such as bowling, badminton, volleyball, carom and darts. The programme was able to promote social integration between staff and the insured persons as well as cultivating sports activities and a healthy lifestyle.

PROMOSI KESIHATAN

Pada tahun 2018, sejumlah 22,276 orang pencarum PERKESO dilaporkan mengalami keilatan atau meninggal dunia disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit / *Non Communicable Diseases (NCD)*; dengan purata 61 kes dilaporkan kepada PERKESO setiap hari. Tuntutan bagi pencen ilat dan pencen penakat yang disebabkan oleh *NCD* terus meningkat saban tahun. Dalam tempoh antara tahun 2010 hingga tahun 2018, kes yang dilaporkan untuk pencen ilat dan pencen penakat akibat *NCD* telah meningkat lebih daripada 50%.

HEALTH PROMOTION

In 2018, a total of 22,276 SOCSO contributors were reported to have experience invalidity or have passed away due to Non Communicable Diseases (NCD), with an average of 61 cases reported to SOCSO each day. Claims for invalidity pension and survivors' pension caused by NCD continued to increase each year. In the period between 2010 and 2018, the cases reported for invalidity pension and survivors' pension due to NCD increased by more than 50%.

BAUCAR PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN *(HSP)*

Seramai 541,855 orang pekerja telah menjalani pemeriksaan kesihatan sehingga 31 Disember 2018 dan daripada jumlah tersebut, 134,054 orang wanita telah menjalani pemeriksaan mamogram. Pemeriksaan kesihatan ini melibatkan perbelanjaan sejumlah RM3 juta bagi tahun 2018.

Hasil daripada program ini mendapati sebanyak 69% pencarum PERKESO tidak pernah menjalani pemeriksaan kesihatan. Angka ini menunjukkan tahap kesedaran golongan pekerja berkenaan penjagaan kesihatan masih di tahap yang rendah. Selain itu, analisa mendapati 73% daripada pencarum mempunyai masalah berat badan. 9% menghidapi kencing manis, 27% menghidapi tekanan darah tinggi dan 62% mempunyai kadar kolesterol tinggi.

Pada tahun 2018, sebanyak 390 program telah dijalankan di Pejabat PERKESO dan seramai 7,887 orang pekerja telah mengambil peluang menjalani pemeriksaan kesihatan melalui program ini. Memandangkan penggunaan baucar *HSP* yang masih rendah dan bagi menggalakkan lebih ramai pekerja untuk tampil menjalani pemeriksaan kesihatan, PERKESO telah melanjutkan tempoh sah penggunaan baucar yang diedarkan daripada tahun 2013 hingga 2018 kepada tahun 2019.

HEALTH SCREENING PROGRAMME (HSP) VOUCHER

A total of 541,855 workers have undergone health screening as at 31st December 2018 and of the total, 134,054 women underwent mammograms. This health screening programme involved an expenditure amounting to RM3 million in the year 2018.

As a result of this programme, it was found that 69% of SOCSO contributors had never undergone health screening. This number showed a low level of awareness among workers concerning healthcare. In addition, analysis found that 73% of contributors had weight problems. 9% suffer from diabetes whilst 27% suffer from high blood pressure. 62% of contributors have high cholesterol levels.

IN 2018, 390 programmes were carried out at SOCSO office and 7,887 workers took the opportunity to undergo health screening under this scheme. In view of the low level of HSP voucher utilisation and to encourage more workers to undergo health checks, SOCSO extended the validity period of the vouchers distributed from 2013 to 2018, up to 2019.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

Program WHP oleh NIOSH di City Facilities Management
WHP Programme by NIOSH at the City Facilities Management

WORKPLACE HEALTH PROMOTION PROGRAM (WHP)

PERKESO telah bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi menjalankan program ini di premis-premis majikan. Antara agensi yang terlibat adalah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Program KOSPEN Plus, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara / *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* dan *Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH)*. Sejak diperkenalkan, PERKESO telah berjaya menjalankan Program WHP di 50 majikan di sekitar Lembah Klang.

WORKPLACE HEALTH PROMOTION PROGRAMME (WHP)

SOCSO, with the cooperation of various agencies, conducted this programme on the premises of employers. Among the agencies involved include the Ministry of Health Malaysia, through the KOSPEN Plus Programme, National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) and Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH). Since introduction, SOCSO had successfully conducted the Workplace Health Programme (WHP) with 50 employers around the Klang Valley.

SISTEM *VOUCHERLESS HSP*

Bagi memberikan kemudahan kepada pekerja untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, PERKESO telah menambah baik program ini dengan memperkenalkan Sistem *Voucherless HSP*. Sistem ini telah mula diperkenalkan pada bulan September 2018 dengan mengguna pakai perkhidmatan pesanan ringkas *(SMS)*. Pekerja tidak lagi perlu menggunakan baucar secara fizikal, mereka hanya perlu mendapatkan nombor baucar melalui SMS dan terus hadir ke klinik untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

HSP VOUCHERLESS SYSTEM

In order to facilitate workers undergoing health screenings, SOCSO has improved the programme by introducing the HSP Voucherless System. The system, using short messageing service (SMS), was first introduced in September 2018. Workers no longer need to use physical vouchers. Instead, they only need to obtain voucher numbers via SMS and present themselves at the clinic to undergo health screening.

PROGRAM SOKONGAN KESELAMATAN PERJALANAN

PERKESO telah berkerjasama dengan *MIROS (Malaysian Institute of Road Safety Research)* dalam membangunkan *Commuting Safety Support Program (CSSP)* berdasarkan garis panduan SIRIM Standard 2014 *"Good Practices in Implementing Commuting Safety Management"* untuk membantu industri melaksanakan program pencegahan kemalangan perjalanan menerusi majikan kepada semua pekerja. Program *CSSP* juga merupakan Inisiatif Transformasi KSM Tahun 2018 bagi mempromosikan kesejahteraan pekerja *(Wellbeing of the Employees)* dan juga memupuk budaya *Good commuting safety Management* kepada pihak majikan.

Program ini dilaksanakan melalui tiga fasa. Fasa pertama adalah *Train The Trainer*, kedua program intervensi dan ketiga adalah penilaian program. Program ini mensasarkan kepada golongan pekerja yang berulang alik ke tempat kerja menggunakan motosikal. Melalui Program *CSSP* ini, telah melatih seramai 1,723 fasilitor dan 2,249 pekerja menerusi 95 majikan seluruh negara.

COMMUTING SAFETY SUPPORT PROGRAMME

SOCSO collaborated with the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) in developing the Commuting Safety Support Programme (CSSP) based on the SIRIM Standard 2014 guidelines "Good Practices in Implementing Commuting Safety Management", to help the industry in implementing commuting accident prevention programmes through employers to all workers. The CSSP programme is a Transformation Initiative for the Ministry of Human Resources in 2018, to promote the wellbeing of employees as well as to enculturate good commuting Safety Management among employers.

This programme was implemented in three phases. The first phase was the Train the Trainer programme whilst the second phase was an intervention programme. The third phase was evaluation. This programme targeted workers who commute to the workplace by motorcycle. Through this CSSP programme, 1,723 facilitators and 2,249 workers through 95 employers nationwide were trained.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

KEMPEN PERJALANAN SELAMAT KE TEMPAT KERJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Pada Tahun 2018, PERKESO telah bekerjasama dengan Prasarana Malaysia Berhad yang amat komited untuk berkerjasama dengan kerajaan dalam memberikan kesedaran serta mengurangkan kadar kemalangan dalam kalangan para pekerja yang merupakan aset paling berharga kepada organisasi dan negara. Objektif kempen adalah untuk memberi penekanan kepada keperluan tindakan pencegahan sebagai asas kepada perlindungan keselamatan sosial pekerja serta memberi tumpuan khusus kepada tindakan pencegahan kemalangan perjalanan sebagai keutamaan di dalam program pencegahan. Selain daripada itu bagi menyampaikan mesej Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan perjalanan selamat dengan lebih berkesan kepada pekerja di bawah perlindungan PERKESO.

Kempen seperti ini turut diadakan menerusi program Advokasi oleh pejabat-pejabat PERKESO seluruh negara dengan sasaran sektor perkhidmatan dan pembuatan yang telah mencatatkan peningkatan dalam trend kemalangan perjalanan. Beberapa majikan besar dalam sektor yang terpilih juga didapati telah tersenarai dalam kelompok 100 majikan yang mempunyai kemalangan perjalanan tertinggi.

Melalui program advokasi yang telah dilaksanakan oleh di Pejabat PERKESO sebanyak 430 program telah berjaya dilaksanakan dan sehingga November 2018 sebanyak 224 majikan yang mengikuti program advokasi telah mencatat penurunan kadar kemalangan melebihi 10%.

SAFETY TO WORKPLACE NATIONAL CAMPAIGN 2018

In 2018, SOCSO collaborated with Prasarana Malaysia Berhad, a company seriously committed to working with the government in raising awareness of as well as reducing the rate of accident among workers who are the most valuable asset to an organisation and the company. The objective of the campaign is to emphasise on the need for preventive action as a basis for employees' social security protection as well as giving particular focus on prevention of commuting accident as priority in such prevention programmes. The campaign is also intended to deliver the Occupational Safety and Health as well as safe commuting message more effectively to employees under the protection of SOCSO.

Such campaigns were also conducted through Advocacy programmes by SOCSO offices nationwide with SOCSO's targets based on the services and manufacturing sectors that recorded an increasing trend in commuting accidents. Several major employers in the chosen sectors were found to be listed in the group of 100 employers with the highest record of commuting accidents.

Through the advocacy programmes implemented by SOCSO offices, the year 2018 showed an increase of 430 programmes wherein as at November 2018, 224 employers that underwent the advocacy programme recorded a decrease in accidents by more than 10%.

SOROTAN AKTIVITI DAN PROGRAM MEMPROMOSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Workplace Health Promotion Seminar di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur

Workplace Health Promotion Seminar telah diadakan pada 1 Mac 2018 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Seminar bertujuan bagi memberi pendedahan kepada majikan dan pekerja mengenai status kesihatan pekerja di Malaysia yang dilihat semakin meruncing saban tahun akibat daripada gejala Penyakit Tidak Berjangkit yang disebabkan oleh amalan gaya hidup tidak sihat. Turut diadakan *Activ@Work Challenge 2018 Award Ceremony* bagi memberi penghargaan kepada pemenang-pemenang *Activ@Work Challenge* yang telah diadakan pada bulan September hingga November 2018 yang lalu.

SUMMARY OF ACTIVITIES AND PROGRAMMES PROMOTE OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH

Workplace Health Promotion Seminar at Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur

The Workplace Health Promotion Seminar was held on 1st March 2018 at the Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. The seminar was held with an intention to expose employers and employees to the health status of employees in Malaysia that had deteriorated over the years due to Non-Communicable Diseases (NCD) resulting from an unhealthy lifestyle. The Actv@Work Challenge 2018 Award Ceremony was also held to give recognition to winners of the Activ@Work Challenge which was carried out from September to November 2018.

MALAYSIA COMMUTING ACCIDENT AND ROAD SAFETY SEMINAR (MYCARSS 2018)

Malaysia Commuting Accident and Road Safety Seminar (MYCARSS 2018) dengan tema "Membina Budaya Keselamatan Perjalanan Ke Arah *Vision Zero*" di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*, Putrajaya yang telah dirasmikan oleh YB. M. Kulasegaran, Menteri Sumber Manusia pada bulan Jun 2018.

MALAYSIA COMMUTING ACCIDENT AND ROAD SAFETY SEMINAR (MYCARSS 2018)

Malaysia Commuting Accident and Road Safety Seminar (MYCARSS 2018) with the theme, "Fostering Commuting Safety Culture Towards Vision Zero" was held at the Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya officiated by YB M. Kulasegaran, Minister of Human Resource in June 2018.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

PROGRAM *STEP IT UP* PERKESO

Program *Step It Up* PERKESO diadakan khas untuk anggota PERKESO dalam menggalakkan anggota menjalani kehidupan aktif walaupun berada di tempat kerja. Program ini diadakan selama dua bulan pada bulan Julai dan Ogos 2018. Program ini telah mendapat penyertaan daripada 715 orang anggota sepanjang tempoh dua bulan diadakan.

SOCSO STEP IT UP PROGRAMME

The SOCSO Step It Up programme was held especially for the SOCSO staff, encouraging them to live active daily lives even at the work place. This programme was held for a period of two months, from July to August 2018. 715 SOCSO staff participated in the two-month programme.

Activ@Work CHALLENGE

Activ@Work Challenge diadakan selama tiga bulan bermula bulan September hingga November 2018. Program ini merupakan program yang berkonsepkan cabaran dengan bergiat aktif melakukan aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berlari dan bersenam. Program ini dianjurkan khas kepada golongan majikan dan pekerja di seluruh Malaysia. Sebanyak 169 majikan telah menyertai program ini.

Activ@Work CHALLENGE

The Activ@Work Challenge was held over three months beginning from September to November 2018. The programme carried the concept of a challenge in doing physical activities such as walking, running and exercising. This programme was specifically organised for employers and employees throughout Malaysia. A total of 169 employers participated in the programme.

KEMPEN PERJALANAN SELAMAT KE TEMPAT KERJA PERINGKAT KEBANGSAAN PERKESO

Kerjasama PERKESO dengan Prasarana Malaysia Berhad dalam Kempen Perjalanan Selamat ke Tempat Kerja 2018.

PERKESO SAFETY TO WORKPLACE NATIONAL CAMPAIGN 2018

Collaboration between PERKESO and Prasarana Malaysia Berhad in the Safety to Workplace Campaign 2018.

KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA BERSAMA PDRM

Kempen dilancarkan oleh YDH. Tan Sri Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara di Denso Malaysia Sdn Bhd.

ROAD SAFETY AWARENESS CAMPAIGN WITH PDRM

Launching ceremony by YDH. Tan Sri Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim, Deputy Inspector-General of Police at Denso Malaysia Sdn Bhd.

PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO

Pembukaan Pejabat Baharu

PERKESO komited mendekati rakyat menerusi inisiatif meluaskan jaringan perkhidmatan dengan pembukaan pejabat baharu di lokasi-lokasi strategik yang bertujuan untuk memudahkan akses kepada pelanggan berurusan dengan PERKESO. Pada tahun 2018, PERKESO telah membuka pejabat baharu di Tanjung Karang, Selangor dan mula beroperasi pada 1 Oktober 2018. Kini PERKESO telah mempunyai 54 pejabat di seluruh negara. Pembukaan pejabat- pejabat baharu PERKESO merentasi sempadan merupakan usaha murni mendekati rakyat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

BRINGING SOCSO CLOSER TO THE PEOPLE

Opening of New Office

SOCSO remains committed in continuing to get close to the people through initiatives in expanding its network of services by opening new offices in strategic locations with a view to enabling clients' access in dealing with the organisation. In 2018, SOCSO opened a new office in Tanjung karang, Selangor which commenced operations on 1st October 2018. To date, SOCSO has 54 offices nationwide. The opening of such new offices across borders is part of the organisation's noble efforts in getting closer to the people to provide the best services.

CONNECTING CUSTOMERS PROGRAMME

PERKESO sentiasa komited bagi menyediakan perkhidmatan terbaik untuk memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan. Justeru, *Connecting Customers Programme (CCP)* telah dilaksanakan bertujuan memberi informasi kepada pihak berkepentingan seperti majikan, pekerja, persatuan dan kesatuan berkenaan kedudukan dana PERKESO, skim yang sedang dilaksanakan dan cadangan perluasan perlindungan baharu. Di samping mendapatkan maklum balas daripada wakil-wakil Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Majikan Majikan Malaysia (MEF) dan pihak berkepentingan semasa sesi forum dan melalui borang soal selidik. Program ini telah berjaya dilaksanakan di 13 lokasi di seluruh negara mulai 19 Julai hingga 13 Disember 2019. Sebanyak 1,430 peserta telah menghadiri program yang telah dianjurkan.

Semasa sesi forum, pihak MTUC, FMM dan MEF terdiri daripada pengurusan tertinggi iaitu YBhg. Datuk Abdul Halim Mansor (MTUC), YBhg Datuk Hj. Shamsuddin Bardan (MEF), YBrs. Dr Michael Chiam Tow Hui (MEF), YBrs. Dr May Luwe (FMM) dan semua wakil telah memberikan respon yang amat positif di mana mereka sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan PERKESO ke arah penambahbaikan perkhidmatan yang disediakan.

Daripada 1,430 peserta yang hadir ke program ini, sebanyak 95.4% telah memberi maklum balas terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan. Analisis maklum balas menunjukkan bahawa majoriti peserta memahami objektif program ini dilaksanakan. Secara keseluruhannya, sebanyak 65.6% responden prihatin terhadap kedudukan dana PERKESO, 89.3% responden bersetuju faedah yang disediakan oleh PERKESO di bawah Sistem Insurans Pekerjaan dan sebanyak 95.7% responden bersetuju agar PERKESO memperluaskan perlindungan bagi kemalangan diluar waktu kerja.

CONNECTING CUSTOMERS PROGRAMME

SOCSO is always committed in providing services to meet the requirements and expectation of its clients. Hence, the Connecting Customers Programme (CCP) was implemented with a view to providing information to stakeholders such as employers, employees, associations and unions regarding the status of SOCSO's funds, the schemes being implemented and proposals for expansion of new protection schemes. In addition, feedback was obtained from representatives of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC), the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) and the Malaysian Employers Federation (MEF) as well as other stakeholders during forums and through survey questionnaires. This programme was carried out at 13 locations nationwide from 19th July to 13th December 2019. A total of 1,430 participants attended the sessions organised.

During the forum sessions, representatives from MTUC, FMM and MEF comprising their top management, namely, YBhg. Datuk Abdul Halim Mansor (MTUC), YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin Bardan (MEF), YBrs. Dr. Michael Chiam Tow Hui (MEF), YBrs. Dr. May Luwe (RMM) and all other representatives gave very positive response in that they always support the efforts taken by the Government and SOCSO towards improving the services provided.

Of the 1,430 participants who attended the programme, 85.4% gave feedback on the survey questionnaire distributied. An analysis of the feedback showed that a majority of the participants understood the objectives for which the programme was held. Overall, 65.6% of the respondents were conscientious of the status of SOCSO's funds, 89.3% of the respondents agreed with the benefits provided by SOCSO under the Employment Insurance System and 95.7% of the respondents agreed for SOCSO to extend protection to accidents occurring outside of working hours.

PROGRAM *SOCIAL SYNERGY*

'Sinergi Perkasa, Rakyat Sejahtera'

Isu kewangan merupakan isu sejagat. Perancangan kewangan yang lemah dan tabiat berbelanja tidak mengikut kemampuan penyumbang utama penyebab masalah keberhutangan. Antara aduan yang kerap diterima PERKESO adalah kegagalan Orang Berinsurans atau penerima faedah PERKESO menguruskan kewangan pencen mereka.

Prihatin dan peka, Pengurusan Perhubungan Pelanggan mengambil pendekatan proaktif dengan mengorak langkah pertama menerusi perjumpaannya dengan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 9 Mac 2018 di Wisma PERKESO Kuala Lumpur.

Hasilnya, Program *Social Synergy* direalisasikan sebagai memenuhi aspirasi semua penerima faedah PERKESO khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Program ini merupakan platform keselamatan sosial yang pertama, komprehensif dan bersistematik. Ia menggabungkan tujuh agensi lain seperti GIATMARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), M*alaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) selain PERKESO dan AKPK sebagai tunjang utama. Sepanjang 2018 yang lalu, tiga sesi program berjaya dilaksanakan dengan penglibatan lebih 500 prospek dari agensi rakan strategik.

SOCIAL SYNERGY PROGRAMME

'Poweful Synergy, Prosperous People'

Financial issues are universal. Weak financial planning and overspending are the main contributors to the problem of indebtedness. Among the complaints oft received by SOCSO is the failure of Insured Persons or SOCSO benefit recipients in managing their pension funds.

Being concerned and sensitive to such issues, the Customer Relationship Management has taken a proactive approach by taking initial steps through its meeting with the Credit Counselling and Management Agency (AKPK) on 9th March 2018 at Wisma PERKESO Kuala Lumpur.

The meeting resulted in the realisation of the Social Synergy programme to fulfil the aspirations of the people of Malaysia in general, and the SOCSO benefit recipients in particular. This Programme is the first comprehensive and systematic social security platform. It brings together seven other agencies such as GIATMARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Department of Labour Peninsular Malaysia and the Federal Territory Islamic Council, in addition to SOCSO and AKPK at its core. Throughout 2018, three sessions of the programme were conducted involving 500 prospects from strategic partner agencies.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

PUBLISITI DAN PROMOSI KORPORAT

Program dan inisiatif publisiti diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO. Sepanjang tahun 2018, PERKESO telah melaksanakan aktivit publisiti dan promosi melalui pelbagai saluran media cetak mahupun media elektronik. Di antaranya termasuk cetakan iklan di pelbagai akhbar arus perdana, temu bual di televisyen, penampilan radio, dan pembukaan kaunter pameran dalam acara-acara awam. Program ini juga turut dipromosikan oleh Pejabat-Pejabat PERKESO melalui penglibatan secara langsung bersama majikan dan pekerja dalam program di tempat majikan, seminar dan ceramah.

CORPORATE PUBLICITY AND PROMOTION

Publicity programmes and initiatives were carried out with a view to give employers and employees an understanding and awareness of the schemes and benefits provided by SOCSO. Throughout 2018, SOCSO conducted publicity and promotion using various print and electronic media channels. Among those included print advertisements in several mainstream newspapers, television interviews, radio apprearances and opening of exhibition booths during public events. Such initiatives were also promoted by SOCSO offices through their direct involvement with employers and employees during programmes taking place at employer premises, as well as during seminars and talks.

PERKESO DI PLATFORM DIGITAL

Melangkah era globalisasi, teknologi komunikasi kian maju merentas sempadan mendorong kecenderungan masyarakat ke arah komunikasi moden di media elektronik. Melalui media eletronik seperti televisyen, radio dan internet, informasi serta perkembangan terkini PERKESO lebih mudah tersebar luas dengan pantas tanpa sempadan di mana jua, sepanjang masa.

Sepanjang tahun 2018, pelbagai platform media elektronik telah digunakan bagi tujuan mempromosikan aktiviti serta menghebahkan informasi terkini kepada orang ramai. Antaranya menerusi siri televisyen bertajuk "Inspirasi Harapan" yang disiarkan melalui saluran Astro dan dihoskan oleh hos terkenal, Fara Fauzana.

SOCSO ON DIGITAL PLATFORMS

As we venture into the era of globalisation, communication technology that increasingly crosses borders pushes the tendencies of society towards modern communication through electronic media. Through electronic media such as television, radio and the internet, information regarding SOCSO as well as its latest developments can be easily and more quickly spread wide, borderless regardless of time and place.

In 2018, various electronic media platforms were utilised for the purposes of promoting activities and announcing the latest information to the public. Among those included a television series entitled *"Inspirasi Harapan"*, broadcast on Astro with well-known presenter, Fara Fauzana as its host.



"Inspirasi Harapan" memaparkan kisah-kisah Orang Berinsurans yang terbencana namun tidak patah semangat untuk kembali bekerja dan dibantu oleh PERKESO agar dapat meneruskan kelangsungan hidup. Kisah-kisah ini diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada orang ramai supaya tidak berputus asa biarpun diuji dengan dugaan kehidupan. "Inspirasi Harapan" ini juga membawa mesej betapa pentingnya jaringan keselamatan sosial terhadap setiap individu.

Selain itu, PERKESO juga ke udara dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di RTM TV1 bagi memperkenalkan serta menghebahkan informasi tentang Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri yang mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Selain turut mempromosikan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PERKESO seperti "Labour Day Run and Ride 2018" dan Mycarss serta Kempen Perjalanan Selamat 2018. Sesi dialog oleh RTM TV1 turut menampilkan Dato' Mohd Sahar Darusman bagi menguar-uarkan kepada orang ramai mengenai Sistem Insurans Pekerjaan yang telah berkuatkuasa sejak 1 Januari 2018.

Tersentuh dengan keikhlasan dan prihatin terhadap Orang berinsurans, PERKESO tampil dalam rancangan bersiri "Bersamamu" oleh TV3 untuk turut bersama-sama menghulurkan bantuan. Platform radio memainkan peranan penting dalam hebahan informasi kepada pelbagai masyarakat pelbagai bangsa dan peringkat umur. Antaranya slot PERKESO di BFM 89.9, KL.fm, Traxx.fm, Minnal.fm dan Radio Langkawi.

Medium lain seperti Buletin Utama TV3, Berita Utama RTM, Berita Tamil TV2, Focus Malaysia, KOSMO, Berita Harian, The Sun dan berbagai-bagai saluran akhbar digital turut memaparkan informasi dan perkembangan terkini PERKESO.

Pengurusan Perhubungan Pelanggan secara terus melalui telefon di talian 1 300 22 8000 menjadi medium utama untuk pelanggan berurusan secara langsung atas talian. Selain itu, medium lain melalui media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Linkedin* dan *Youtube*. Penggunaan media sosial ini telah memberikan impak yang positif kepada PERKESO dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi pelanggan dari semasa ke semasa.

Penggunaan media sosial membolehkan pelanggan mengetahui aktiviti semasa yang dijalankan dan maklumat terkini mengenai PERKESO. Pelanggan juga boleh mengemukakan pertanyaan, komen atau kemusykilan yang dihadapi berkaitan dengan perkhidmatan atau produk PERKESO.

"Inspirasi Harapan" showcased the stories of Insured Persons who, despite their injuries, did not give up hope of returning to work, and with the assistance of SOCSO could continue earning their livelihood. It is hoped that these stories could inspire the public to not give up in the face of challenges that life presents us with. The show also carried the message of the importance of a social security network to each individual.

SOCSO also appear 'on-air' on the *Selamat Pagi* Malaysia Programme on RTM TV1 to introduce and announce information on the Self-Employment Injury Scheme which came into effect on 1st July 2017, in addition to promoting activities organised by SOCSO such as the "Labour Day Run and Ride 2018" and Mycars, as well as the Safe Commuting Campaign 2018. A dialogue on RTM TV1 also showcased Dato' Mohd Sahar Darusman who talked about the Employment Insurance system which came into effect on 1 January 2018.

Touched by the sincerity and concern towards Insured Persons, SOCSO participated in the television series, *"Bersamamu"*, produced by TV3, joining in the project to provide aid. The radio platform also played an important role in disseminating information to the various communities of various races and age groups, among others, through the SOCSO slots on BFM 89.9, KL.fm, Traxx.fm, Minnal.fm and Radio Langkawi.

Other mediums such as TV3's Buletin Utama, RTM's Berita Utama, TV2's Berita Tamil, Focus Malaysia, KOSMO, Berita Harian, The Sun and various other digital newspapers also showcased the latest information and development of SOCSO.

The Customer Relation Management, through its hotline at 1 300 22 8000, became the main medium for customers to deal with SOCSO directly online. Other platforms of communicate include social media such as Facebook, Twitter, Instagram, LinkedIn and YouTube. The use of social media had a positive impact on SOCSO in improving the quality of its service delivery that exceeds the customers' expectations from time to time.

Use of social media enables customers to be informed of activities currently being carried out, as well as the latest information on SOCSO. Customers can also submit enquiries, comments or questions that they may have regarding SOCSO services or products.

SEMINAR PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PERINGKAT NASIONAL

Sepanjang tahun 2018, Bengkel Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional 2018 telah berjaya dilaksanakan di sepuluh (10) lokasi terpilih seluruh Malaysia iaitu Kuantan, Miri, Pulau Pinang, Ipoh, Shah Alam, Melaka, Johor Bahru, Labuan, Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan penyertaan oleh majikan bagi penganjuran bengkel ini ialah 830 peserta. Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional telah diberi pendekatan baharu bermula tahun ini melalui aktiviti dua hala antara peserta dengan penceramah secara aktiviti berkumpulan. Berkonsepkan bengkel, para peserta yang hadir dapat berbincang bersama mengenai isu-isu berkaitan PERKESO dalam membuat tuntutan faedah pekerja, mengemaskini rekod majikan dan pekerja, proses pembayaran caruman, Faedah Caruman Lewat Bayar dan sebagainya.

Selain itu, bengkel ini bertujuan untuk menerangkan latar belakang dan menekankan kepentingan jaringan keselamatan sosial terhadap pekerja-pekerja di Malaysia kepada para majikan di samping mempromosikan pembayaran caruman dalam talian melalui *FPX*. Memberi penerangan terkini dan lanjut mengenai Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan, Sistem Insurans Pekerjaan serta Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri.

Menariknya, penganjuran bengkel pada kali ini melibatkan usaha sama bersama RHB Bank dan *PayNet* dalam mempromosikan pembayaran caruman menerusi dalam talian. Pihak RHB Bank dan *PayNet* telah menyumbangkan hadiah-hadiah yang keseluruhannya bernilai sebanyak RM80,000.00 sebagai cabutan bertuah kepada mana-mana majikan yang membayar bayaran caruman secara *FPX* melalui portal *ASSIST*. Maklumbalas peserta menunjukkan program yang diadakan dapat meningkatkan kefahaman, meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab majikan dan pekerja terhadap perlindungan keselamatan sosial.

NATIONAL SEMINAR ON SOCIAL SECURITY PROTECTION

Throughout 2018, the National Social Security Protection Workshop was successfully carried out at ten (10) selected locations in Malaysia, namely, Kuantan, Miri, Pulau Pinang, Ipoh, Shah Alam, Melaka, Johor Bahru, Labuan, Kota Kinabalu and Kuala Lumpur. The overall participation by employers during the workshops amounted to 830 participants. The National Seminar on Social Security Protection was given a new approach through interactive activities between participants and speakers, as well as group activities. With the concept of a workshop, the participants could engage in discussions on issues relevant to SOCSO in making employee benefit claims, updating employer and employee records, contribution payment process, interest on late payment of contribution and others.

In additions, the workshops were held with the purpose of explaining the background to and emphasising on the importance of social security network to employees in Malaysia, to the employers as well as promoting payment of contributions online using FPX. The workshop also provided the latest and further information on the Employment Injury Scheme, Invalidity Scheme, Employment Insurance System as well as the Self Employment Injury Scheme.

Interestingly, the organisation of these workshops involved collaborations with RHB Bank and PayNet in promoting online payment of contribution. RHB Bank and PayNet contributed prizes with an overall value of RM80,000.00 as lucky draw for any employer who makes payments of contribution via FPX on the ASSIST portal. Feedback from participants indicates that the programme had successfully enhanced understanding, improved awareness and responsibility of employers as well as employees towards social security protection.

PAMERAN KORPORAT

Sepanjang tahun 2018, PERKESO telah mengadakan dan menyertai beberapa program pameran yang turut disertai oleh agensi-agensi di bawah Jabatan Kementerian Sumber Manusia serta jemputan dari agensi swasta lain. Antraranya penyertaan Pameran dan Pengisisan Sempena Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Bersama Graduan Cemerlang Tajaan JPA serta Mini Karnival Kerjaya di MAEPS, Serdang pada bulan Februari, Pameran *Safe@Work* KWSP 2018, Pameran *Ecobuild Southeast Asia 2018 and International Construction Week*, Pameran Karnival Kerjaya Sempena Pelancaran *MyApprenticeship* 2018 serta Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2018 (*COSH* 2018).

Orang ramai juga boleh mengambil kesempatan membuat semakan caruman dan turut serta dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa membuat kunjungan. Menerusi pendekatan ini, PERKESO dapat mendekati industri dan para majikan dari pelbagai sektor khusus kepada majikan-majikan yang pastinya mempunyai ramai pekerja. Menerusi aktiviti pameran yang telah diadakan, ia dapat meningkatkan lagi kesedaran dalam kalangan majikan dan pekerja tentang pentingnya untuk mencarum dengan PERKESO dan maklumat-maklumat terkini dapat disampaikan dengan lebih berkesan di samping mendekatkan hubungan di antara majikan, pekerja dan PERKESO.

CORPORATE EXHIBITION

In 2018, SOCSO held and participated in several exhibitions that also involved agencies under the Ministry of Human Resources. The organisation also accepted invitations from other private agencies. Among those included participation in the Exhibitions held in conjunction with the Chief Secretary to the Government's meeting with JPA Sponsored Graduates of Excellence, as well as the Careers Mini Carnival held at MAEPS, Serdang in February, the EPF Safe@Work Exhibition 2018, Ecobuild Southeast Asia 2018 and International Construction Week, Careers Carnival in conjunction with the launching of MyApprenticeship 2018, as well as the National Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health 2018 (COSH 2018).

The public were given the opportunity to check on their contributions and participate in the activities held during the event. Through this approach, SOCSO can reach out to industry and employers from various sectors, especially employers who has a lot of employees. Such exhibitions further increased awareness among employers and employees of the importance of contributing to SOCSO in addition to more effectively disseminating the latest information as well as forging closer relationships between employers, employees and SOCSO.

HARI BERTEMU PELANGGAN

Program Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan pada setiap hari Khamis pertama setiap bulan dari jam 8:30 pagi hingga 4:30 petang di semua 54 buah pejabat PERKESO di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat PERKESO. Sebagai organisasi yang prihatin, PERKESO sentiasa mendekati dan berinteraksi dengan pelanggan khususnya Orang Berinsurans, pekerja, orang tanggungan, majikan dan pihak berkepentingan lain selaras dengan konsep *Delighting the Customer*.

Pada tahun 2018, seramai 778 pelanggan telah menghadiri Program Hari Bertemu Pelanggan di pejabat PERKESO di seluruh negara. Pelanggan berpeluang bersemuka secara langsung dengan pegawai atasan PERKESO bagi sebarang pertanyaan, semakan, khidmat nasihat atau membuat aduan. Pelanggan boleh berurusan bagi faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah ketiga-tiga Akta yang telah dikuatkuasakan oleh PERKESO iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800].

MEET THE CLIENTS DAY

Meet The Client Days are held on the first Thursday of each month from 8.30 a.m. to 4.30 p.m. at all 54 SOCSO offices nationwide including the Headquarters. As a caring organisation, SOCSO remains close to and always interacts with its clients, particularly Insured Persons, employees, dependents, employers and other stakeholders, in line with the concept of Delighting the Customer.

In 2018, a total of 778 customers attended the Meet The Clients Day programme at SOCSO offices nationwide. Customers were given the opportunity to meet face-to-face with SOCSO's senior officers for any enquiries, review, advice or to lodge complaints. Customers were able to carry out transaction/ dealings regarding the benefits provided under all three Acts enforced by SOCSO, namely, the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4], the Self Employment Social Security Act 2017 [Act 789] and the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800].

SKUAD PERKESO PRIHATIN

Skuad PERKESO Prihatin merupakan satu kumpulan khas ditubuhkan supaya dapat menyalurkan bantuan segera kepada Orang Berinsurans atau waris yang ditimpa kemalangan atau musibah.

Misi utama penubuhan Skuad PERKESO Prihatin adalah untuk membantu Orang Berinsurans serta orang tanggungan mereka apabila berlaku sesuatu kejadian luar jangka melalui tindakan pantas dan segera tanpa melalui proses biasa prosesan faedah serta mendekatkan hubungan Orang Berinsurans, majikan dan PERKESO sebagai sebuah agensi kerajaan yang prihatin dan dekat di hati rakyat.

Sepanjang tahun 2018, Skuad PERKESO Prihatin telah menyelesaikan sebanyak 2,048 kes di seluruh negara berbanding 2,008 kes pada tahun 2017. Kesemua kes telah dapat diselesaikan segera manakala bakinya sebanyak 5 kes ditolak kerana kes-kes tersebut tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Keilatan.

PERKESO PRIHATIN SQUAD

The PERKESO Prihatin Squad is a special group established to render immediate assistance to Insured Persons or their next-of-kin who are involved in accidents or injured.

The main mission of the squad is to assist Insured Persons as well as their dependents in the event of an unexpected incident, through quick and immediate actions without undergoing the normal process of benefits claims. It is their mission to forge closer relationships between Insured Persons, employers and SOCSO, as a government agency that is caring and close to the hearts of the people.

Throughout 2018, the PERKESO Prihatin Squad has resolved 2,048 cases nationwide compared to the 2,008 cases in 2017. All the cases were immediately solved with the remaining 5 cases being rejected for not meeting the condititions for eligibility under the Employment Injury and Invalidity Scheme.

SKETSA JEJAK KEPERIHATINAN SKUAD PERKESO PRIHATIN

Balu Menerima Faedah Selepas Lapan Tahun Pemergian Mendiang

Seorang balu pemilik bengkel motosikal selalu hadir ke pejabat PERKESO Sarikei untuk membayar caruman bagi pekerjanya, namun dia tidak pernah terfikir untuk bertanya akan faedah PERKESO yang layak diterima mendiang suami yang meninggal dunia lapan tahun yang lalu. Pada permulaannya, balu beranggapan mendiang yang memiliki perniagaan tunggal di daerah Betong, Sarawak, tidak layak pencen PERKESO. Justeru, beliau tidak pernah melakukan tuntutan ke atas caruman mendiang. Namun, semasa kehadiran beliau yang lepas, terdetik di hatinya untuk bertanya dengan pegawai kaunter sama ada mendiang suami beliau layak untuk menerima pencen PERKESO.

Setelah semakan dilakukan, didapati suami beliau pernah bekerja dengan beberapa buah majikan sebelum meninggal dunia pada tahun 2010. Setelah PERKESO memproses tuntutannya, Pegawai Skuad PERKESO Prihatin Sarikei Encik Joseph Sawong, dengan sukacitanya telah menyerahkan cek Faedah Pencen Penakat kepada balu kerana dia dan anak-anaknya merupakan Orang Tanggungan mendiang.

Selama ini, balu terpaksa mengambil alih perniagaan suami dan menyara 3 orang anaknya dengan sendiri. Yang menyayat hati, anak bongsunya masih di dalam kandungan ketika pemergian suaminya. Balu yang kelihatan amat terharu, juga amat berterima kasih kepada PERKESO atas bantuan yang diterimanya kerana beliau langsung tidak menyangka dapat menerima Faedah Pencen Penakat untuk diri sendiri dan anak-anak. pencen yang diterima akan digunakan untuk pendidikan anak-anak dan juga membantu beliau mengembangkan perniagaan dimilikinya.

TRAILS OF THE SOCSO PRIHATIN SQUAD

Widow Receives Benefits Eight Years After Husband's Demise

A widow of a motorcycle workshop owner had always come to the SOCSO office in Sarikei to make contribution payments for her employers. However, it had never crossed her mind to enquire about SOCSO benefits that she qualified for upon her husband's demise eight years prior. At first the widow assumed that owning a sole proprietorship in the district of Betong, Sarawak meant that she did not qualify for SOCSO pension. Hence, she never initiated any claims on her late husband's contributions. However, on her last visit to SOCSO it came across her mind to ask the personnel at the counter on her eligibility to receive SOCSO pension by virtue of her husband's demise.

Upon checking, it was found that her husband had worked for several employers before his demise in 2010. After processing her claim, Sarikei SOCSO Prihatin Squad officer, Mr. Joseph Sawong, had the pleasure of presenting the survivor's pension check to the widow for she and her children were the Dependents of the demised.

Since her husband's death, the widow had to take over his business and support their three children on her own. Sadly, she was still pregnant with their youngest child at the time of her husband's passing. The widow seemed very touched and was very grateful to SOCSO for the aid received as she absolutely did not expect to receive the survivors' pension for herself and her children. The pension received will be utilised for the children's education as well as to help her expand the business.

KERJASAMA PEMIMPIN MASYARAKAT MEMBANTU ORANG BERINSURANS

Atas maklumat yang disalurkan oleh YB Muhammad Faiz bin Fadzil, ADUN Permatang Pasir kepada pihak PERKESO telah berjaya membantu seorang balu bernama Puan Zarina Salleh yang amat memerlukan bantuan untuk menyara keluarganya. Suaminya, Allahyarham Surkardi Mohd Isa, mengalami sesak nafas semasa keluar dari rumah pada tarikh 12 Disember 2018. Dukacitanya, beliau telah kembali ke Rahmatullah tidak lama kemudian. Beliau meninggalkan balunya dan seorang anak perempuan yang berumur 17 tahun.

PERKESO telah menyemak kelayakan arwah dan memproses permohonan faedah PERKESO dengan segera untuk meringankan beban yang dialami keluarga ini. Skuad PERKESO Prihatin Seberang Jaya telah hadir ke kediaman Allahyarham untuk menyampaikan cek Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 kepada Puan Zarina Salleh. Pencen Penakat arwah akan diuruskan segera dan dijangka dapat dibayar kepada balu dalam bulan Januari 2019.

YB Muhammad Faiz mengucapkan setinggi penghargaan kepada PERKESO yang telah bertindak pantas dan efisien untuk menyalurkan sumbangan yang mampu menampung beban keluarga setelah kehilangan satu-satunya pencari nafkah keluarga. YB juga merasakan integrasi baik antara pemimpin setempat terutama pejabat Adun dan agensi kerajaan seperti PERKESO penting dalam menjaga kebajikan rakyat. Kolaborasi sebegini akan menunjukkan keprihatinan kerajaan yang mementingkan perubahan tadbir urus. Perubahan bukan sahaja pada slogan, tetapi pada tindakan, sesuai dengan falsafah *'walk the talk'*. PERKESO menghargai tindakan pihak YB Muhammad Faiz yang pantas menyalurkan maklumat dan mengharapkan lebih ramai pemimpin tempatan melakukan tindakan sama supaya faedah PERKESO dapat disampaikan dengan segera untuk meringankan beban Orang Berinsurans dan orang tanggungannya apabila mereka ditimpa bencana.

COOPERATION OF COMMUNITY LEADERS IN HELPING INSURED PERSONS

Upon the information given by YB Muhammad Faiz bin Fadzil, Permatang Pasir State Legislative Council member, SOCSO managed to help a widow named Puan Zarina Salleh who was in dire need of help to support her family. Her husband, the late Surkardi Mohd Isa, experienced difficulty in breathing when he left their house on 12th December 2018. Sadly, he passed away not long thereafter. He left behind a widow and a daughter aged 17 years.

SOCSO conducted a check on the deceased's eligibility and immediately processed the application for SOCSO benefit to alleviate the burden carried by the family. The Seberang Jaya SOCSO Prihatin Squad visited the deceased's residence to present a Funeral Benefit cheque of RM2,000 to Puan Zarina Salleh. The deceased's Survivors' Pension will be immediately processed and it is expected to be paid to the widow in January 2019.

YB Muhammad Faiz expressed his appreciation to SOCSO which had acted quickly and efficiently todeliver the benefits of SOCSO which helps bear the burden of the family after having lost its sole breadwinner. He also felt that good integration between local leaders, especially the office of the State Assembly member, and government agencies such as SOCSO is very important in maintaining the welfare of the people. Such collaborations show the concerns of the government in placing importance on changes in governance. Changes are to be made not only in slogan, but also in actions, in line with the philosophy of 'walk the talk'. SOCSO very much appreciates the actions of YB Muhammad Faiz who was quick to provide information and hopes that more local leaders will follow his example so that SOCSO benefits can be channelled quickly to alleviate the burdens of Insured Persons and their dependents in the face of adversity.

BALU KEMALANGAN DALAM PERJALANAN DARI TEMPAT KERJA TERIMA FAEDAH PERKESO

"Akhirnya arwah pergi setelah hampir tiga (3) bulan bertarung nyawa, saya redha dengan ketentuan Ilahi," Antara ungkapan yang diluahkan oleh Puan Diana, 31 tahun iaitu balu kepada arwah Encik Hafeez, 34 tahun yang telah terlibat dengan kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan balik dari tempat kerja ke rumahnya. Kisah keluarga Puan Diana pernah dikongsikan sebelum ini, dan kemuncak ujian apabila suaminya telah dijemput Ilahi pada 8 Disember 2018 di Hospital Kuala Lumpur. Arwah meninggalkan seorang isteri dan 3 orang anak yang masih kecil.

Skuad PERKESO Prihatin (SPP) telah menerima berita pemergiaan arwah daripada Puan Diana sendiri yang telah hadir ke pejabat PERKESO Bentong untuk menyerahkan sijil kematian suaminya. Maklumat telah dilengkapkan pada 13 Disember 2018 dan pada hari yang sama cek Faedah Pengurusan Jenazah berjumlah RM2,000 telah diserahkan kepada Puan Diana.

Cek telah disampaikan oleh YB Wong Tack, ahli Parlimen Bentong diiringi YB Lee Chin Chen, ADUN Bilut. YB Wong Tuck juga telah berjanji akan menghulurkan bantuan kepada keluarga Puan Diana melalui pejabat Parlimen Bentong. Puan Diana akan menerima bayaran Faedah Orang Tanggungan secara pencen bulanan sepanjang hayatnya. Manakala tiga (3) orang anaknya juga akan menerima pencen yang sama sehingga berumur 21 tahun.

WIDOW OF COMMUTING ACCIDENT VICTIM RECEIVES SOCSO BENEFITS

“My late husband finally succumbed to his injuries after almost three (3) months fighting for his life. I accept Allah’s fate.” These were the words expreseed by Puan Diana, 31 years old, the widow of the late Encik Hafeez, 34 years old, who was involved in a road accident on his way back home from work. The story of Puan Diana’s family had been shared prior to this with the climax to the challenged that she faced occurring when her husband passed away on 8th December 2018 at Hospital Kuala Lumpur. The deceased was survived by a wife and three small children.

The PERKESO Prihatin Squad received the news of Encik Hafeez’s passing from Puan Diana herself who came to the Bentong SOCSO office to submit her husband’s certificate of death. The information was completed on 13th December 2018 and on the same day the RM2,000 Funeral Benefit was handed over to Puan Diana.

A cheque was presented by YB Wong Tack, Bentong Member of Parliament, together with YB Lee Chin Chen, State Assemblyman for Bilut. YB Wong Tuck also promised to help Puan Diana’s family through the Bentong Parliamentary Office. Puan Diana was to receive payment of Dependent’s Benefits by way of monthly pension for the rest of her life. Meanwhile, the three children will also receive the same pension up to the age of 21 years.

WARIS MANGSA MATI TERTEMBAK TERIMA FAEDAH PERKESO

Tragedi datang tanpa dijangka dan malang tidak berbau. Inilah yang berlaku kepada mendiang Rajasekeren a/l Ganthy yang meninggal dunia pada 29 November 2018 lalu ketika berburu bersama-sama seorang rakannya di kawasan hutan daerah Lumut.

Tragedi berlaku sekitar jam 11.00 pagi ketika mereka berdua bersama keluar berburu. Mangsa dikatakan telah tertembak dan dikejarkan ke Hospital Seri Manjung, mendiang dilaporkan meninggal dunia di tempat kejadian. Apabila Skuad PERKESO Prihatin Seri Manjung menerima berita ini, mereka telah menyiasat dan menyemak caruman mendiang dengan segera. Carumannya melayakkan waris mendiang untuk menerima Pencen Penakat.

Skuad PERKESO Prihatin telah pun melaksanakan majlis penyerahan Cek Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 kepada keluarga mangsa mendiang Rajasekeren a/l Ganthy. Disebabkan mangsa masih bujang dan belum berkahwin, kedua ibu bapa mangsa akan menerima bayaran faedah Pencen Penakat secara bulanan seumur hidup. Cek Pengurusan Mayat PERKESO telah disampaikan oleh wakil Datuk Ngeh Koo Ham iaitu Ahli Parlimen Beruas dan YB Yahaya bin Mat Nor, Adun Pasir Panjang turut hadir. PERKESO mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh pemimpin masyarakat dan menyeru semua untuk mengamalkan keprihatinan membantu masyarakat Malaysia dengan penuh ikhlas.

SHOOTING VICTIM'S NEXT-OF-KIN RECEIVES SOCSO BENEFITS

Tragedy comes unexpectedly and disasters cannot be foreseen. This was what happened to the late Rajasekeren a/l Ganthy who passed away on 29th November 2018 while on a hunting trip with his friend in the forests of Lumut.

The tragedy occurred at approximately 11.00 a.m. when the two men went out hunting. The victim was said to have been shot and was rushed to Seri Manjung Hospital. The deceased was reported to have passed away at the scene of the tragedy. Upon receiving news of the tragedy, the Seri Manjung PERKESO Prihatin Squad commenced investigation and immediately checked the deceased's contributions. His contributions rendered his family eligible to receive Survivors' Pension.

The squad presented a Funeral Benefit Cheque of RM2,000 to the family of the late Rajasekeren a/l Ganthy. As the deceased was single and unmarried, his parents were eligible for lifelong month payment of Survivors' Pension. The SOCSO Funeral Benefit cheque was presented by Datuk Ngeh Koo Ham, Member of Parliament for Beruas. Also present was YB Yahaya bin Mat Nor, Pasir Panjang State Assemblyman. SOCSO expressed its gratitude for the cooperation given by community leaders and urged everyone to practice caring in sincerely helping the Malaysian community.

PASANGAN INSAN TERPILIH TERIMA FAEDAH PERKESO

Pada 6 November 2018, Ketua Eksekutif PERKESO berbesar hati menyempurnakan Majlis Penyampaian Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2,000 kepada Orang Tanggungan Allahyarham Fouad Bin Skh Mohamed dan Allahyarhamah Rose Hasnitah Binti Ahmad. Pasangan suami isteri ini menjadi insan-insan terpilih apabila meninggal dunia di tanah suci Mekah pada 6 November yang lalu. Pasangan ini meninggalkan seorang anak perempuan yang berumur 8 tahun iaitu Nurul Eman Heleesyah. Nurul Eman kini dipelihara oleh anak tiri Orang Berinsurans iaitu Nurul Atasha sebagai Penjaga. Berikutan maklumat kematian melalui perkongsian akhbar tempatan diterima oleh Skuad PERKESO Prihatin (SPP) Melaka pada tarikh 11 November 2018, tindakan awal telah diambil oleh pegawai SPP Melaka iaitu Encik Nasarudin bin Ahmad untuk mendapatkan maklumat caruman dan waris.

Hasil semakan didapati Fouad Bin Skh Mohamed memenuhi syarat kelayakan caruman yang dikurangkan manakala isteri iaitu Rose Hasnitah Binti Ahmad tidak mempunyai caruman yang cukup bagi melayakannya mendapat faedah. Lawatan ke rumah waris telah dibuat pada 12 November 2018 untuk membantu orang tanggungan dan penjaganya melengkapkan semua dokumen yang diperlukan. Kes telah didaftar dan diproses dan bayaran Faedah Pengurusan Mayat telah diluluskan pada hari yang sama.

PERKESO meluluskan pencen bulanan berjumlah RM682.50 kepada adik Nurul Eman sehingga dia berumur 21 tahun ataupun sehingga dia mendapat ijazah pertama pengajian tinggi di masa hadapan. Pencen bulanan yang diterima dapat sedikit sebanyak membantu waris untuk meneruskan hidup dengan penuh kesabaran.

SPECIAL COUPLE RECEIVES SOCSO BENEFITS

On 6th November 2018, the Chief Executive of SOCSO presented a Funeral Benefit cheque of RM2,000 to the Dependants of the late Fouad bin Skh Mohamed and Rose Hasnitab binti Ahmad. The married couple were a few of the chosen ones who passed away in the Holy Land of Mecca on 6 Novembers. The couple was survived by an eight year old daughter, Nurul Eman Heleesyah. Nurul Eman is now in the care of the Insured Person's stepdaughter, Nurul Atasha as her Guardian. Following the news published in local newspapers on 11th November 2018, early action was initiated by the Melaka PERKESO Prihatin Squad officer, Encik Nasarudin bin Ahmad to obtain information regarding contributions as well as survivors.

It was found that Fouad bin Skh Mohamed met the reduced contribution eligibility condition whereas his wife, Rose Hasnitah binti Ahmad did not have sufficient contribution to qualify for benefit. A visit to the residence of the survivors was made on 12th November 2018 to help the dependant and her guardian to complete the necessary documents.The case was registered and processed, with payment of Funeral Benefit approved on the same day.

SOCSO approved a monthly pension in the sum of RM682.50 for Nurul Eman until she reaches the age of 21 years or completes her first degree in the future. The monthly pension will be able to help, even in a small way, the dependant of Insured Persons to live on patiently.

PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN *(CRM)* – PEKA DAN PRIHATIN

Perkhidmatan pelanggan yang cekap mementingkan aspek kualiti interaksi dengan pelanggan. Perkhidmatan yang cekap akan bertindak responsif terhadap kehendak dan aspirasi semasa. Bagi memastikan perkhidmatan pelanggannya kekal relevan, PERKESO telah melaksanakan pelbagai usaha penambahbaikan meliputi beberapa bidang bertujuan mengurangkan karenah dan aduan dengan mempermudah dan memperkemaskan sistem dan prosedur kerja sedia ada.

Automated SOCSO Integrated System atau *ASSIST* yang telah dilancarkan pada 1 Januari 2018 memberi banyak manfaat kepada pelanggan dan seterusnya meningkatkan lagi prestasi sistem penyampaian perkhidmatan. Penggabungan *ASSIST* dan SIP *RCC* pula merupakan satu pendekatan yang dinantikan oleh majikan kerana memudahkan mereka membuat bayaran bulanan dalam satu portal, proses yang lebih mudah, mesra pengguna di samping menjimatkan masa dan kos.

Peka dan prihatin dengan isu yang dihadapi majikan dan pelanggan, anggota *CRM* sentiasa dilengkapkan dengan maklumat terbaharu agar mereka mampu mengolah, menganalisa maklumat dan memberi tindak balas dengan lebih yakin dan tepat. Di samping mengendalikan panggilan, anggota juga sedia memberikan perkhidmatan berkaitan:

- Perkhidmatan Pertanyaan
- Perkhidmatan Permintaan *(Service Request)*
- Pengurusan Isu-isu pengoperasian
- Perkhidmatan *Outbound*
- Mengendali dan menjawab pertanyaan yang diterima menerusi e-mel rasmi perkeso@perkeso.gov.my, feedback@perkeso.gov.my dan iPERKESO (aplikasi telefon mudah alih).

CUSTOMER RELATIONS MANAGEMENT (CRM) – RESPONSIVE AND CARING

Efficient customer service places importance on the quality of interaction with customers as well as being responsive towards current needs and aspirations. In order to ensure that its customer service remains relevant, SOCSO has implemented various improvements covering several areas with a view to reducing bureaucracy and complaints by simplifying and updating the system and work procedures currently existing.

The Automated SOCSO Integrated System or ASSIST that was launched on 1st January 2018 has proven to be advantageous to customers, thus enhancing the performance of the service delivery system. The combination of ASSIST and SIP RCC has been long-awaited by employers as it enables them to make monthly payments through a single portal, with a simpler process that is customer-friendly, in addition to saving time and cost.

Sensitive and concerned of the issues faced by employers and customers, CRM staff are always equipped with the latest information so as to enable them to digest and analyse information and give feedback more confidently and accurately. In addition to handling calls, the staff are also ready to provide service related to:

- Enquiries
- Service Request
- Management of operational issues
- Outbound Services
- Handling and answering enquiries received through official email at perkeso@perkeso.gov.my, feedback@perkeso.gov.my and through iPERKESO (mobile telephone application).

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

Antara lima isu utama pelanggan yang dapat diselesaikan menerusi khidmat *CRM* adalah :

i. ID Portal – Pendaftaran ID
ii. Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)
iii. iPERKESO
iv. Pendaftaran Majikan
v. Kaedah Pembayaran Caruman

Statistik panggilan dan aduan yang diterima bagi tempoh Januari hingga Disember 2018:

Among the five main customer issues that can be resolved using CRM services are:

i. ID Portal – ID Registration
ii. Employment Insurance System (EIS)
iii. iPERKESO
iv. Employer Registration
v. Contribution Payment Method

The statistics for calls and complaints received from January to December 2018:

MEDIUM TYPES	PANGGILAN DITERIMA CALL RECEIVED	JUMLAH DISELESAIKAN AMOUNT COMPLETED
Panggilan / Calls	217,780	217,780
E-mel / Email	50,110	50,110

PERKHIDMATAN PELANGGAN

PERKESO sentiasa komited memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan selaras dengan *Brand Statement* PERKESO iaitu "PERKESO Prihatin Melangkaui Ekspektasi, Kesejahteraan Pelanggan Keutamaan kami". Anggota perkhidmatan pelanggan merupakan barisan hadapan utama dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang boleh memberi tanggapan awal *(first impression)* tentang kualiti perkhidmatan PERKESO secara keseluruhannya di mata pelanggan. Anjakan paradigma sentiasa diperkasakan bagi mencapai hasil berkonsepkan *delighting the customer.*

Pengurusan PERKESO sentiasa meletakkan kepuasan pelanggan sebagai fokus utama termasuk penekanan melalui enam (6) Nilai Teras Utama yang perlu dipatuhi oleh semua anggota PERKESO terutamanya Fokus Kepada Pelanggan dan Prihatin.

PERKESO telah menyediakan pelbagai saluran khidmat pelanggan menerusi perkhidmatan kaunter, telefon, Talian Khidmat Pelanggan, *SMS*, e-mel, laman sesawang, laman sesawang sosial, aplikasi "iPERKESO", Program Hari Bertemu Pelanggan, aduan melalui Sistem pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan sebagainya. Pelanggan boleh menghubungi PERKESO untuk membuat pertanyaan, khidmat nasihat, aduan, penghargaan dan sebagainya. PERKESO menganggap setiap maklum balas daripada pelanggan merupakan suatu kurniaan inspirasi, peluang dan ruang penambahbaikan yang mampu mencetus perubahan kearah perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pelanggan. Perancangan, perlaksanaan, penilaian dan tindakan *(P.D.C.A)* diambil kira dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada PERKESO.

CUSTOMER SERVICE

SOCSO is always committed in giving the best service to customers in line with its Brand Statement, "SOCSO Cares Beyond Expectation, Customers' Wellbeing Our Priority". Customer service personnel are our front line in providing service to customers that can give a first impression of SOCSO's overall quality of service in the eyes of customers. Paradigm shifts are constantly strengthened to achive the outcome based on the concept of delighting the customer.

SOCSO's management always places customer satisfaction as its main focus including emphasis on the six (6) Key Core Values that must be complied with by all SOCSO staff especially with regards to Focus on Customer and Caring.

SOCSO provides various channels of customer service through counter service, telephone, Customer Service Hotline, SMS, email, website, social media, the iPERKESO application, Meet the Client Day, complaints through the Public Complaints Management System (SISPAA) and others. Customers can contact SOCSO to make enquiries, obtain advisory services, lodge complaints, give appreciation and others. SOCSO takes each feedback from its customers as a burst of inspiration, opportunity and room for improvement that can lead towards even more excellent service for the customers. Planning, implementation, evaluation and action will be taken into account by SOCSO in giving the best service.

PENGURUSAN ADUAN

PERKESO memandang serius aduan-aduan yang diterima daripada pelanggan. Pada tahun 2018, PERKESO telah menerima sejumlah 2,623 kes aduan, daripada jumlah tersebut sebanyak 2,559 kes aduan atau 97.56% adalah aduan terhadap pihak ketiga iaitu melibatkan aduan terhadap majikan, Jemaah Doktor, Jemaah Doktor Rayuan atau pihak ketiga yang lain. Sehubungan itu, 64 kes aduan adalah aduan terhadap PERKESO atau 2.44% daripada jumlah keseluruhan aduan.

Aduan terhadap PERKESO pada tahun 2018 menurun sebanyak 56.46% iaitu 83 kes aduan berbanding tahun 2017 sebanyak 147 kes. Antara 3 jenis aduan tertinggi terhadap PERKESO adalah berkaitan dengan tuntutan faedah Keilatan, Faedah Hilang Upaya Sementara dan perkhidmatan PERKESO masing-masing berjumlah 10 kes atau 15.62%. Analisis terhadap penerimaan aduan telah disusuli tindakan penguatkuasaan terutamanya meningkatkan tindakan pemeriksaan, pengkompaunan dan pendakwaan terhadap majikan yang ingkar berdasarkan peruntukkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Antara aktivitinya adalah OPS KESAN yang dijalankan serentak di seluruh negara di semua cawangan PERKESO.

Sementara itu, bagi aduan terhadap PERKESO yang melibatkan perkhidmatan anggota barisan hadapan *(frontliner)* seperti perkhidmatan kaunter dan panggilan telefon, tindakan memantapkan dan memastikan pematuhan Garis Panduan Khidmat Pelanggan *(Employee Customer Guildeline-ECG)* dan pembudayaan S4P iaitu Senyum, Sapa, Salam, Santun dan Prihatin di kalangan anggota PERKESO telah dilaksanakan melalui arahan dari semasa ke semasa. Kursus Pemantapan Barisan Hadapan yang diadakan turut memberi suntikan semangat dan teguran membina bagi penambahbaikan terhadap perkhidmatan pelanggan. *Mystery Shopping Branch Walk-in, Branch Call* dan Talian Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1 300 22 8000 *(CRM)* juga telah dilaksanakan oleh pembekal perkhidmatan di semua pejabat PERKESO sejak tahun 2017 sehingga kini bagi memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan terhadap pelanggan.

COMPLAINTS MANAGEMENT

SOCSO takes the complaints received from customers very seriously. In 2018, the organisation received a total of 2,623 cases of complaints, of which 2,559 cases or 97.56% consisted of complaints against third parties, namely, complaints against employers, panel of doctors, panel of appellate doctors or other third parties. In relation thereto, 64 cases or 2.44% of the overall complaints consisted of complaints against SOCSO.

The number of complaints against SOCSO in 2018 decreased by 56.46%, that is 83 cases compared to the 147 cases in 2017. Among the top three highest types of complaints against SOCSO were related to claims for Invalidity benefits, Temporary Disablement Benefits and SOCSO services, for a total of 10 cases or 15.62%. The analysis on the complaints received was then followed-up with enforcement especially intensifying inspections, compounds and prosecution agains employers in breach of the provisions of the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4] and the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800]. Among the activities carried out is OPS KESAN which was conducted simultaneously at all SOCSO branches throughout the country.

Meanwhile, in the case of complaints against SOCSO involving frontliner service such as counter service and telephone calls, consolidation and ensuring compliance of the Employee Customer Guideline (ECG) and enculturation of S4P, namely, Senyum, Sapa, Salam, Santun and Prihatin among SOCSO staff were implemented through directives issued from time to time. Frontline Consolidation Courses were also held to inject spirit and constructive criticsm for the improvement of customer service. Mystery Shopping Branch Walk-in, Branch Call and SOCSO Custoer Service Hotline at 1 300 22 8000 (CRM) were also implemented by service providers at all SOCSO offices, from 2017 to date, to enxure improvement of quality of service to customers.

Mystery Shopping

Sebagai organisasi yang prihatin, PERKESO sentiasa memastikan konsistensi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan PERKESO. PERKESO telah melantik pihak ketiga bagi melaksanakan *mystery shopping* ke semua pejabat PERKESO melalui 3 jenis *mystery shopping* seperti berikut:

Mystery Shopping terhadap tiga (3) saluran perkhidmatan yang utama iaitu Kaunter Perkhidmatan *(Branch Walk-In)*, Panggilan Telefon dan juga Panggilan Ke Pusat Perhubungan Pelanggan telah dijalankan. Setiap kriteria penilaian terhadap mutu perkhidmatan diambil kira untuk memastikan kepuasan pelanggan dijadikan fokus utama. Kriteria yang dinilai bagi *Branch Walk-In* termasuk *External Façade, Branch Image, Queue Time, Staff's Friendliness, Staff's Competency* dan *Customer Service Counter*. Kriteria bagi penilaian *Branch Mystery Call* termasuk *Telephone Technique, Staff's Friendliness* dan *Staff's Competency.* Sementara itu, *CRM Mystery Call* merangkumi *Technicality, Telephone Technique, Staff's Friendliness* dan *Staff's Competency.*

Mystery Shopping

As a caring organisation, SOCSO always ensures consistency of excellent service to its customers. To that end, SOCSO has appointed a third party to conduct mystery shopping exercises at all SOCSO offices, carrying out three types of mystery shopping as follows:

Mystery Shopping was conducted on three (3) main channels of service, namely, Service Counters (Branch Walk-In), Telephone Calls and Calls to Customer Relation Centre. Each evaluation criteria of service quality was taken into account to ensure that customer satisfaction is the main focus. The criteria evaluated for Branch Walk-In included the Extdernal Façade, Branch Image, Queue Time, Staff's Friendliness, Staff's Competency and Customer Service Counter. The evaluation criteria for Branch Mystery Call included Telephone Technique, Staff's Friendliness and Staff's Comptency. Finanly, the CRM Mystery Call covered Technicality, Telephone Technique, Staff's Friendliness and Staff's Competency.

	JENIS *MYSTERY SHOPPING*	KLASIFIKASI	TARGET & KEKERAPAN
1	***Branch Walk-In***	I. *External Facade* II. *Branch Image* III. *Queue Time* IV. *Staff Friendliness* V. *Staff Competency* VI. *Customer Service Counter*	• 54 Pejabat (termasuk Kaunter Utama Ibu Pejabat PERKESO) • Setiap tahun diadakan 2 fasa *(wave)* • 2 kali lawatan bagi setiap pejabat untuk setiap fasa *(wave)*
2	***Branch Mystery Call***	I. *Telephone Techniques* II. *Staff Friendliness* III. *Staff Competency*	• 54 Pejabat (termasuk Kaunter Utama Ibu Pejabat PERKESO) • Setiap tahun diadakan 2 fasa *(wave)* • 2 kali lawatan bagi setiap pejabat untuk setiap fasa *(wave)*
3	***CRM Mystery Call*** ***CRM:*** Cawangan Perhubungan Pelanggan	I. *Technically* II. *Telephone Technique* III. *Staff Friendliness* IV. *Staff Competency*	• Setiap tahun diadakan 2 fasa *(wave)* • 100 panggilan untuk setiap fasa *(wave)* • Talian khidmat pelanggan: **1300 22 8000**

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

Secara keseluruhannya pencapaian bagi ***Mystery Shopping Branch Walk-In*** mendapati prestasi kualiti perkhidmatan pelanggan telah meningkat sebanyak 5.28% iaitu daripada 83.15% semasa penilaian *Wave 3* kepada 88.43% dalam *Wave 3*.

Bagi ***Mystery Shopping Branch Mystery Call***, prestasi kualiti perkhidmatan pelanggan telah meningkat sebanyak 2.82% iaitu daripada 67.76% penilaian *Wave 3* kepada 70.58% dalam *Wave 4*.

Manakala Bagi ***Mystery Shopping CRM Mystery Call,*** prestasi kualiti perkhidmatan pelanggan telah menurun sedikit iaitu 0.10% daripada 98.28% penilaian *Wave 3* kepada 98.18% dalam *Wave 4*.

Dapatan daripada *Mystery Shopping* dianalisis untuk mengenal pasti punca kelemahan, mengambil tindakan penambahbaikan dan langkah-langkah pencegahan. Laporan lengkap telah dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi PERKESO dan juga pejabat-pejabat PERKESO di seluruh negara. Anggota barisan hadapan yang mencapai keputusan yang kurang memuaskan dikehendaki menghadiri kursus peningkatan kualiti perkhidmatan lanjutan untuk memastikan pembudayaan perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan diamalkan secara konsisten dan berterusan.

Overall, the **Mystery Shopping Branch Walk-In** found that the customer service quality has increased by 5.28%, that is, from 83.15% during Wave 3 evaluation to 88.43% in Wave 3.

For **Mystery Shopping Branch Mystery Call**, the customer service quality has improved by 2.82%, that is, from 67.76% during Wave 3 evaluation to 70.58% in Wave 4.

In the case of **Mystery Shopping CRM Mystery Call**, the customer service quality experienced a slight decline, that is, 0.10% of 98.28% in Wave 3 evaluation to 98.18% in Wave 4.

The findings of the Mystery Shopping exercise were analysed to identify the source of weakness, take action for improvement as well as preventive measures. The complete report was presented to SOCSO's top management as well as SOCSO offices nationwide. Frontliners with less satisfactory results were required to attend further quality service enhancement course to ensure that the enculturation of excellent service to customers is consistently and continuously practised.

KEPUASAN PELANGGAN SENTIASA MENJADI KEUTAMAAN

PERKESO sentiasa meletakkan kepuasan pelanggan sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan dan sentiasa memastikan ekpektasi pelanggan dipenuhi dan ditepati. Justeru, pandangan dan maklum balas pelanggan sentiasa diambil kira dan dipantau menerusi Kajian Kepuasan Pelanggan PERKESO yang dijalankan sepanjang tahun. Menerusi kajian tersebut, persepsi dan kepuasan pelanggan dinilai untuk meningkatkan mutu dan perkhidmatan yang diberikan oleh PERKESO.

Kajian Kepuasan Pelanggan PERKESO dijalankan melibatkan dua fasa iaitu Fasa Pertama yang dijalankan pada Januari hingga Jun dan Fasa Kedua yang dijalankan pada Julai hingga Disember. Responden kajian adalah terdiri daripada pelanggan yang hadir di semua kaunter utama pejabat PERKESO dan penerima bayaran pertama bagi tuntutan faedah.

Kajian ini memberi fokus kepada lapan (8) petunjuk utama iaitu Perkhidmatan, Capaian Perkhidmatan, Persekitaran, Tindakbalas, Tuntutan Faedah, Pengendalian Aduan, Promosi / Publisiti dan Kualiti Perkhidmatan yang membentuk indeks kepuasan pelanggan untuk mengukur kualiti penyampaian perkhidmatan yang disediakan.

CUSTOMER SATISFACTION ALWAYS THE PRIORITY

SOCSO constantly puts customer satisfaction as a priority in service delivery and always ensures that clients' expectations are fulfilled as promised. Hence, the view and feedback of customers are always taken into consideration and monitored through the SOCSO Customer Satisfaction Study conducted throughout the year. Through the study, the perception and satisfaction of customers are assessed in order to improve the quality of services rendered by SOCSO.

The SOCSO Customer Satisfaction Study was conducted in two phases with the First Phase being carried out from January to June whereas the Second Phase was done from July to December. The respondents in the study comprised customers present at all main counters of SOCSO offices and recipients of first payments of benefits claims.

The study focused on eight (8) key indicators, namely, Service, Service Access, Environment, Reaction, Benefits Claims, Complaints Handling, Promotion / Publicity and Service Quality, all of which form the customer satisfaction index to measure the quality of service delivery.

Indeks kepuasan pelanggan / Customer satisfaction index

FASA / PHASE 1/2018	FASA / PHASE 2/2018
88.07%	**88.94%**
Indeks Kepuasan Pelanggan Fasa 1/2018 mengikut Petunjuk Utama **Customer Satisfaction Index Phase 1/2018 in accordance with Key In Indicators**	**Indeks Kepuasan Pelanggan Fasa 2/2018 mengikut Petunjuk Utama** **Customer Satisfaction Index Phase 2/2018 in accordance with Key Indicators**





BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

TRANSFORMASI

Perkhidmatan awam di seluruh dunia sedang menghadapi cabaran baharu dalam bentuk permintaan dan ekspektasi yang semakin meningkat daripada pelanggan dan pihak berkepentingan. Bagi menghadapi cabaran ini, PERKESO telah membuat beberapa transformasi bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pelanggan, mengoptimumkan tenaga sumber manusia yang berkeupayaan serta memanfaatkan kemajuan teknologi.

Pihak pengurusan buat julung kalinya mengiktiraf inisiatif-inisiatif transformasi yang berjaya dilaksanakan mengikut Pelan Transformasi PERKESO 2018. Sebanyak 6 inisiatif transformasi telah berjaya dilaksanakan dan dibentangkan di Konvensyen Transformasi PERKESO sempena sambutan Majlis Kemuncak Kualiti dan Inovasi PERKESO Kali ke-18. Inisiatif transformasi tersebut adalah:

- ***Adaptive Clothing***
  Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak Melaka
- ***MyVIP***
  Bahagian Perancangan dan Hal Ehwal Korporat dan Cawangan Penguatkuasaan
- ***Enforcement Punitive Automation System (PuAS)***
  Cawangan Penguatkuasaan
- ***Portal ASSIST* PERKESO**
  Bahagian Caruman
- **PERKESO *Medical Card***
  Bahagian Sumber Manusia
- ***Digital Document Management System***
  Bahagian Khidmat Pengurusan

TRANSFORMATION

The public sector especially in the whole world is currently facing a new challenge regarding with the demand and expectation from the customers and stakeholders. In order to confront with this obstacle, SOCSO have made a few transformations to improve the quality of the customer service delivery and to optimise the human resource capital that will not only bring benefit but also capable of bringing more technological advancement.

For the first time, the management have recognised the transformational initiatives that had been successfully executed according to SOCSO 2018 Transformational Plan. A total of 6 transformational initiatives had been implemented and had been presented at the SOCSO Transformational Convention in conjunction with the SOCSO Quality and Innovation Event Highlights for the 18th time. These are the transformational initiative:

- **Adaptive Clothing**
  Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Centre Melaka
- **MyVIP**
  Planning & Corporate Affairs Division
- **Enforcement Punitive Automation System (PuAS)**
  Enforcement Branch
- **Portal ASSIST PERKESO**
  Contribution Division
- **PERKESO Medical Card**
  Human Resources Division
- **Digital Document Management System**
  Management Services Division

BAYARAN SECARA *FPX*

Inisiatif PERKESO untuk mewujudkan satu sistem bersepadu dalam menyampaikan perkhidmatan yang efisien dan mesra pengguna dengan pengenalan kepada Portal *ASSIST* telah dilaksanakan pada 1 Januari 2018. Menerusi platform ini, majikan boleh mengemukakan data caruman dan bayaran secara dalam talian yang secara langsung membolehkan majikan mengemaskini maklumat gaji dan caruman setiap pekerja tanpa perlu lagi mengemukakan jadual caruman fizikal (Borang 8A) atau hadir ke pejabat PERKESO.

Proses bayaran caruman yang lebih efektif menerusi Portal *ASSIST* telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam bilangan majikan yang membuat penghantaran caruman dan bayaran melalui medium ini. Pada tahun 2018, PERKESO telah mencatatkan sebanyak 2,872,987 bilangan transaksi yang dibuat melalui *FPX* berbanding 1,152,785 transaksi bagi tahun 2017. Usaha berterusan pihak PERKESO khususnya dalam mempromosikan serta menggalakkan majikan membuat pembayaran caruman melalui *FPX* turut dilaksanakan dengan kerjasama *PayNet* dan RHB Islamic Bank melalui Memorandum Kerjasama (*MoU*) Promosi Bayaran Secara *FPX* Melalui Portal *ASSIST* pada 14 Februari 2018 di Dewan Intan, Menara PERKESO Jalan Ampang. Melalui kerjasama ini, PERKESO telah melaksanakan seminar kepada majikan-majikan di seluruh negara melalui Bengkel Pemantapan Keselamatan Sosial Kebangsaan 2018 khususnya untuk memberi penekanan terhadap penghantaran caruman dan bayaran secara dalam talian.

Pengenalan kepada Portal *ASSIST* juga telah memberikan impak yang positif kepada para pelanggan khususnya dalam pengurusan caruman serta pembayaran oleh majikan yang mana portal ini boleh diakses 24 jam melalui capaian internet. Lanjutan daripada itu juga, PERKESO sekali lagi mencatatkan kejayaan dan telah dianugerahkan sebagai *Top Merchant (Government Sector)* di *MALAYSIAN e-PAYMENTS EXCELLENCE AWARDS 2018.*

BAYARAN SECARA FPX

SOCSO initiative to create an integrated system in delivering efficient and user-friendly services with the introduction of the ASSIST Portal was implemented on 1st January 2018. ASSIST facilitate, employers to update and submit their payroll information and make payment via online without having to submit a physical contribution table (Form 8A) to SOCSO branches.

An effective process of paying contribution through ASSIST Portal has shown a significant increase in the number of employers who make contributions and payments through this medium. In 2018, SOCSO had achieved 2,872,987 transactions made through FPX as compared to 1,152,785 transactions in 2017. SOCSO has continue the efforts in promoting and encouraging employers to make contribution payments through FPX by having a collaboration with PayNet and RHB Islamic Bank through the *Memorandum Kerjasama (MoU) Promosi Bayaran Secara FPX Melalui Portal ASSIST* on 14th February 2018 at Dewan Intan, Menara PERKESO Jalan Ampang. Through this partnership, SOCSO has conducted national seminars to the employers nationwide through *Bengkel Pemantapan Keselamatan Sosial Kebangsaan 2018* to emphasise on the submission of contributions and payments via online.

Introduction of ASSIST Portal has also given a positive impact to employers especially in managing out the contributions and payments in which ASSIST is accessible 24 hours via internet access. In addition, SOCSO has also achieve and being awarded as the Top Merchant (Government Sector) at MALAYSIAN e-PAYMENTS EXCELLENCE AWARDS 2018.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

CHANGE MANAGEMENT TEAM

Pada tahun 2018, Unit Pengurusan Perubahan telah mengadakan Tayangan Perdana *ASSIST* dan majlis menandatangani Sijil Perakuan *Provisional (PAC)* bagi Pakej A yang telah diadakan di *Majestic Theatre* di Pulau Pinang sempena *QCAM (Quarterly Change Agent Meeting)*. Objektif majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan atas usaha semua anggota PERKESO yang terlibat dalam membangunkan *ASSIST* Pakej A serta kejayaan pelancaran *ASSIST* Pakej A. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Ketua Eksekutif PERKESO, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed. Komitmen mereka yang terlibat seharusnya diberi penghargaan.

Pada majlis tersebut, beliau telah menyampaikan sijil penghargaan kepada semua yang terlibat dalam pembangunan *ASSIST* Pakej A sehingga *go-live*. Dengan *go-live* pakej A ini ia merupakan satu titik permulaan kepada PERKESO untuk membangunkan pakej-pakej yang seterusnya ke arah penyampaian perkhidmatan PERKESO yang lebih baik kepada pelanggan.

CHANGE MANAGEMENT TEAM

In 2018, the Change Management Unit held the premiere of ASSIST as well as a signing ceremony for the Provisional Acknowledgment Certificate (PAC) for Package A, at the Majestic Theatre in Pulau Pinang in conjunction with the Quarterly Change Agent Meeting (QCAM). The objective of this ceremony was to acknowledge the efforts of all SOCSO staff who were involved in developing Package A of ASSIST as well as its successful launch. The ceremony was graced by the Chief Executive of SOCSO, Yang Berbahagia YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed. The commitment of those involved indeed deserves such recognition.

During the ceremony, the YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azamn presented certificates of appreciation to those involved in the development of Package A of ASSIST up to go-live. The going-live of Package A becomes the starting point for SOCSO to develop subsequent packages towards better service delivery to customers.

ANUGERAH KUALITI DAN INOVASI 2018

Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti & Inovasi PERKESO 2018 Kali Ke-18 telah diadakan pada 26 November 2018 yang lalu di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Majlis bertemakan 'Serlahkan Ideamu' ini telah disempurnakan oleh YB M. Kulasegaran, Menteri Sumber Manusia. Antara tetamu kehormat yang turut hadir adalah Timbalan Menteri Sumber Manusia, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM), Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan KSM, Ketua-ketua bahagian PERKESO serta semua pemenang yang terlibat dalam pertandingan / anugerah yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Kualiti Dan Inovasi.

Antara anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- Pertandingan Mencipta Tema Bulan Kualiti dan Inovasi Terbaik
- Pertandingan Cadangan Inovasi Terbaik
- Pertandingan Menulis Puisi Kualiti dan Inovasi Terbaik
- Pertandingan Multimedia Kreatif Terbaik
- Anugerah Pejabat PERKESO Terbaik 2017
- Anugerah Khas Projek Inovasi PERKESO
- Anugerah Khas Projek Inovasi Sosial PERKESO
- Anugerah Khas Projek Transformasi PERKESO
- Anugerah Khas Inisiatif Transformasi PERKESO 2018
- Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbaik 2018
- Anugerah Kecemerlangan Kualiti PERKESO 2018

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang dan anggota PERKESO yang telah menyertai pertandingan / anugerah kualiti dan inovasi 2018. Semoga budaya inovasi akan terus bersemarak menjadi pembakar semangat kepada semua anggota PERKESO untuk terus menjadi yang terbaik dan kreatif dalam melahirkan idea-idea baharu bagi mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan membuat penambahbaikan secara berterusan.

QUALITY AND INNOVATION AWARDS 2018

The 18th SOCSO Quality & Innovation Awards Ceremony was held on 26th November 2018 at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. The event themed 'Serlahkan Ideamu' (Accentuate Your Ideas) was officiated by YB M. Kulasegaran, the Minister of Human Resources. Among the dignitaries present were the Deputy Minister of Human Resources, Secretary General of Ministry of Human Resources, Senior Officers of Ministry of Human Resources, SOCSO Heads of Departments, as well as all winners of the competition/awards organised by the Quality and Innovation Management Unit.

Among the awards in contention are as follows:

- Best Quality and Innovation Month Theme
- Best Innovation Proposal
- Best Quality and Innovation Poetry
- Best Creative Multimedia
- Best SOCSO Office 2017
- Special Award for SOCSO Innovation Project
- Special Award for SOCSO Social Innovation Project
- Special Award for SOCSO Transformation Project
- Special Award for SOCSO Transformation Initiative 2018
- Best Innovative and Creative Group Award 2018
- SOCSO Quality Excellence Award 2018

Congratulations and syabas to all winners and SOCSO staff who participated in the 2018 quality and innovation competition /award. It is hoped that the culture of innovation will continue to become a catalyst for all SOCSO staff to continue to be the best and most creative in producing new ideas to further enhance the service delivery to customers and continuously improve.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA 2018
2018 KEY RESULT AREA

KEJAYAAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Tahun 2018 merupakan tahun kejayaan Pasukan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) PERKESO. Di peringkat Kebangsaan, tujuh (7) kumpulan telah berjaya terpilih ke Konvensyen *Team Excellence* Kebangsaan sempena *Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC)* 2018 anjuran *Malaysia Productivity Corporation (MPC)* yang telah diadakan pada 13 - 15 November 2018 di *Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)*. Daripada tujuh (7) penyertaan ini, dua (2) pasukan KIK PERKESO iaitu Kumpulan Metamorphosis dan Waghih telah berjaya mendapat penganugerahan Lima Bintang dan tersenarai dalam 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan). Manakala dua orang anggota PERKESO iaitu Encik Hairiri bin Harun dan Encik Khairul Mizan Bin Md Saad pula telah menerima pengiktirafan Anugerah Fasilitator Cemerlang 2018. Kumpulan SJ Unic daripada PPN Pulau Pinang telah terpilih mewakili Malaysia dalam *International Quality and Productivity Convention (IQPC)* di Batam, Indonesia pada 26 November hingga 1 Disember 2018. Kumpulan SJ UNIC telah berjaya membawa pulang Anugerah Emas. Pemilihan SJ Unic ke *IQPC* adalah berdasarkan pencapaian cemerlang kumpulan tersebut semasa menyertai *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition* pada tahun 2017 (*APIC* 2017).

Secara keseluruhannya, dalam tempoh dua 2 tahun (2017-2018) pasukan KIK ini telah berjaya membuat penjimatan projek sebanyak RM2.2 juta kepada PERKESO. Semoga kejayaan pasukan KIK ini dapat menyuntik semangat kepada KIK yang lain untuk terus berinovasi, bersaing dengan agensi luar dan mengharumkan nama PERKESO.

SUCCESSFUL OF INOVATION AT NATIONAL AND INTERNATIONAL LEVEL

The year 2018 was a successful one for the SOCSO Innovative and Creative Group. At national level, seven (7) groups were selected to the National Team Excellence Convention in conjuction with the Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2018 organised by the Malaysia Productivity Corporation (MPC) which was held from 13th to 15th November at Sunway Pyramid Convention Centre. Out of these seven (7) entries, two (2) SOCSO teams, Metamorphosis and Waghih, reveived Five Star awards and were listed in the 20 Best Groups in the Public Sector (Federal). Meanwhile, two SOCSO staff, Encik Hariri bin Harun and Encik Khairul Mizan bin Saad, were given the Excellent Facilitator Award 2018. SJ Unic from Pulau Pinang PPN was chosen to represent Malaysia at the International Quality and Productivity Convention (IQPC) in Batam, Indonesion from 26th November to 1st December 2018. The group won the Gold Award. The selection of SJ Unic to IQPC was based on the group's excellent achievement during the Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition in 2017 (APIC 2017).

Overall, in the period of two (2) years (2017 - 2018) the Innovation and Creative Group successfully led the organisation to project savings of RM2.2 million. The success of this team becomes an inspiration to other groups to continue to innovate and compete with external agencies, thus bringing success to SOCSO.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
AWARDS AND RECOGNITION

Kecemerlangan PERKESO terus digarap dengan kejayaan dalam menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sesungguhnya pencapaian yang cemerlang ini telah berjaya melonjakkan lagi imej PERKESO ke persada antarabangsa. Penganugerahan dan pengiktirafan yang telah diterima antaranya adalah:

SOCSO's excellence continue to be written with success in the form of various awards and recognition at national and international levels. Indeed, such excellent achievements have further propelled SOCSO's image on the international stage. Among the awards and recognitio received are:

ASEAN SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ASSA) RECOGNITION AWARD 2018 FOR EXCELLENCE, NHA THRANG, VIETNAM

Anugerah Pengiktirafan Inovasi
& Anugerah Khidmat Pelanggan: e-Pulih

Perkhidmatan operasi 24/7 pertama PERKESO bagi permohonan implan bagi Orang Berinsurans. Portal ini merupakan kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan PERKESO melalui perkongsian kepakaran dan infrastruktur dalam penyampaian kemudahan berimpak tinggi kepada orang ramai dengan kos yang rendah.

ASEAN SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ASSA) RECOGNITION AWARD 2018 FOR EXCELLENCE, NHA THRANG, VIETNAM

Innovation Recognition Award
& Customer Service Recognition Award: e-Pulih

The first 24/7 operational service by PERKESO for application of implants for its Insured Persons. This portal strengthens the collaboration between the Ministry of Health and PERKESO through the sharing of expertise and infrastructure in the delivery of high-impact facilities to the public at a low cost.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
AWARDS AND RECOGNITION

INTERNATIONAL SOSIAL SECURITY ASSOCIATE (ISSA) CERTIFICATE OF MERIT (2018) BAGI PROJEK *ENFORCEMENT INITIATIVE & COMMUTING SAFETY SUPPORT PROGRAMME*

Sijil Merit – *Commuting Safety Support Programme (CSSP)*

Diperkenalkan pada tahun 2017, program ini merupakan hasil kolaborasi dengan *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)* yang bertujuan untuk membantu majikan melaksanakan inisiatif keselamatan perjalanan di tempat kerja melalui intervensi praktikal. Melalui program ini, disasarkan penurunan kemalangan motosikal dan merupakan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan.

INTERNATIONAL SOSIAL SECURITY ASSOCIATE (ISSA) CERTIFICATE OF MERIT (2018) FOR ENFORCEMENT INITIATIVE & COMMUTING SAFETY SUPPORT PROGRAMME PROJECT

Certificate of Merit – Commuting Safety Support Programme (CSSP)

Introduced in 2017, the programme is a collaboration with the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) aiming to facilitate employers' implementation of commuting safety at the workplace through practical intervention. It aims to reduce motorcyclist accidents and was initiated through partnership with various stakeholders.

INTERNATIONAL SOSIAL SECURITY ASSOCIATE (ISSA) CERTIFICATE OF EXCELLENCE (2018) BAGI PROJEK *WORKPLACE HEALTH PROMOTION*

Sijil Kecemerlangan – *Workplace Health Promotion (WHP)*

WHP PERKESO merupakan program pertama di dunia yang berjaya memenuhi kriteria *ISSA Recognition Programme Guidelines*. Objektif program ini adalah mengenalpasti risiko dan mengurangkan ancaman penyakit tidak berjangkit di tempat kerja melalui konsep promosi kesihatan.

INTERNATIONAL SOSIAL SECURITY ASSOCIATE (ISSA) CERTIFICATE OF EXCELLENCE (2018) FOR WORKPLACE HEALTH PROMOTION PROJECTS

Certificate of Excellence – Workplace Health Promotion (WHP)

WHP PERKESO is the first in the world to successfully complete the ISSA Recognition Programme Guidelines. The programmes objective is to identify risk factors of NCD in the workplace and transform threat into opportunity by applying health promotion concepts.

PORTAL / LAMAN WEB TERBAIK

Tahniah dan syabas diucapkan kepada PERKESO kerana telah dianugerahkan sebagai antara lima portal / laman web terbaik di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bertempat di Dewan Serbaguna KSM, anugerah ini telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Lim Eng Hock, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) / Ketua Pegawai Maklumat *(CIO)* Kementerian Sumber Manusia di Hari ICT KSM 2018 pada 25 Oktober 2018. Pemilihan ini adalah berdasarkan kriteria berikut:

a) Kriteria yang ditetapkan oleh MAMPU
b) Kriteria yang ditetapkan oleh MDeC
c) Penilaian / pemantauan bulanan
d) Komitmen kehadiran mesyuarat

BEST PORTALS / WEBSITES

Congratulations and syabas to SOCSO for being awarded one of the best five portals/websites under the Ministry of Human Resources. The award was presented by YBrs. Tuan Lim Eng Hock, Deputy Secretary General (Operations) / Chief Information Officer (CIO) Ministry of Human Resources during the Ministry of Human Resources ICT Day 2018 held at Dewan Serbaguna KSM on 25th October 2018. The selection was based on the following criteria:

a) Criteria stipulated by MAMPU;
b) Criteria stipulated by MDeC;
c) Monthly evaluation / monitoring;
d) Commitment in meeting attendance.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN PERINGKAT KEBANGSAAN

- Buat julung kali, Malaysia menerusi PERKESO telah diberi penghargaan oleh *International Social Security Association (ISSA)* bagi menganjurkan *Regional Social Security Forum (RSSF) for Asia and the Pacific 2018.*
- Anugerah Emas untuk Kumpulan KIK SJ Unic dalam *International Quality and Productivity Convention (IQPC)* di Batam Indonesia.
- Anugerah Portal Terbaik sempena Hari ICT KSM 2018
- Anugerah inovasi di Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan.
- Anugerah inovasi di Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah.
- Penganugerahan 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan).

NATIONAL AWARDS AND RECOGNITION

- National Awards and Recognition
- For the first time ever, Malaysia, through SOCSO, was given the honour by International Social Security Association (ISSA) of organising the Regional Social Security Forum (RSSF) for Asia and the Pacific 2018.
- Gold Award for SJ Unic Creative and Innovative Group at the International Quality and Productivity Convention (IQPC) in Batam, Indonesia.
- Best Portal Award in conjunction with KSM ICT Day 2018.
- Innovation Award at the National Team Excellence Convention.
- Innovation Award at the Regional Team Excellence Convention.
- Top 20 Best Public Sector Group Award (Federal).

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU
HUMAN CAPITAL AND KNOWLDEGE SHARING

PEMBANGUNAN MODAL INSAN PERKESO

Dalam usaha merealisasikan Visi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai Peneraju Keselamatan Sosial Yang Dinamik, Unggul dan Cemerlang, PERKESO telah memberi keutamaan kepada kecemerlangan dan pembangunan modal insan sebagai Teras 1 di dalam dokumen Pelan Strategik PERKESO 2016 - 2020. Ketetapan ini adalah berasaskan kepercayaan bahawa kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan adalah berkait rapat dan saling bergantung kepada strategi dan inisiatif dalam membangunkan modal insan ke tahap yang cemerlang.

SOCSO HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

In the effort to realise the vision of the Social Security Organisation (SOCSO) to become the Leader in Social Security that is Dynamic, Outstanding and Excellent, SOCSO gives priority to human capital excellence and development as Thrust 1 in the SOCO Strategic Plan 2016 - 2020. This stipulation is based on the belief that qualifty of service delivery to customers is closely related and interdependent on strategies and initiatives in developing human capital to an excellent level.



PERHUBUNGAN ANTARABANGSA
INTERNATIONAL RELATIONS

INTERNATIONAL SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ISSA) REGIONAL SOCIAL SECURITY FORUM (RSSF) FOR ASIA AND THE PACIFIC 2018

Buat julung kali, Malaysia menerusi PERKESO telah diberi penghargaan oleh *International Social Security Association (ISSA)* sebagai tuan rumah bagi menganjurkan *Regional Social Security Forum (RSSF) for Asia and the Pacific 2018* yang telah diadakan di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur pada 2 - 4 Oktober 2018. Forum ini merupakan platform utama kepada pengamal keselamatan sosial dari seluruh dunia untuk berkongsi maklumat serta mengadakan perbincangan bagi menganalisa trend keselamatan sosial utama serta isu-isu yang menjadi keutamaan di rantau Asia Pasifik.

Forum bertaraf antarabangsa dan berprestij ini telah rasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan dimeriahkan dengan 5 orang tetamu kehormat dengan kehadiran 145 delegasi luar negara, 160 delegasi dalam negara serta 65 orang tetamu jemputan daripada seluruh dunia yang merupakan institusi ahli *ISSA*.

YAB Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kesejahteraan sosial rakyat Malaysia menjadi keutamaan Kerajaan agar perlindungan yang disediakan lebih holistik dan merangkumi semua lapisan masyarakat termasuklah pekerja, pekerja sendiri, suri rumah, orang tua dan kanak-kanak serta orang kurang (kelainan) upaya dengan memastikan faedah yang berkaitan dapat disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

INTERNATIONAL SOCIAL SECURITY ASSOCIATION (ISSA) REGIONAL SOCIAL SECURITY FORUM (RSSF) FOR ASIA AND THE PACIFIC 2018

For the first time ever, Malaysia, through SOCSO, has been given the honour by the International Social Security Association (ISSA) to host the Regional Social Security Forum (RSSF) for Asia and the Pacific 2018 which was hle at the Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur from 2nd to 4th October 2018. The forum served as a main platform for social security practitioners worldwide to share information as well as hold discussions to analyse key social security trends and the issues that have become the priority in the Asia Pacific region.

This international and prestigious forum was officially opened by YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister of Malaysia and was graced by 5 dignitaries, as well as the presence of 145 foreign delegates, 160 local delegates and 65 invited guests from all over the world comprising ISSA members.

The Deputy Prime Minister in her speech said that the social wellbeing of the Malaysian people has been made a priority of the Government so that the protection provided can be more holistic and encompass all levels of society including employees, the self-employed, housewives, the elderly and children as well as the disabled, by ensuring that the relevant benefits can be channelled to those in need.

Delegasi RSSF for Asia and the Pacific 2018 bergambar kenangan bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia
Photograph of RSSF for Asia and the Pacific 2018 delegates with YAB Deputy Prime Minister of Malaysia

Bersama penganjuran forum ini, pihak *ISSA* juga telah mengadakan program khas iaitu *The ISSA Good Practice Award* yang mana dalam majlis penganugerahan tersebut, PERKESO telah berjaya mendapat tiga (3) pengiktirafan menerusi dua *Certificate of Merit iaitu Commuting Safety Support Programme* (Kategori: *Prevention of Occupational Risk, Service Quality*) dan *Enforcement Transformation Initiative* (Kategori: *Contribution Collection and Compliance, Information and Communication Technology*) serta *Certificate of Excellence for the Successful Application of the ISSA Guidelines on Workplace Health Promotion*.

Penyampaian ucaptama perasmian *ISSA RSSF 2018 for Asia and the Pacific* oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia
Keynote address by YAB Deputy Prime Minister of Malaysia at the opening of ISSA RSSF 2018 for Asia and the Pacific.

Pihak *ISSA* menerusi ucapan penutup Presiden, telah mengungkapkan TAHNIAH dan syabas kepada pihak PERKESO di atas kejayaan menganjurkan *RSSF for Asia and the Pacific 2018* yang diistilahkan sebagai melangkaui ekspektasi para delegasi dalam dan luar negara serta mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan usaha gigih semua ahli *National Organising Committee (NOC)* yang telah merancang dan menguruskan perjalanan forum tersebut dengan lancar dan sempurna.

SYABAS dan TAHNIAH PERKESO di atas kejayaan cemerlang dalam menganjurkan satu lagi forum bertaraf antarabangsa yang pastinya memberi impak dan imej yang gemilang kepada Malaysia di persada antarabangsa.

The Deputy Prime Minister in her speech said that the social wellbeing of the Malaysian people has been made a priority of the Government so that the protection provided can be more holistic and encompass all levels of society including employees, the self-employed, housewives, the elderly and children as well as the disabled, by ensuring that the relevant benefits can be channelled to those in need.

Together with the Forum, ISSA also held a special programme, the ISSA Good Practice Award, wherein SOCSO was recognised with two Certficates of Merit, namely, Commuting Safety Support Programme (Category: Prevention of Occupational Risk, Service Quality) and Enforcement Transformation Initiative (Category: Contribution Collection and Compliance, Information and Communication Technology), as well as a Certificate of Excellence for the Successful Application of the ISSA Guidelines on Workplace Health Promotion.

The ISSA, through its President's closing remarks, congratulated SOCSO on the success of RSSF for Asia and the Pacific 2018 which was described to have exceeded the expectiations of the delegates, local and foreign. The ISSA also thanked all members of the National Organising Committee (NOC) for their cooperations and effort in planning and managing the said forum smoothly and perfectly.

SYABAS and CONGRATULATIONS, SOCSO, on the excellent success in organising another international forum that surely gives outstanding impact and image to Malaysia on the world stage.

LAWATAN DELEGASI DARI DALAM DAN LUAR NEGARA

VISIT BY DOMESTIC AND FOREIGN DELEGATION

NIOSH SRI LANKA DIDEDAHKAN DENGAN KEMPEN PERJALANAN SELAMAT

Seramai sembilan orang pegawai *National Institute of Safety and Health (NIOSH)* Sri Lanka berpeluang mendengar sendiri pendedahan mengenai aktiviti pencegahan dan promosi kesihatan PERKESO menerusi pembentangan yang disampaikan sendiri oleh Encik Harun Bakar, Pengurus Cawangan Bencana Kerja, Bahagian Pencegahan dan Promosi Kesihatan Pekerjaan. Lawatan pada 28 Februari 2018 ini turut dihadiri dua orang wakil NIOSH Malaysia. Dalam sesi yang sama, delegasi ini didedahkan tentang program pemeriksaan kesihatan, kempen pencegahan kemalangan di tempat kerja dan seminar pencegahan kemalangan yang dijalankan oleh PERKESO. Ini sebagai salah satu usaha PERKESO mengekang kadar kemalangan yang semakin meningkat terutamanya di kalangan penunggang motosikal di Malaysia. Menerusi lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan baik antara kedua negara dan saling bertukar pandangan mengenai peranan dan fungsi masing-masing.

SRI LANKAN NIOSH EXPOSED TO SAFE COMMUTING CAMPAIGN

Nine officers from the National Institute of Safety and Health (NIOSH) Sri Lanka had the opportunity to see for themselves prevention and health promotion activities carried out by SOCSO, during a presentation by Encik Harun Bakar, Manager of the Employment Injury Branch, Prevention and Occupational Health Promotion Division. The visit which took place on 28th February 2018 was also joined by two representatives from NIOSH Malaysia. During the session, the delegates were briefed on the health screening programme, prevention of accident at the workplace campaign as well as the accident prevention seminar conducted by SOCSO. This is one of SOCSO's efforts to curb the rising rate of accident, especially amongst motorcyclists in Malaysia. The visit fostered closer relationship between the two countries with the delegates exchanging views on their roles and functions respectively.

KUNJUNGAN KEMENTERIAN KESIHATAN & KEBAJIKAN KELUARGA, BANGLADESH

Pencarum perlu memanfaatkan hak mereka dengan mengetahui bagaimana membuat tuntutan faedah kepada PERKESO terutamanya apabila melibatkan aspek kesihatan. Ini ditegaskan oleh Dr. Azlan Darus, Ketua Bahagian Pencegahan, Kesihatan dan Pemulihan dalam pembentangan beliau ketika sesi lawatan delegasi dari Kementerian Kesihatan & Kebajikan Keluarga, Bangladesh pada 13 Mac 2018 yang lalu. Panduan mengenai *Guidelines on Impairment and Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity,* Program *Return To Work*, Pusat Rehabilitasi Tun Abdul Razak dan Program Saringan Kesihatan turut diterangkan kepada barisan delegasi yang hadir. Delegasi ini turut disertai oleh wakil dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

VISIT BY THE MINISTRY OF HEALTH & FAMILY WELFARE, BANGLADESH

Contributors need to take advantage of their rights by knowing how to make benefits claims against SOCSO, especially when health is involved. This was reiterated by Dr. Azlan Darus, Head of the Prevention, Health and Rehabilitation Division in his presentation during the visit by delegates from the Ministry of Health & Family Welfare, Bangladesh on 13th March 2018. The delegates were also briefed on the Guidelines on Impairment and disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity, the Return To Work Programme, the Tun Abdul Razak Rehabilitation Centre and the Health Screening Programme. The delegation included representatives from Universiti Putra Malaysia (UPM).

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITIES (CSR)

BERKONGSI REZEKI TAHUN BARU CINA

Simbolik tahun anjing membawa erti kebaikan dan sifat pemurah. Rezeki dikongsi bersama, kegembiraan turut dirasa. Menerusi Majlis Sambutan Tahun Baru Cina PERKESO yang diadakan di Pejabat PERKESO George Town, Pulau Pinang, sumbangan dan faedah diberikan kepada penerima-penerima faedah PERKESO yang hadir.

Seramai 40 penerima faedah orang tanggungan yang terdiri daripada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal menyertai majlis ini. Tidak terkecuali, 10 orang penerima faedah lain juga turut diraikan bersama. YBhg. Datin Azlaily Abd Rahman, Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat) PERKESO menyampaikan sumbangan wang 'ang pow' dan hamper kepada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal manakala cek faedah dan alat bantuan pemulihan diberikan kepada penerima faedah PERKESO.

Keseluruhan bayaran faedah tunai berjumlah RM203,509.14 termasuk pembekalan peralatan pemulihan kepada empat orang penerima faedah PERKESO di bawah pencen ilat telah disampaikan dalam majlis ini.

SHARING PROSPERITY DURING THE CHINESE NEW YEAR

The year of the dog means goodness and generosity. Prosperity is shared, as is happiness. During the SOCSO Chinese New Year celebrations held at the George Town SOCSO Office, Pulau Pinang, contributions and benefits were presented to the SOCSO benefit recipients present.

A total of 40 recipients of dependants' benefits comprising orphans and single mothers attended the event. 10 other benefit recipients were also celebrated. YBhg. Datin Azlaily Abd. Rahman, Deputy Chief Executive (Corporate) of SOCSO presented 'ang pows' and hampers to the orphans and single mothers, whereas the benefits cheques and rehabilitation aid were presented to all SOCSO benefits recipients.

Overall, a sum of RM203,509.14 was paid out in cash benefits payments, including presentation of rehabilitation equipemtn to four SOCSO benefits recipients under the invalidity pension during the ceremony.

SAMBUTAN DEEPAVALI LEBIH CERIA DAN BERMAKNA

Hiasan "kolam" yang indah di ruang pintu masuk Dewan Bandaran Ipoh menyambut kehadiran anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal yang dilindungi PERKESO serta penerima-penerima faedah yang meraikan perayaan Deepavali di Ipoh, Perak. Tarian Merak yang mengiringi ketibaan YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu, Menteri Besar Perak, YB M. Kulasegaran, Menteri Sumber Manusia dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO turut memeriahkan majis tersebut. Kegembiraan menyambut Deepavali, juga dikenali sebagai Diwali turut dikongsi bersama anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal yang hadir dengan pemberian saguhati duit raya dan hamper. Selain itu, cek faedah dan alat bantuan pemulihan seperti lampin pakai buang dan kerusi roda turut diserahkan kepada penerima-penerima faedah yang diraikan. Pemberian duit raya tersebut diharapkan bukan sahaja menceriakan jiwa anak-anak yatim yang teruja menyambut Deepavali tetapi juga dapat membantu ibu-ibu tunggal dalam membuat persiapan perayaan. Sumbangan yang kecil tetapi bermakna inilah menjadi simbol betapa PERKESO sangat menitikberatkan kebajikan Orang Berinsurans yang dilindungi.

Kebaikan mengatasi kejahatan, cahaya menerangi kegelapan. Begitulah juga diibaratkan bantuan yang dihulurkan oleh PERKESO terhadap Orang Berinsurans yang terbencana untuk meneruskan kehidupan mereka. YB M. Kulasegaran menegaskan keselamatan dan kesihatan pekerja yang terjamin adalah amat penting dalam usaha membangunkan sumber tenaga kerja yang mahir, berpengetahuan serta kompetitif dalam persekitaran perhubungan perusahaan yang harmoni.

A DEEPAVALI CELEBRATION WITH MORE HAPPENING AND MEANING

Beautiful *'kolam'* decorations at the lobby of the Dewan Bandaran Ipoh greeted the arrival of orphans and single mothers under the protection of SOCSO, as well as the benefits recipients celebrating Deepavali in Ipoh, Perak. The Peacock Dance that accompanied the arrival of YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu, Chief Minister of Perak, YB M. Kulasegaran, Minister of Human Resources and YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO also enlivened the event. The joy of Deepavali, also known as Diwali, was shared with the orphans and single mothers present with the presentation of cash gifts and hampers. In addition, benefits cheques and rehabilitation equipment such as disposable diapers and wheelchairs were also presented to the benefits recipients being celebrated. It was hoped that the cash gifts would not only bring happiness to the orphans who were excited in celebrating Deepavali, but also help the single mothers in preparation for the celebration. Such small but meaningful contribution becomes a symbol of the extent to which SOCSO is concerned about the welfare of the Insured Persons it protects.

Good defeats evil, light brightens darkness. That is an apt analogy for the aid given by SOCSO to Insured Persons who are injured, so as to continue with their lives. YB M. Kulasegaran reiterated that the guaranteed safety and health of workers is very important in developing a workforce that is skilful, knowledgeable and competitive in a harmonious environment of industrial relations.

MENJELANG RAMADHAN, MEDIA DAN PENERIMA FAEDAH DIRAIKAN

Bulan kemuliaan yang dinanti-nantikan kini telah tiba. Sudah tentunya jiwa insan-insan yang telah kehilangan orang yang tersayang akan tersentuh apabila tidak dapat bersama-sama menikmati keindahan bulan Ramdhan. Bagi meraikan dan menceriakan anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal yang juga merupakan orang tanggungan di bawah perlindungan PERKESO serta penerima-penerima faedah yang lain, Majlis Iftar PERKESO 2018 diadakan di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*.

PERKESO menzahirkan keprihatinan terhadap Orang Berinsurans serta rakan-rakan media yang telah banyak membantu mempromosikan dan menghebahkan perkembangan PERKESO. Wajah keterujaan anak-anak yatim menambah keriangan suasana majlis iftar yang telah diadakan. Turut bersama PERKESO buat pertama kalinya, YB M. Kulasegaran, Menteri Sumber Manusia yang tidak melepaskan peluang ini untuk menyelami jiwa orang-orang berinsurans. Dalam ucaptama perasmian, beliau berkata fokusnya adalah untuk memperkasakan PERKESO sebagai sebuah agensi yang unggul dalam menyediakan perlindungan keselamatan sosial untuk seluruh warga pekerja di Malaysia. PERKESO turut memberikan sumbangan duit raya dan hamper kepada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal. Selain itu, cek faedah dan alat bantuan pemulihan juga diserahkan kepada penerima-penerima faedah PERKESO yang hadir. Semoga sumbangan dan faedah tersebut dapat membantu mereka dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang dinantikan.

MEDIA AND BENEFITS RECIPIENTS CELEBRATED AS RAMADHAN APPROACHES

As the holy month that is much awaited for approaches, those who have lost loved ones would surely be affected for not being able to enjoy the beauty of Ramdhan. In order to celebrate and bring joy to the orphans and single mothers who are dependants under the SOCSO protection schemes, as well as other benefits recipients, the SOCSO Iftar 2018 was held at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

SOCSO expressed its concern for Insured Persons as well as media partners who have greatly helped in promoting and announcing the development of the organisation. The excited faces of the orphans added to the joy of the iftar ceremony held. Also present for the first time with SOCSO was YB M. Kulasegaran, Minister of Human Resources who did not miss the opportunity to get to know the Insured Persons. In his keynote address, he said that the focus is to strengthen SOCSO as a premier agency in providing social security protection to all the workforce in Malaysia. SOCSO also presented *'duit raya'* (cash gifts) and hampers to the orphans and single mothers. In addition, benefits cheques and rehabilation equipment were also presented to the SOCSO benefits recipients present. It was hoped that the contribution and benefits be of help for the recipients in preparing for the coming Hari Raya Aidilfitri celebrations.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITIES (CSR)

KRISMAS DIRAI MERIAH, MENYATUPADUKAN KAUM

Perayaan Krismas disambut meriah di Hotel Mudzaffar Shah, Melaka dengan susun atur dekorasi yang berwarna-warni bertemakan konsep minimalis dan tradisional. Kemeriahan perayaan ini turut dirasai anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal yang juga merupakan orang tanggungan pekerja yang dilindungi PERKESO. Kehadiran *"Santa Claus"* menyemarakkan lagi keseronokan dan kegembiraan anak-anak yatim sekali gus menjadi tarikan utama pada majlis tersebut. Persembahan yang menghiburkan daripada Persatuan Portugis Eurasian Melaka disusuli lagu-lagu Krismas klasik dan terkenal mengembalikan nostalgia keindahan sambutan perayaan ini di samping memupuk pengukuhan silaturrahim pelbagai kaum.

Dalam majlis sambutan ini, PERKESO mengambil kesempatan untuk memberikan sumbangan duit raya dan hamper kepada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal bersempena perayaan Krismas ini. Bantuan seperti cek faedah dan alat bantuan pemulihan pula diserahkan kepada penerima-penerima faedah PERKESO oleh YBrs. Tuan Lim Eng Hock, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia. Menerusi ucaptama perasmian oleh YBrs. Tuan Lim Eng Hock, beliau memaklumkan bahawa PERKESO akan memperluaskan perlindungan keselamatan sosial terhadap pekerja asing di Malaysia bermula 1 Januari 2019.

Kira-kira 1.8 juta pekerja asing di negara ini mempunyai dokumen dan permit yang sah. Ujarnya lagi, mereka akan dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja dan perlu dicarumkan oleh majikan. Beliau yakin PERKESO dapat mengharungi pelbagai cabaran dalam usaha memperluas jaringan keselamatan sosial ini. Majlis turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, wakil-wakil agensi luar dan wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO).

CHRISTMAS MERRILY CELEBRATED, BRINGING RACIAL UNITY

Christmas was celebrated joyously at Mudzaffar Shah Hotel, Melaka, with colourful decorations carrying a minimalist and traditional concept. The joy of the celebrations was also felt by the orphans and single mothers who were also dependants of workers protected under SOCSO. The appearance of Santa Claus brought further fun and joy to the orphans, thus becoming the main attraction of the event. An entertaining performance by the Eurasian Portuguese Association of Melaka, followed by classic and well-loved Christmas carols brought a hint of nostalgia to the celebrations, in addition fostering ties among the various races.

During the event, SOCSO took the opportunity to present cash gifts and hampers to the orphans and single mothers. Contributions in the form of benefits cheques and rehabilitation aids were presented to SOCSO benefits recipients by YBrs. Tuan Lim Eng Hock, Deputy Secretary General (Operations), Ministry of Human Resources. In his opening address, YBrs. Tuan Lim Eng Hock informed that SOCSO will expand its social security protection to foreign workers in Malaysia with effect from 1st January 2019.

There are approximately 1.8 million foreign workers with valid documents and permits in the country. He further said that they will be protected under the Employment Injury Scheme, for which contribution shall be paid by their employers. He expressed his confidence that SOCSO would be able to face the various challenges to come in expanding this social security network. The event was attended by heads of department and agencies under the Ministry of Human Resource, representatives of external agencies as well as Non-Governmental Organisations.

DIARI KORPORAT
CORPORATE DIARY

LABOUR DAY RUN AND RIDE 2018

PERKESO telah menganjurkan *Labour Day Run and Ride 2018* pada 29 April 2018 di Dataran Putrajaya. Program bertujuan bagi mempromosikan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya golongan pekerja. Dengan penyertaan lebih 7,500 orang peserta dalam acara ini, PERKESO berharap agar objektif mempromosikan kesihatan pekerja dapat dicapai. Di samping itu, acara ini juga diadakan bersempena Sambutan Hari Pekerja yang disambut pada 1 Mei 2018. Acara ini melibatkan acara larian sepanjang 5KM dan 10 KM manakala acara kayuhan sepanjang 20KM dan 40KM. Acara ini telah mendapat penyertaan daripada lebih 7,000 orang peserta.

Pelepasan peserta di garis permulaan *Run & Ride* pada 28 April 2018.
Flagging off participants at Run & Ride on 28th April 2018.

LABOUR DAY RUN AND RIDE 2018

SOCSO organised the Labour Day Run and Ride 2018 on 29th April 2018 at Dataran Putrajaya. The programme was held with a view to promoting a healthy lifestyle amongst the people of Malaysia, particularly the working group. With the participation of more than 7,500 people in the event, SOCSO hopes that the objective of promoting employee helath can be achieved. In addition, the event was also held in conjunction with the Labour Day Celebrations on 1st May 2018. The event involved 5KM and 10KM runs, as well as 20KM and 40KM rides. More than 7,000 participants entered the event.

LAWATAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA

Pada 22 Mei 2018, PERKESO menjadi agensi pilihan untuk dilawati sehari selepas YB Tuan M. Kulasegaran mengangkat sumpah sebagai Menteri Sumber Manusia. Turut serta hadir adalah YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Abas, Ketua Setiausaha KSM, YBhg. Dato' Mohamed Elias Abu Bakar, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM, YBhg. Dato' Amir Omar, Timbalan Ketua Setiausaha KSM serta Puan Betty Hasan, Setiausaha Bahagian Dasar KSM.

VISIT BY YB MINISTER OF HUMAN RESOURCES

On 22nd May 2018, SOCSO became the agency of choice for a visit one day after the swearing-in of YB Tuan M. Kulasegaran as the Minister of Human Resources. Also present were YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Abas, Secretary General of the Ministry of Human Resources, YBhg. Dato' Mohamed Elias Abu Bakar, Deputy Secretary General (Operations) of the Ministry of Human Resources, YBhg. Dato' Amir Omar, Deputy Secretary General of the Ministry of Human Resources as well as Puan Betty Hasan, Secretary of the Ministry's Policy Division.

PELANCARAN KAUNTER KHIDMAT RAKYAT KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Pada 7 Julai 2018 telah diadakan Majlis Pelancaran Pembukaan Kaunter Khidmat Rakyat di Pasar Awam Kampung Tawas, Ipoh yang bertujuan untuk mendekatkan Jabatan / Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti PERKESO, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dengan masyarakat setempat. Menurut YB Menteri, pemilihan lokasi pasar awam sebagai kaunter perkhidmatan kerana ia merupakan kawasan tumpuan masyarakat terutama golongan yang berpendapatan rendah (B40) dan ke bawah.

LAUNCH OF THE MINISTRY OF HUMAN RESOURCES' PUBLIC SERVICE COUNTER

On 7th July 2018 a ceremony to launch the Public Service Counter at Pasar Awam Kampung Tawas, Ipoh was held with the intention of bringing the departments / agencies under the Ministry of Human Resource such as SOCSO, Labour Department as well as the Occupational Safety and Health Department closer to the local communities. According to the Minister, the selection of the market as location of the service counter was due to it being a focal area for the community especially those from the lower income group (B40) and below.

MAJLIS PERASMIAN *MALAYSIA COMMUTING ACCIDENT AND ROAD SAFETY SEMINAR*

Malaysia Commuting Accident and Road Safety Seminar (Mycarss2018) telah dianjurkan oleh PERKESO pada 26 dan 27 Jun 2018 di PICC Putrajaya. Program bertemakan *"Fostering Commuting Safety Culture Towards Vision Zero"* telah dihadiri oleh 500 orang peserta yang terdiri daripada majikan, pekerja dan pengamal-pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

OPENING CEREMONY OF THE MALAYSIA COMMUTING ACCIDENT AND ROAD SAFETY SEMINAR

The Malaysia Commuting Accident and Road Safety Seminar (Mycarss 2018) was organised by SOCSO on 26th and 27th June 2018 at PICC Putrajaya. The programme themed "Fostering Commuting Safety Culture Towards Vision Zero" was attended by 500 participants comprising employers, employees and occupational safety and health practitioners.

PROGRAM BERSAMA MEDIA DAN PEMIMPIN MASYARAKAT

Pada 16 Oktober 2018, PERKESO telah mengadakan Program Bersama Media Dan Pemimpin Masyarakat bertempat di Hotel Seri Malaysia Taiping. Seramai 30 orang peserta terdiri daripada wakil-wakil pemimpin masyarakat serta wakil-wakil media dari Sinar Harian, Berita Harian, Bernama, Malaysia Nanban dan Sin Chew Daily yang telah hadir.

PROGRAMME WITH THE MEDIA AND COMMUNITY LEADERS

On 16th October 2018, SOCSO held a Prgramme with the Media and Community Leaders at Seri Malaysia Hotel, Taiping. A total of 30 participants comprising community leaders as well as representatives from Sinar Harian, Berita Harian, Bernama, Malaysia Nanban and Sin Chew Daily were in attendance.

DIARY KORPORAT
CORPORATE DIARY

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN KHIDMAT SETIA

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia Tahun 2017 diadakan pada 5 Mac 2018 bertempat di Hotel InterContinental Kuala Lumpur. Majlis ini merupakan acara tahunan PERKESO bagi menghargai anggota yang cemerlang dan setia berkhidmat bagi tempoh 20 dan 25 tahun di PERKESO telah dirasmikan oleh Mantan YB Menteri Sumber Manusia YB. Dato' Sri (Dr) Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

Seramai 129 anggota yang mendapat pencapaian cemerlang dan 25 penerima Anugerah Khidmat Setia (AKS) 20 dan 25 tahun bagi tahun 2017 telah diraikan dalam majlis ini. Encik Edmund Cheong Peck Huang telah dipilih bagi Anugerah Khas Pengerusi Lembaga (AKPL) PERKESO di atas kecemerlangan luar biasa *(outstanding achievement)* beliau yang telah mengharumkan nama PERKESO dan negara.

EXCELLLENT SERVICE AND LONG SERVICE AWARDS

The Excellent Service and Long Service Awards Ceremony 2017 was held on 5th March 2018 at InterContinental Hotel in Kuala Lumpur. This annual event was held to appreciate employees who have provided excellent and loyal service for a period of 20 and 25 years in SOCSO. The ceremony was officiated by the Former Minister of Human Resources, YB. Dato' Sri (Dr) Richard Riot Anak Jaem.

129 employees were awarded for their excellent service whereas 25 employees were given the Long Service Award for 20 and 25 years' service in 2017. Mr. Edmund Cheong Peck Huang was chosen to receive the Chairman of the Board's Special Award for his outstanding achievement in bringing glory to SOCSO as well as the country.

SAMBUTAN HARI PEKERJA 2018

Sambutan Hari Pekerja telah dilangsungkan pada 1 Mei 2018 di PWTC, Kuala Lumpur. "Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara" telah dipilih sebagai tema Hari Pekerja pada tahun 2018.

SambutanHariPekerjadiadakanbagimengiktirafdanmenghargai sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara selain mengeratkan semangat kerjasama dan permuafakatan secara "tripartisme" antara tiga pihak iaitu Kerajaan, Majikan dan Pekerja. PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk menilai pencalonan anugerah-anugerah yang telah dipertandingkan di peringkat kebangsaan.

LABOUR DAY CELEBRATIONS 2018

The Labour Day Celebrations held on 1st May 2018 at PWTC, Kuala Lumpur *"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"* (Skilled Workers the Anchor of the Nation's Excellence) was chosen as the theme for 2018.

The celebrations were held to acknowledge and appreciate the contribution of workers to the country's development, in addition to foster the spirit of tripartism cooperation and togetherness between the three parties, namely, the Government, Employers and Employees. SOCSO was given the responsibility of evaluating the candidates for awards contested at national level.

DIARY KORPORAT
CORPORATE DIARY

SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN DAN MEMBACA 2018

Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan adalah pada Bulan Oktober setiap tahun. PERKESO mengambil peluang untuk bersama-sama menyambut dan mengadakan program-program dalaman kepada anggota dengan objektif untuk memperkukuhkan perpaduan bangsa melalui Bahasa Kebangsaan dan Membudayakan Amalan Membaca.

Majlis Perasmian telah diadakan pada 26 September 2018 dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman Bin Dato' Aziz Mohammed Ketua Eksekutif PERKESO semasa Perhimpunan Pagi Bulanan manakala Majlis Kemuncak Bulan Bahasa Kebangsaan dan Membaca PERKESO beserta penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan telah diadakan pada 13 November 2018 bertempat di Dewan Intan Tingkat 8, Menara PERKESO. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran penceramah jemputan iaitu Encik Mohd Sukur Ibrahim dengan ceramah beliau yang penuh inspirasi bertajuk "Kejayaan Yang Dicipta Secara Luar Biasa".

NATIONAL LANGUAGE AND READING MONTH 2018

The National Language Month is held in October of each year. SOCSO took the opportunity to join in the celebration and organised internal programmes with its employees with the objective of consolidating racial unity through the National Language and Enculturation of Reading Habit.

The opening ceremony was held on 26th September 20 918 and was officiated by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO during the Monthly Morning Assembly whereas the SOCSO National Language and Reading Month Summit as well as prize giving ceremony were held on 13th November 2018 at Dewan Intan Tingkat 8, Menara PERKESO. The ceremony was graced by the presence of invited speaker, Encik Mohd Sukur Ibrahim who gave an inspiring speech entitled *"Kejayaan Yang Dicipta Secara Luar Biasa"*.

PENGURNIAAN DARJAH DAN PINGAT KEBESARAN

Pada tahun 2018, seramai enam (6) orang anggota telah dianugerahkan darjah dan pingat kebesaran daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri seperti Jadual 27 berikut:

CONFERRING OF AWARDS AND MEDALS

In 2018, a total of six (6) SOCSO employees were conferred titles and awards by the Federal and State Governments as shown in Table 27 below:

JADUAL 27 ▶ SENARAI PENERIMA ANUGERAH KEBESARAN

TABLE 27 ▶ LIST OF RECIPIENTS OF AWARDS

ANUGERAH / AWARD	PENERIMA / RECIPIENT	PEJABAT / OFFICE
Darjah Seri Melaka (D.S.M.)	**Encik Borhan bin Osman**	Bahagian Perundangan Legal Division
Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)	**Puan Noorhanita binti Mohamad**	Bahagian Faedah Benefits Division
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	**Encik Mohd Asri bin Mohd Rasid**	Pejabat PERKESO Negeri Perlis SOCSO Perlis State Office
Bintang Kinabalu (B.K.)	**Encik Awang Jaafar bin Ampuan Tuah**	Pejabat PERKESO Beaufort SOCSO Beaufort Office
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M.)	**Puan Shuheria binti Haji Daud**	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang SOCSO Pulau Pinang State Office
Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T.)	**Encik Abd Rahman bin Wasli**	Pejabat PERKESO Sri Aman SOCSO Sri Aman Office

PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENTS

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 9 hingga 56.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

a. **Liabiliti Terkurang Nyata Bagi Geran Pembangunan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) – RM60.21 juta**

Pertubuhan Keselamatan Sosial telah menerima geran Kerajaan berjumlah RM52.00 juta bagi Projek Dana Bantuan Kehilangan Pekerjaan pada tahun 2011 dan sejumlah RM70.00 juta diterima pada tahun 2017 bagi Program Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Akta 800 menjadikan jumlahnya RM122.00 juta.

Pada tahun 2018, keseluruhan geran berjumlah RM122.00 juta telah direkodkan sebagai hasil walaupun hanya sejumlah RM61.79 juta sahaja yang telah dibelanjakan dengan kebenaran. Baki geran berjumlah RM60.21 juta sepatutnya direkodkan sebagai liabiliti yang menyebabkan liabiliti bukan semasa terkurang nyata dan hasil terlebih nyata berjumlah RM60.21 juta dalam Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial Tahun 2018.

b. **Penggunaan Geran Pembangunan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Tidak Menepati Tujuan – RM40.35 juta**

Pertubuhan Keselamatan Sosial telah membelanjakan sejumlah RM40.35 juta bagi perbelanjaan yang tidak menepati tujuan geran yang sepatutnya. Perbelanjaan Am, Emolumen, Bekalan dan Perkhidmatan, Cukai dan Perkhidmatan serta Ubahsuai Pejabat telah digunakan daripada Geran Pembangunan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Ini menyebabkan Geran Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah terlebih belanja dan baki Geran Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berkurangan sebanyak RM40.35 juta.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

2 / 4

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pertubuhan Keselamatan Sosial.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

3 / 4

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

a. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) menghendaki semua pekerja dalam perusahaan yang tertakluk pada Akta ini diinsuranskan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta ini. Pengauditan penyata kewangan yang dilaksanakan menunjukkan wujud perbezaan rekod caruman di antara Buku Tunai dan Automated SOCSO Integrated System (ASSIST) bagi Akta 4 berjumlah RM4.70 juta dan bagi Akta 800 berjumlah RM17.93 juta pada 31 Disember 2018. Pertubuhan Keselamatan Sosial hendaklah memastikan rekod caruman dan rekod lain sentiasa bersesuaian dan kemas kini dengan rekod kewangan dalam penyediaan penyata kewangan yang tepat dan betul. Pertubuhan Keselamatan Sosial perlu memastikan penyediaan penyata kewangan adalah teratur dan mematuhi piawaian perakaunan yang diguna pakai.

b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
22 OGOS 2019

4 / 4

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

STATEMENT BY THE CHAIRMAN AND A MEMBER OF THE BOARD SOCIAL SECURITY ORGANIZATION

Kami, TUAN ZAKRI BIN MOHD KHIR dan DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL pada 31 Disember 2018 dan hasil operasinya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

We, TUAN ZAKRI BIN MOHD KHIR and DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED being the Chairman and a Member of the Board of the SOCIAL SECURITY ORGANIZATION do hereby state that, in the opinion of the Board, the accompanying Financial Statements which include the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets and Cash Flow Statement together with the notes to the Financial Statements are drawn up so as to give a true and fair view of the financial position of the SOCIAL SECURITY ORGANIZATION as at 31 December 2018 and of the results of its operations and changes in the in the financial position for the year ended on that date.

Bagi pihak Lembaga,
On behalf of the Board,

Nama / Name : TUAN ZAKRI BIN MOHD KHIR

Gelaran / Title : Pengerusi, Lembaga PERKESO
Chairman, Board of SOCSO

Tarikh / Date : 12 JUL 2019

Tempat / Place : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,
On behalf of the Board,

Nama / Name : DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

Gelaran / Title : Ketua Eksekutif, PERKESO
Chief Executive, SOCSO

Tarikh / Date : 12 JUL 2019

Tempat / Place : KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

DECLARATION BY THE OFFICER PRIMARILY RESPONSIBLE FOR THE FINANCIAL MANAGEMENT OF THE SOCIAL SECURITY ORGANIZATION

Saya, ROSMAWATI BINTI ZAINUDDIN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

I, ROSMAWATI BINTI ZAINUDDIN, being the officer primarily responsible for the financial management and accounting records of the SOCIAL SECURITY ORGANIZATION, do solemnly and sincerely declare that the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets and Cash Flow Statement and the accompanying notes to the Financial Statements there in, to the best of my knowledge and belief, are correct and I make this solemn declaration conscientiously believing it to be true and by virture of the provision of the Statutory Declarations Act, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di KUALA LUMPUR pada

Subscribed and solemnly declared by the abovenamed in KUALA LUMPUR on 12 JUL 2019

ROSMAWATI BINTI ZAINUDDIN
Ketua Bahagian
Bahagian Kewangan
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Head Of Division
Finance Division
Social Security Organization

Di hadapan saya,
Before me,

PESURUHJAYA SUMPAH
MOHD SOCIAL BIN OSMAN
TEMPOH LANTIKAN
01-01-2019-31-12-2021
KUALA LUMPUR

No. 5-2, Jalan AU 1A/4
Taman Keramat Permai
54200 Kuala Lumpur, Malaysia

PESURUHJAYA SUMPAH
COMMISSIONER FOR OATHS

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2018
STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS AT 31 DECEMBER 2018

	Nota Note	31 Disember 31 December 2018	31 Disember 31 December 2017
		(RM'000)	(RM'000)
ASET / ASSETS			
Aset Semasa **Current Assets**			
Urus Niaga Pertukaran Pinjaman Loans From Exchange Transactions	8	114,346	109,649
Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Financial Investments Available-For-Sale	9	1,032,594	1,122,512
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Receivables From Exchange Transactions	12	202,438	242,463
Urus Niaga Bukan Pertukaran Boleh Pulih Recoverables From Non-Exchange Transactions	13	316,940	262,069
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen Deposit With Licensed Financial Institutions	14	3,901,700	3,131,900
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Cash And Cash Equivalents	15	1,569,653	3,190,613
Jumlah Aset Semasa / Total Current Assets		**7,137,671**	**8,059,206**
Aset Bukan Semasa **Non-Current Assets**			
Hartanah Dan Peralatan Property And Equipment	5	804,898	756,671
Perisian Komputer Computer Softwares	6	118,692	170,154
Hartanah Pelaburan Investment Properties	7	1,328,000	591,949
Urus Niaga Pertukaran Pinjaman Loans From Exchange Transactions	8	429,062	540,616
Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Financial Investments Available-For-Sale	9	19,207,514	17,881,202

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2018 (samb)
STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS AT 31 DECEMBER 2018 (cont'd)

	Nota Note	31 Disember 31 December 2018	31 Disember 31 December 2017
		(RM'000)	(RM'000)
Aset Kewangan Dinyatakan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan Atau Kurangan Financial Assets Designated At Fair Value Through Surplus Or Deficit	10	61,361	63,237
Aset Kewangan Derivatif Derivative Financial Assets	11	125	134
Jumlah Aset Bukan Semasa / Total Non-Current Assets		**21,949,652**	**20,003,963**
Jumlah Aset / Total Assets		**29,087,323**	**28,063,169**
LIABILITI / LIABILITIES			
Liabiliti Semasa **Current Liabilities**			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar Lain Other Payables From Exchange Transactions	16	290,347	188,652
Peruntukan Bagi Manfaat Anggota Provision For Staff Benefits	17	11,955	11,000
Jumlah Liabiliti Semasa / Total Current Liabilities		**302,302**	**199,652**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2018 (samb)
STATEMENT OF FINANCIAL POSITION AS AT 31 DECEMBER 2018 (cont'd)

	Nota Note	31 Disember 31 December 2018	31 Disember 31 December 2017
		(RM'000)	(RM'000)
Liabiliti Bukan Semasa **Non-Current Liabilities**			
Peruntukan Bagi Manfaat Anggota Provision For Staff Benefits	17	712,183	662,014
Geran Kerajaan Government Grant	18	–	136,952
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa / Total Non-Current Liabilities		**712,183**	**798,966**
Jumlah Liabiliti / Total Liabilities		**1,014,485**	**998,618**
Aset Bersih / Net Assets		**28,072,838**	**27,064,551**
Aset Bersih / Net Assets			
Lebihan Terkumpul Accumulated Surplus		–	–
Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserves		27,166,536	25,808,789
Rizab Sedia Untuk Dijual Available-For-Sale ("AFS") Reserves		906,302	1,255,762
Jumlah Aset Bersih / Total Net Assets		**28,072,838**	**27,064,551**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
STATEMENT OF FINANCIAL PERFORMANCE FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018

	Nota Note	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran **Revenue From Non-Exchange Transactions**			
Pendapatan Caruman Contributions Income		4,301,693	3,560,970
Geran Kerajaan Government Grant		122,000	60,000
Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran **Revenue From Exchange Transactions**			
Pendapatan Kasar Pelaburan Gross Investment Income	19	1,570,576	1,261,236
Dividen Dividend		134,166	139,446
Keuntungan Daripada Penjualan Gains From Divestment		406,936	262,990
Pendapatan Faedah Interest Income		980,734	888,377
Keuntungan / (Kerugian) Belum Realis Daripada Penilaian Semula Aset Kewangan Unrealised Gains / (Losses) From Revaluation Of Financial Assets		(2,628)	15,257
Lain-lain Pendapatan Pelaburan Other Investment Income		51,368	(44,834)
Lain-lain Pendapatan Bukan Pelaburan Other Non-Investment Income	19	62,940	72,185
		1,633,516	1,333,421
Jumlah Hasil / Total Revenue		**6,057,209**	**4,954,391**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (samb)

STATEMENT OF FINANCIAL PERFORMANCE FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018 (cont'd)

	Nota Note	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Belanja / Expenses			
Tuntutan Dan Faedah Bersih Net Claims And Benefits	20	(3,698,149)	(3,264,867)
Belanja Berkaitan Faedah Benefits Related Expenses	21	(48,935)	(27,313)
Belanja Operasi Operating Expenses	22	(683,619)	(569,888)
(Kerugian Penjejasan) / Catatan Semula Aset Kewangan (Impairment Losses) / Writeback For Financial Assets	23	(268,759)	2,427
Jumlah Belanja / Total Expenses		**(4,699,462)**	**(3,859,641)**
Lebihan Bagi Tahun / Surplus For The Year		**1,357,747**	**1,094,750**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

STATEMENT OF CHANGES IN NET ASSETS FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018

	Rizab Sedia Untuk Dijual Available-For-Sale Reserves	Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserves			Lebihan Terkumpul Accumulated Surplus	Jumlah Aset Bersih Total Net Assets
		Skim Bencana Kerja Dan Keilatan Employment Injury And Invalidity Scheme	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri Self-Employed Employment Injury Scheme	Skim Insurans Pekerjaan Employment Insurance System Scheme		
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2018 Balance At 1 January 2018	1,255,762	25,749,654	59,135	–	–	27,064,551
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year	–	–	–	–	1,357,747	1,357,747
Penilaian Semula Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Revaluation Of Financial Investments Available-For-Sale	(349,460)	–	–	–	–	(349,460)
Pindahan Transfer	–	701,348	(1,757)	658,156	(1,357,747)	–
Baki Seperti Pada 31 Disember 2018 Balance As At 31 December 2018	**906,302**	**26,451,002**	**57,378**	**658,156**	**–**	**28,072,838**

PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENTS

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (samb)
STATEMENT OF CHANGES IN NET ASSETS FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2017 (cont'd)

	Rizab Sedia Untuk Dijual Available-For-Sale Reserves	Rizab Keselamatan Sosial Social Security Reserves			Lebihan Terkumpul Accumulated Surplus	Jumlah Aset Bersih Total Net Assets
		Skim Bencana Kerja Dan Keilatan Employment Injury And Invalidity Scheme	Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri Self-Employed Employment Injury Scheme	Skim Insurans Pekerjaan Employment Insurance System Scheme		
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2017 Balance At 1 January 2017	861,045	24,714,039	–	–	–	25,575,084
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year	–	–	–	–	1,094,750	1,094,750
Penilaian Semula Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Revaluation Of Financial Investments Available-For-Sale	394,717	–	–	–	–	394,717
Pindahan Transfer	–	1,035,615	59,135	–	(1,094,750)	–
Baki Seperti Pada 31 Disember 2017 Balance As At 31 December 2017	**1,255,762**	**25,749,654**	**59,135**	**–**	**–**	**27,064,551**

Nota : Rizab Keselamatan Sosial adalah rizab yang diketepikan daripada lebihan terkumpul bagi tujuan memenuhi komitmen bayaran jangka panjang kepada penerima faedah yang telah memenuhi syarat obligasi.

Note : Social Security Reserves are the reserves set aside from accumulated surplus for the purpose of meeting the long term payment commitment to beneficiaries that have met the obligation condition.

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI **CASH FLOW FROM OPERATING ACTIVITIES**		
Lebihan Bagi Tahun Surplus For The Year	**1,357,747**	**1,094,750**
Pelarasan Bagi: **Adjustments For:**		
Pendapatan Dividen Dividends Income	(134,166)	(139,446)
Pendapatan Faedah Interest Income	(1,002,665)	(918,871)
Keuntungan Yang Terbit Daripada Jualan / Penebusan Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Gains Arising From Sale / Redemption Of Financial Investments Available-For-Sale	(406,936)	(262,990)
(Keuntungan) / Kerugian Realis Atas Pertukaran Asing Realised (Gains) / Losses On Foreign Exchange	(17)	615
Pendapatan Sewa Daripada Hartanah Pelaburan Rental Income From Investment Property	(34,919)	(34,549)
Kerugian / (Keuntungan) Daripada Pelupusan Hartanah Dan Peralatan Losses / (Gains) From Disposal Of Property And Equipment	599	(63)
Kerugian Daripada Pelupusan Perisian Komputer Losses From Disposal Of Computer Software	8,746	–
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan Depreciation Of Property And Equipment	37,724	32,995
Pelarasan Nilai Saksama Atas Pelaburan Hartanah Fair Value Adjustment On Investment Properties	6,089	–
Pelunasan Perisian Komputer Amortisation Of Computer Softwares	39,500	38,110
Manfaat Anggota Staff Benefits	62,671	54,008

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (samb)

CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018 (cont'd)

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Hutang Ragu Pinjaman Anggota Dan Pendidikan Doubtful Debts On Staff And Education Loan	17	497
Hutang Ragu Perbelanjaan Faedah Doubtful Debts On Benefits Expenditure	505	165
Hapus Kira Penghutang Pinjaman Pendidikan Education Loan Debtors Written Off	827	803
Hapus Kira Penghutang Pinjaman Anggota Staff Loan Debtors Written Off	24	–
Hapus Kira Pelbagai Penghutang Sundry Debtors Written Off	77	94
Pinjaman Pendidikan Ditukar Kepada Biasiswa / Kematian Education Loan Converted To Scholarship / Death	100	105
Kerugian / (Keuntungan) Belum Realis Daripada Aset Kewangan Yang Dinyatakan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan Unrealised Losses / (Gains) From Financial Assets Designated At Fair Value Through Surplus Or Deficit	2,642	(15,123)
Keuntungan Belum Realis Daripada Penilaian Semula Aset Kewangan Derivatif Unrealised Gains From Revaluation Of Derivative Financial Assets	(14)	(134)
Kerugian / (Catatan Semula) Penjejasan Atas Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Impairment Losses / (Writeback) On Financial Investments Available-For-Sale	269,366	(1,729)
(Keuntungan)/Kerugian Belum Realis Atas Pertukaran Asing Unrealised (Gains) / Losses On Foreign Exchange	(22,521)	78,768
Tunai Daripada Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja **Cash From Operations Before Changes In Working Capital**	**185,396**	**(71,995)**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (samb)
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018 (cont'd)

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Perubahan Dalam Modal Kerja: **Changes In Working Capital:**		
Tambahan / (Kurangan) Dalam Modal Kerja: Increase / (Decrease) In Working Capital:		
Pelbagai Penghutang Dan Deposit Sundry Debtors And Deposits	(9,517)	(26,807)
Faedah Dan Tuntutan Belum Bayar Benefits And Claims Payables	102,416	(62,149)
Tunai Daripada Operasi Selepas Perubahan Dalam Modal Kerja Cash From Operations After Changes In Working Capital		
Pinjaman Anggota Dan Pendidikan Staff And Education Loans	(3,366)	(864)
Geran Kerajaan Government Grant	(136,952)	72,755
Peruntukan Manfaat Anggota Provision For Staff Benefits	(11,547)	(8,011)
Tunai Bersih Dijana / (Digunakan) Daripada Aktiviti Operasi **Net Cash Generated / (Used In) From Operating Activities**	**126,430**	**(97,071)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan **Cash Flows From Investment Activities**		
(Perolehan) / Pelupusan Bagi : (Acquisition) / Disposal For:		
Hartanah Dan Peralatan Property And Equipment	(86,641)	49,483
Perisian Komputer Computer Software	3,215	(205,148)
Hartanah Pelaburan Investment Properties	(742,140)	–
Pelaburan Kewangan Sedia Untuk Dijual Financial Investments Available-For-Sale	(1,426,490)	(2,576,340)

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (samb)

CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018 (cont'd)

	2018 (RM'000)	2017 (RM'000)
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen Deposit With Licensed Financial Institutions	(769,800)	2,883,600
Dividen Diterima Dividend Received	130,629	141,244
Faedah Diterima Interest Received	999,572	931,835
Pendapatan Sewa Diterima Daripada Hartanah Pelaburan Rental Income Received From Investment Properties	34,919	34,549
Hasil Daripada / Pelupusan Bagi: Proceeds From / Disposal Of:		
Hartanah Dan Peralatan Property And Equipment	91	125
Pinjaman Jaminan Kerajaan Government Guaranteed Loan	109,255	104,807
Tunai Bersih (Digunakan Dalam) / Dijana Daripada Aktiviti Pelaburan Net Cash (Used In) / Generated From Investing Activities	**(1,747,390)**	**1,364,155)**
(Kurangan) / Tambahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai Net (Decrease) / Increase In Cash And Cash Equivalents	(1,620,960)	1,267,084
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Seperti Pada 1 Januari Cash And Cash Equivalents As At 1 January	3,190,613	1,923,529
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Seperti Pada 31 Disember Cash And Cash Equivalents As At 31 December	**1,569,653**	**3,190,613**

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.
The accompanying accounting policies and explanatory notes form an integral part of the financial statements.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018

1. Maklumat Korporat Dan Aktiviti Utama

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Mulai 1 Julai 1985, PERKESO telah menjadi sebuah Badan Berkanun Persekutuan. PERKESO bertanggungjawab dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada orang berinsurans dan tanggungan mereka yang layak menerusi pembayaran faedah di bawah Skim-Skim Keselamatan Sosial di samping meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia.

PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu skim bencana pekerjaan dan skim pencen ilat. Skim-skim ini memberi perlindungan kepada para pekerja dan tanggungan yang layak apabila berlakunya kejadian luar jangka yang menimpa pekerja berkenaan seperti bencana pekerjaan, keilatan dan kematian. Skim ini turut menyediakan kemudahan pemulihan terhadap pekerja yang ditimpa bencana bagi membolehkannya kembali aktif dalam kehidupan harian dan kembali bekerja dengan secepat mungkin.

PERKESO juga menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 dan mentadbir skim bencana pekerjaan sendiri untuk pemandu teksi atau individu yang menjalankan perkhidmatan serupa berkuat kuasa pada 13 Jun 2017. Skim ini memberikan perlindungan kepada orang berinsurans yang bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan dan juga memberi faedah tunai kepada pemandu teksi dan tanggungan mereka di samping faedah perubatan, pemulihan fizikal dan latihan vokasional.

---

1. Corporate Information And Principal Activities

Social Security Organization (SOCSO) was established as a Government Department on 1st January 1971 to enforce the Employees Social Security Act 1969. It became a Federal Statutory Body on 1st July 1985. SOCSO is responsible in providing social security protection to insured persons and their eligible dependants through payment of benefits under Social Security Schemes besides increasing the awareness on employee's safety and health in Malaysia.

SOCSO administers two types of social security schemes, namely employment injury scheme and invalidity pension scheme. These schemes provide protection to employees and their eligible dependants in the occurrence of unforeseen events to the employee such as employment injury, invalidity and death. These schemes also provide rehabilitation facilities for injured employees, allowing them to regain their active daily life and return to work as soon as permitted.

SOCSO also enforces Self Employment Social Security Act 2017 and administer self-employed employment injury scheme for taxi driver or individuals carrying out similar services took effect on 13th June 2017. This scheme provides protection to self-employed insured persons from employment injuries including occupational diseases and accidents during work-related activities and also provides cash benefits to taxi drivers and their dependants besides providing medical care, physical rehabilitation and vocational training.

PERKESO juga telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 pada 1 Januari 2018 yang merupakan satu jaringan keselamatan sosial bagi membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan. Akta ini mengandungi 2 komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan yang memberi faedah melalui bantuan kewangan dan Dasar Pasaran Buruh Aktif sebagai komponen kedua yang menyediakan program latihan, insentif pekerjaan serta bantuan mencari pekerjaan. Faedah-faedah yang disediakan di bawah kedua-kedua komponen ini ialah Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Bekerja Semula Awal, Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Latihan, Yuran Latihan dan Perkhidmatan Pekerjaan. Akta ini dilaksanakan mulai 1 Januari 2018 dengan memberikan bayaran faedah interim sebanyak RM600 kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan sebagai pelaksanaan awalnya. Manakala pelaksanaan penuh faedah-faedah di bawah Akta ini dijalankan mulai 1 Januari 2019.

Ibu Pejabat PERKESO terletak di Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. PERKESO mempunyai 14 buah Pejabat Negeri, 39 buah Pejabat PERKESO di seluruh negara dan sebuah Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga PERKESO pada 12 Julai 2019.

2. Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

PERKESO terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko operasi. Secara umumnya, objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan adalah bertujuan meminimumkan risiko dalam pada mengoptimumkan pulangan kepada PERKESO.

SOCSO has also enforced the Employment Insurance System Act 2017 on 1st January 2018 which is a social security network to help workers who are losing their jobs. This Act contains two main components of Employment Insurance which benefits through financial assistance and the Active Labor Market Policy as the second component providing training programs, job incentives and job search assistance. Benefits provided under these two components are Employment Allowance, Early Retirement Allowance, Reduced Income Allowance, Training Allowance, Training Fee and Job Services. This Act was implemented from 1st January 2018 by providing interim benefits of RM600 to employees who lost their jobs as an initial exercise. Whereas the full implementation of the benefits under this Act is effective from 1 January 2019.

SOCSO's Headquarters is located at Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. It has 14 State Offices, 39 SOCSO offices nationwide and 1 SOCSO Rehabilitation Centre in Melaka.

The financial statements for the financial year ended 31 December 2018 were authorised for issue by the Board of SOCSO on 12th July 2019.

2. Financial Risk Management Objectives And Policies

SOCSO is exposed to various financial risks including market risks, credit risk, liquidity risk and operational risk. Generally, the objectives and policies of financial risk management are aimed at minimising risks in optimising returns to SOCSO.

2. Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (samb)

Risiko Kewangan

Risiko kewangan adalah berkaitan dengan pelbagai perubahan dalam aspek ekonomi yang memberi impak kepada kestabilan kewangan PERKESO. Terdapat tiga (3) jenis risiko kewangan yang dihadapi oleh PERKESO seperti berikut:

i. Risiko pasaran (yang terdiri daripada risiko kadar faedah dan risiko harga ekuiti);
ii. Risiko kredit; dan
iii. Risiko kecairan.

Polisi lengkap berkaitan setiap jenis risiko kewangan yang disenaraikan di atas adalah seperti yang didedahkan dalam Nota 27.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting

3.1 Penyata Pematuhan Dan Asas Penyediaan

PERKESO telah menerima pakai asas akruan daripada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) pada 1 Januari 2016. MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama satu tempoh sehingga tiga tahun untuk mengiktiraf dan / atau mengukur aset dan / atau liabiliti tertentu. Semasa peralihan kepada asas akruan MPSAS pada 1 Januari 2016, PERKESO telah memanfaatkan kelebihan daripada pengecualian peralihan ini untuk pengiktirafan peruntukan bagi faedah dan tuntutan yang telah memenuhi peristiwa yang menjadi tanggungannya. Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian dan pelaporan PERKESO. Dasar-dasar perakaunan telah diguna pakai secara konsisten sepanjang tempoh ini.

---

2. Financial Risk Management Objectives And Policies (cont'd)

Financial Risk

Financial risks are associated with various changes in economic aspects which give impact to the SOCSO financial stability. There are three (3) types of financial risks faced by the SOCSO as follows:

i. Market risk (which comprises of interest rate risk and equity price risk);
ii. Credit risk: and
iii. Liquidity risk.

Detailed policies pertaining to each type of financial risks as listed above are disclosed in Note 27.

3. Significant Accounting Policies

3.1 Statement Of Compliance And Basis Of Preparation

SOCSO adopted the accrual basis of Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSASs) on 1st January 2016. MPSAS 33 allows a first-time adopter a period of up to three years to recognize and/or measure certain assets and/or liabilities. In its transition to accrual basis MPSASs on 1st January 2016 and for the current financial year, SOCSO has taken advantage of this transitional exemption for the recognition of provisions for benefits and claims that has met the obligating event. The financial statements are presented in Ringgit Malaysia (RM), which is the functional and reporting currency of SOCSO and all values are rounded to the nearest thousand (RM'000). The accounting policies have been consistently applied throughout the period.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.1 Penyata Pematuhan Dan Asas Penyediaan (samb)

Penyata kewangan ini telah disediakan atas asas kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Penyata kewangan telah disediakan mengikut asas akruan.

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting

a) Pengiktirafan Pendapatan

Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Pendapatan Caruman

Pendapatan caruman daripada majikan dan pekerja diiktiraf apabila PERKESO mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk menerimanya.

Geran Kerajaan

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan adalah diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperolehi kawalan ke atas sesuatu aset (tunai) yang bebas daripada syarat-syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada PERKESO dan boleh diukur dengan pasti.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.1 Statement Of Compliance And Basis Of Preparation (cont'd)

The financial statements have been prepared on the basis of historical cost, unless stated otherwise. The cash flows statement is prepared using the indirect method. The financial statements are prepared on an accrual basis.

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies

a) Revenue Recognition

Revenue From Non-Exchange Transactions

Contribution Income

Contribution income from employers and employees is recognised when SOCSO has an enforceable right to receive it.

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan adalah diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperolehi kawalan ke atas sesuatu aset (tunai) yang bebas daripada syarat-syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada PERKESO dan boleh diukur dengan pasti.

Government Grant

Revenues from non-exchange transactions with Federal Government are measured at fair value and recognized on obtaining control of the asset (cash) that is free from conditions and it is probable that the economic benefits or service potential related to the asset will flow to SOCSO and can be measured reliably.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

a) Pengiktirafan Pendapatan (samb)

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diakrukan dengan menggunakan kaedah hasil efektif. Hasil efektif ini mendiskaunkan anggaran terimaan tunai masa hadapan di sepanjang jangkaan usia aset kewangan sehingga amaun yang dibawa bersih aset terbabit. Kaedah ini diaplikasikan kepada baki prinsipal untuk menentukan pendapatan faedah bagi setiap tempoh.

Dividen

Dividen atau agihan yang setara dengannya hendaklah diiktiraf apabila hak pemegang saham atau PERKESO untuk menerima bayaran tersebut ditentukan.

Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa hasil daripada pajakan operasi atas pelaburan hartanah dikira pada asas garis lurus di sepanjang tempoh pajakan dan diambil kira sebagai hasil.

Faedah Caruman Lewat Bayar Dan Kompaun

Faedah caruman lewat bayar dan kompaun diiktiraf atas asas tunai.

---

3. Signif icant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

a) Revenue Recognition (cont'd)

Revenue From Exchange Transactions

Interest Income

Interest income is accrued using the effective yield method. The effective yield discounts estimated future cash receipts through the expected life of the financial asset to that asset's net carrying amount. The method applies this yield to the principal outstanding to determine interest income each period

Dividend

Dividend or similar distributions must be recognised when the shareholder's or SOCSO's right to receive payments is established.

Rental Income

Rental income arising from operating leases on properties is accounted for on a straight-line basis over the lease terms and included in revenue.

Interest On Late Contribution And Compound

Interest on late contribution and compound are recognised on a cash basis.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

b) Pelaburan Hartanah

Hartanah pelaburan pada awalnya diukur pada kos yang mana termasuk kos urus niaga yang berkaitan. Amaun yang dibawa adalah termasuk kos penggantian komponen bagi hartanah pelaburan sedia ada pada masa kos tersebut dikenakan sekiranya kriteria pengiktirafan telah dipenuhi dan tidak termasuk kos penyelenggaraan harian bagi hartanah pelaburan.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama bagi hartanah pelaburan adalah berdasarkan penilaian oleh penilai bebas dan / atau penilai dalaman berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional diiktiraf yang bersesuaian dan pengalaman terkini berkaitan lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang terbit daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tahun kewangan di mana ianya berlaku.

Jika PERKESO menetapkan bahawa nilai saksama hartanah pelaburan dalam pembinaan tidak boleh ditentukan dengan pasti tetapi menjangka nilai saksama hartanah boleh ditentukan dengan pasti apabila pembinaan siap, PERKESO hendaklah mengukur hartanah pelaburan dalam pembinaan pada kos sehingga sama ada nilai saksamanya boleh ditentukan dengan pasti atau pembinaan siap sepenuhnya (yang mana terdahulu). Apabila PERKESO boleh mengukur dengan pasti nilai saksama hartanah pelaburan dalam pembinaan yang mana sebelumnya telah diukur pada nilai kos, PERKESO hendaklah mengukur hartanah itu pada nilai saksamanya.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

b) Investment Property

Investment properties are initially measured at cost, which includes related transaction costs. The carrying amount includes the replacement cost of components of an existing investment property at the time that cost is incurred if the recognition criteria are met and excludes the costs of day-to-day maintenance of an investment property.

After initial recognition, investment properties are stated at fair value. Fair values of investment properties are based on valuations by registered independent and/or in-house valuers and with appropriate recognised professional qualifications and recent experience in the location and category of the properties being valued. Gains or losses arising from changes in the fair values of investment properties are recognised in surplus or deficit in the financial year in which they arise.

If SOCSO determines that the fair value of an investment property under construction is not reliably determinable but expects the fair value of the property to be reliably determinable when construction is completed, SOCSO shall measure that investment property under construction at cost until either its fair value becomes reliably determinable or construction is completed (whichever is earlier). Once SOCSO is able to measure reliably the fair value of an investment property under construction that has previously been measured at cost, SOCSO shall measure that property at its fair value.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

b) Pelaburan Hartanah (samb)

Perbelanjaan berikutnya adalah dipermodalkan kepada amaun yang dibawa oleh aset berkenaan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada PERKESO dan kos bagi item berkenaan boleh diukur dengan pasti. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dibelanjakan apabila ianya berlaku. Apabila sebahagian daripada hartanah pelaburan diganti, amaun yang dibawa bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktirafkan.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktirafkan sama ada apabila ia telah dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan itu tidak digunakan secara kekal dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangkakan daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian yang terbit daripada penamatan atau pelupusan hartanah pelaburan ditentukan daripada perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dengan amaun yang dibawa oleh aset itu dan diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan dalam tempoh penamatan atau pelupusan itu.

Hartanah pelaburan akan dikelaskan semula sebagai hartanah dan peralatan apabila kegunaan hartanah berubah daripada hartanah pelaburan kepada yang diduduki oleh pemilik. Nilai saksamanya pada tarikh pengelasan semula itu akan menjadi kos untuk tujuan perakaunan berikutnya.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

b) Investment Property (cont'd)

Subsequent expenditure is capitalised to the asset's carrying amount only when it is probable that future economic benefits associated with the expenditure will flow to SOCSO and the cost of the item can be measured reliably. All other repairs and maintenance costs are expensed when incurred. When part of an investment property is replaced, the carrying amount of the replaced part is derecognised.

Investment properties are derecognised when either they have been disposed of or when the investment property is permanently withdrawn from use and no future economic benefit is expected from its disposal. The gain or loss arising from the retirement or disposal of an investment property is determined as the difference between the net disposal proceeds, if any, and the carrying amount of the asset and is recognised in surplus or deficit in the period of the retirement or disposal.

When the use of a property changes from investment property to owner-occupied, the property is reclassified as property and equipment. Its fair value at the date of reclassification becomes its cost for subsequent accounting purposes.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

c) Hartanah Dan Peralatan

Semua hartanah dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan perolehan item tersebut. Apabila bahagian signifikan hartanah dan peralatan perlu diganti pada masa tertentu, PERKESO mengiktiraf bahagian-bahagian tersebut sebagai aset-aset individu dengan usia guna tertentu dan menyusutnilaikannya dengan sewajarnya. Begitu juga, apabila pemeriksaan menyeluruh dilakukan, kosnya diiktiraf dalam amaun yang dibawa oleh hartanah dan peralatan terbabit sebagai suatu penggantian jika kriteria pengiktirafan tersebut dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila ianya berlaku. Jika suatu aset diperolehi dalam suatu urus niaga bukan pertukaran di mana balasannya adalah tiada atau pada nilai nominal, aset tersebut pada awalnya akan diukur pada nilai saksama.

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan hartanah dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusutnilaikan sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

c) Property And Equipment

All property and equipment are stated at cost less accumulated depreciation and impairment losses. Cost includes expenditure that is directly attributable to the acquisition of the items. When significant parts of property and equipment are required to be replaced at intervals, SOCSO recognises such parts as individual assets with specific useful life and depreciates them accordingly. Likewise, when a major inspection is performed, its cost is recognised in the carrying amount of the property and equipment as a replacement if the recognition criteria are satisfied. All other repair and maintenance costs are recognised in surplus or deficit as incurred. Where an asset is acquired in a non-exchange transaction for nil or nominal consideration, the asset is initially measured at its fair value.

Work in progress consists of works involving property and equipment that have not been completed until the end of the current financial year. Work in progress is stated at cost and is not depreciated until the asset is ready for use.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

c) Hartanah Dan Peralatan (samb)

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ianya mempunyai usia yang tidak terhad. Hartanah dan peralatan lain disusut nilai mengikut kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos kepada nilai sisanya di sepanjang anggaran usia guna yang diringkaskan seperti berikut:

Tanah pajakan	Baki tempoh pajakan
Bangunan pejabat	50 tahun
Ubah suai pejabat	3 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Peralatan vokasional	5 tahun
Peralatan perubatan	5 tahun
Perkakasan komputer	3 - 5 tahun

Nilai sisa dan usia guna aset adalah dikaji semula dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

c) Property And Equipment (cont'd)

Freehold land is not depreciated as it has an infinite life. Other property and equipment are depreciated on the straight-line method to allocate the cost to their residual values over their estimated useful life summarised as follows:

Leasehold land	Remaining lease period
Office buildings	50 years
Office renovations	3 years
Motor vehicles	5 years
Office equipment	5 years
Vocational equipment	5 years
Medical equipment	5 years
Computer hardware	3 - 5 years

The assets' residual values and useful life are reviewed, and adjusted prospectively, if appropriate, at the end of each reporting period.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

c) Hartanah Dan Peralatan (samb)

Amaun yang dibawa oleh suatu aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika amaun yang dibawa oleh aset adalah lebih besar daripada anggaran amaun boleh pulih atau amaun perkhidmatan boleh pulih.

PERKESO menyahiktirafkan item hartanah dan peralatan dan/atau mana-mana bahagian signifikan suatu aset sekiranya berlaku pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang dijangka akan diperolehi daripada penggunaannya yang berterusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terbit daripada penyahiktirafan aset itu (dikira berdasarkan perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun yang dibawa oleh aset tersebut) adalah dimasukkan dalam lebihan atau kurangan apabila aset tersebut dinyahiktirafkan.

d) Pajakan

Pajakan kewangan adalah pajakan yang memindahkan sebahagian besar daripada risiko dan manfaat berkaitan dengan pemilikan item yang dipajak kepada PERKESO. Aset yang dipegang di bawah pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama hartanah yang dipajak atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bayaran pajakan minimum masa hadapan. PERKESO juga mengiktiraf liabiliti pajakan berkaitan pada permulaan pajakan. Liabiliti yang diiktiraf itu diukur sebagai nilai kini bayaran pajakan minimum masa hadapan pada awal pengiktirafan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

c) Property And Equipment (cont'd)

An asset's carrying amount is written down immediately to its recoverable amount, or recoverable service amount, if the asset's carrying amount is greater than its estimated recoverable amount or recoverable service amount.

SOCSO derecognises items of property and equipment and / or any significant part of an asset upon disposal or when no future economic benefits or service potential is expected from its continuing use. Any gain or loss arising on derecognition of the asset (calculated as the difference between the net disposal proceeds and the carrying amount of the asset) is included in the surplus or deficit when the asset is derecognised.

d) Leases

Finance leases are leases that transfer substantially all of the risks and benefits incidental to ownership of the leased item to SOCSO. Assets held under a finance lease are capitalised at the commencement of the lease at the fair value of the leased property or, if lower, at the present value of the future minimum lease payments. SOCSO also recognises the associated lease liability at the inception of the lease. The liability recognised is measured as the present value of the future minimum lease payments at initial recognition.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

d) Pajakan (samb)

Selepas pengiktirafan awal, bayaran pajakan diagihkan di antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai suatu kadar faedah yang tetap ke atas baki liabiliti yang tinggal. Caj kewangan diiktiraf sebagai kos kewangan di dalam lebihan atau kurangan.

Aset yang dipegang di bawah pajakan kewangan disusut nilai sepanjang usia guna aset itu. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa PERKESO akan mendapat hak milik terhadap aset itu pada akhir tempoh pajakan, aset itu akan disusut nilai mengikut yang mana lebih singkat antara anggaran usia guna aset itu dan tempoh pajakan.

Pajakan operasi adalah pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat berkaitan dengan pemilikan item yang dipajak kepada PERKESO. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan operasi dalam lebihan atau kurangan pada asas garis lurus di sepanjang tempoh pajakan.

e) Perisian Komputer

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada awalnya diiktiraf pada nilai kos. Kos aset tidak ketara yang diperolehi dalam suatu urus niaga bukan pertukaran adalah nilai saksamanya pada tarikh pertukaran. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman, tidak termasuk kos pembangunan yang dipermodalkan, tidak dipermodalkan dan perbelanjaan ditunjukkan di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh di mana perbelanjaan tersebut berlaku.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

d) Leases (cont'd)

Subsequent to initial recognition, lease payments are apportioned between finance charges and reduction of the lease liability so as to achieve a constant rate of interest on the remaining balance of the liability. Finance charges are recognised as finance costs in surplus or deficit.

An asset held under a finance lease is depreciated over the useful life of the asset. However, if there is no reasonable certainty that SOCSO will obtain ownership of the asset by the end of the lease term, the asset is depreciated over the shorter of the estimated useful life of the asset and the lease term.

Operating leases are leases that do not transfer substantially all the risks and benefits incidental to ownership of the leased item to SOCSO. Operating lease payments are recognised as an operating expense in surplus or deficit on a straight-line basis over the lease term.

e) Computer Software

Intangible assets acquired separately are initially recognised at cost. The cost of intangible assets acquired in a non-exchange transaction is their fair value at the date of the exchange. Following initial recognition, intangible assets are carried at cost less any accumulated amortisation and accumulated impairment losses. Internally generated intangible assets, excluding capitalised development costs, are not capitalised and expenditure is reflected in surplus or deficit in the period in which the expenditure is incurred.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

e) Perisian Komputer (samb)

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan perisian komputer yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusutnilaikan sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan. Usia guna aset tidak ketara dinilai sama ada mempunyai tempoh terhad atau tidak terhad.

Aset tidak ketara dengan usia terhad adalah dilunaskan sepanjang usia gunanya:

- Perisian komputer 5 tahun

Aset tidak ketara dengan usia guna terhad adalah dinilai untuk penjejasan apabila wujud tanda-tanda bahawa aset itu mungkin telah terjejas.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan usia guna terhad adalah dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan. Perubahan dalam jangkaan usia guna atau pola jangkaan penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan dalam aset adalah dianggap mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, yang mana bersesuaian, dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tidak ketara dengan usia guna terhad diiktiraf dalam lebihan atau kurangan sebagai kategori belanja yang konsisten dengan sifat aset tidak ketara tersebut.

Untung atau rugi yang terbit daripada penyahiktirafan aset tidak ketara diukur daripada perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun yang dibawa oleh aset itu dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila aset itu dinyahiktirafkan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

e) Computer Software (cont'd)

Work in progress consists of works involving computer software that have not been completed until the end of the current financial year. Work in progress is stated at cost and is not depreciated until the asset is ready for use. The useful life of the intangible assets is assessed as either finite or indefinite.

Intangible assets with a finite life is amortised over its useful life:

- Computer software 5 years

Intangible assets with a finite useful life are assessed for impairment whenever there is an indication that the asset may be impaired.

The amortisation period and the amortisation method, for an intangible asset with a finite useful life, are reviewed at the end of each reporting period. Changes in the expected useful life or the expected pattern of consumption of future economic benefits embodied in the asset are considered to modify the amortisation period or method, as appropriate, and are treated as changes in accounting estimates. The amortisation expense on an intangible asset with a finite life is recognised in surplus or deficit as the expense category that is consistent with the nature of the intangible asset.

Gains or losses arising from derecognition of an intangible asset are measured as the difference between the net disposal proceeds and the carrying amount of the asset and are recognised in the surplus or deficit when the asset is derecognised.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

f) Penjejasan Bagi Aset Bukan Penjanaan Tunai

PERKESO menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa suatu aset bukan penjanaan tunai berkemungkinan terjejas. Jika wujud sebarang petunjuk, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi suatu aset diperlukan, PERKESO menganggarkan amaun perkhidmatan boleh pulih aset itu. Amaun perkhidmatan boleh pulih aset tersebut adalah dinilai pada amaun yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset menjana bukan tunai tersebut ditolak kos untuk jualan dan nilai gunanya.

Apabila amaun yang dibawa oleh suatu aset melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, maka aset tersebut dianggap terjejas dan nilainya dikurangkan kepada amaun perkhidmatan boleh pulihnya. Dalam menentukan nilai guna aset, PERKESO akan menggunakan sama ada pendekatan kos penggantian susut nilai atau nilai saksama ditolak kos untuk jualan.

Di bawah pendekatan kos penggantian susut nilai, nilai kini bagi baki potensi perkhidmatan suatu aset ditentukan sebagai kos penggantian yang telah disusut nilai bagi aset tersebut. Kos penggantian yang disusut nilai diukur sebagai kos penghasilan semula atau penggantian aset itu, yang mana lebih rendah, ditolak susut nilai terkumpul yang dikira pada asas kos berkenaan, untuk menunjukkan potensi perkhidmatan yang telah digunakan atau telah luput bagi aset itu.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

f) Impairment Of Non-Cash-Generating Asset

SOCSO assesses at each reporting date whether there is an indication that a non-cash-generating asset may be impaired. If any indication exists, or when annual impairment testing for an asset is required, SOCSO estimates the asset's recoverable service amount. An asset's recoverable service amount is the higher of the non-cash generating asset's fair value less costs to sell and its value in use.

Where the carrying amount of an asset exceeds its recoverable service amount, the asset is considered impaired and is written down to its recoverable service amount. In assessing value in use, SOCSO will use either the depreciation replacement cost approach or fair value less costs to sell.

Under the depreciation replacement cost approach, the present value of the remaining service potential of an asset is determined as the depreciated replacement cost of the asset. The depreciated replacement cost is measured as the reproduction or replacement cost of the asset, whichever is lower, less accumulated depreciation calculated on the basis of such cost, to reflect the already consumed or expired service potential of the asset.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

f) Penjejasan Bagi Aset Bukan Penjanaan Tunai (samb)

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk jualan, harga aset dalam suatu ikatan perjanjian bagi suatu urus niaga yang tulus, diselaraskan untuk kos tambahan yang dapat dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset itu adalah digunakan. Sekiranya tiada ikatan perjanjian, tetapi aset itu diniagakan di pasaran aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk jualan adalah nilai harga pasaran aset itu ditolak kos pelupusan. Sekiranya tiada ikatan perjanjian jualan atau pasaran aktif untuk aset itu, PERKESO menentukan nilai saksama ditolak kos untuk jualan aset berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, PERKESO menganggarkan amaun perkhidmatan boleh pulih aset itu. Kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih aset itu sejak kerugian penjejasan yang terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah dihadkan agar amaun yang dibawa oleh aset itu tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulihnya, juga tidak melebihi nilai amaun dibawa yang telah ditentukan, nilai bersih setelah ditolak susut nilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan bagi aset itu diiktiraf dalam tahun-tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

f) Impairment Of Non-Cash-Generating Asset

In determining fair value less costs to sell, the price of the assets in a binding agreement in an arm's length transaction, adjusted for incremental costs that would be directly attributed to the disposal of the asset is used. If there is no binding agreement, but the asset is traded on an active market, fair value less cost to sell is the asset's market price less cost of disposal. If there is no binding sale agreement or active market for an asset, SOCSO determines fair value less cost to sell based on the best available information.

For each asset, an assessment is made at each reporting date as to whether there is any indication that previously recognised impairment losses may no longer exist or may have decreased. If such indication exists, SOCSO estimates the asset's recoverable service amount. A previously recognised impairment loss is reversed only if there has been a change in the assumptions used to determine the asset’s recoverable service amount since the last impairment loss was recognised. The reversal is limited so that the carrying amount of the asset does not exceed its recoverable service amount, nor exceed the carrying amount that would have been determined, net of depreciation, had no impairment loss been recognised for the asset in prior years. Such reversal is recognised in surplus or deficit.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Pengiktirafan Dan Pengukuran Awal

Aset kewangan dalam skop MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran adalah diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang hingga matang atau aset kewangan sedia untuk dijual, yang mana sesuai. PERKESO menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan awal.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran (urus niaga cara biasa) adalah diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu tarikh PERKESO memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset itu.

Aset kewangan PERKESO termasuk: tunai dan deposit jangka pendek; pinjaman dan belum terima lain; instrumen kewangan tersiar dan tidak tersiar dan instrumen kewangan derivatif.

Pengukuran Berikutnya

Pengukuran berikutnya bagi aset kewangan adalah bergantung kepada klasifikasinya.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments

Financial Assets

Initial Recognition And Measurement

Financial assets within the scope of MPSAS 29 Financial Instruments: Recognition and Measurement are classified as financial assets at fair value through surplus or deficit, loans and receivables, held-to-maturity investments or available-for-sale financial assets, as appropriate. SOCSO determines the classification of its financial assets at initial recognition.

Purchases or sales of financial assets that require delivery of assets within a time frame established by regulation or convention in the marketplace (regular way trades) are recognised on the trade date, i.e., the date that SOCSO commits to purchase or sell the asset.

SOCSO's financial assets include cash and short-term deposits, loans and other receivables, quoted and unquoted financial instruments and derivative financial instruments.

Subsequent Measurement

The subsequent measurement of financial assets depends on their classification.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan Atau Kurangan

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan termasuk aset kewangan yang dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan pada pengiktirafan awal yang dinyatakan pada nilai saksama melalui lebihan dan kurangan. Aset kewangan adalah diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya ia diperoleh bagi tujuan jualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif termasuk derivatif digabungkan yang diasingkan juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan melainkan ia dinyatakan sebagai instrumen lindung nilai yang berkesan. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan.

Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang mana tidak tersiar dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan berkenaan kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif ditolak penjejasan. Kos yang boleh dilunaskan adalah dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas perolehan dan fi atau kos-kos yang merupakan bahagian yang penting bagi kadar faedah efektif itu. Kerugian yang terbit daripada penjejasan adalah diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Financial Assets At Fair Value Through Surplus Or Deficit

Financial assets at fair value through surplus or deficit include financial assets held for trading and financial assets designated upon initial recognition at fair value through surplus and deficit. Financial assets are classified as held for trading if they are acquired for the purpose of selling or repurchasing in the near term. Derivatives, including separated embedded derivatives are also classified as held for trading unless they are designated as effective hedging instruments. Financial assets at fair value through surplus or deficit are carried in the statement of financial position at fair value with changes in fair value recognised in surplus or deficit.

Loans And Receivables

Loans and receivables are non-derivative financial assets with fixed or determinable payments that are not quoted in an active market. After initial measurement, such financial assets are subsequently measured at amortised cost using the effective interest method, less impairment. Amortised cost is calculated by taking into account any discount or premium on acquisition and fees or costs that are an integral part of the effective interest rate. Losses arising from impairment are recognised in the surplus or deficit.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

PERKESO mengklasifikasikan aset kewangan sedia untuk dijual sebagai aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan sebagai pinjaman dan belum terima yang dipegang hingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

Selepas pengukuran awal, pelaburan kewangan sedia untuk dijual kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian tersebut diiktiraf terus ke dalam aset bersih melalui penyata perubahan aset bersih sehingga aset kewangan itu dinyahiktirafkan di mana keuntungan atau kerugian terkumpul itu akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Available-For-Sale Financial Assets

SOCSO classifies available-for-sale financial assets as non-derivative financial assets that are designated as available for sale or are not classified as loans and receivables, held-to-maturity or financial assets at fair value through surplus or deficit.

After initial measurement, available-for-sale financial investments are subsequently measured at fair value with gains or losses recognised directly in net assets through the statement of changes in net assets until the financial asset is derecognised, at which time the cumulative gain or loss is recognised in surplus or deficit.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Penyahiktirafan

PERKESO menyahiktirafkan suatu aset kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada suatu aset kewangan atau sebahagian daripada suatu kumpulan aset kewangan yang sama apabila:

- Hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada aset itu telah luput atau diketepikan.
- PERKESO telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset itu atau telah menganggap suatu obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima dengan sepenuhnya tanpa kelewatan yang material kepada pihak ketiga; dan sama ada: (a) PERKESO telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran daripada aset itu; atau (b) PERKESO tidak memindahkan mahu pun mengekalkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran aset itu, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset itu.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Derecognition

SOCSO derecognises a financial asset or, where applicable, a part of a financial asset or part of a group of similar financial assets when:

- The rights to receive cash flows from the asset have expired or is waived.
- SOCSO has transferred its rights to receive cash flows from the asset or has assumed an obligation to pay the received cash flows in full without material delay to a third party; and either: (a) SOCSO has transferred substantially all the risks and rewards of the asset; or (b) SOCSO has neither transferred nor retained substantially all the risks and rewards of the asset, but has transferred control of the asset.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Penjejasan Bagi Aset Kewangan

PERKESO menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa suatu aset kewangan atau suatu kumpulan daripada aset kewangan telah terjejas. Suatu aset kewangan atau suatu kumpulan daripada aset kewangan dianggap terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif mengenai penjejasan disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut (akibat suatu 'peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian berkenaan mempunyai suatu kesan ke atas aliran tunai masa hadapan yang dianggarkan bagi aset kewangan itu atau kumpulan daripada aset kewangan itu yang boleh dianggarkan dengan pasti. Bukti bagi penjejasan aset boleh termasuk petunjuk-petunjuk berikut:

- Penghutang atau suatu kumpulan penghutang mengalami kesukaran kewangan yang signifikan.
- Keingkaran atau kelalaian dalam pembayaran faedah atau prinsipal.
- Kebarangkalian bahawa penghutang mengalami muflis atau penyusunan semula kewangan lain.
- Data yang boleh ditinjau menunjukkan suatu pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan (contoh: perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang menyumbang kepada keingkaran).

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Impairment Of Financial Assets

SOCSO assesses at each reporting date whether there is objective evidence that a financial asset or a group of financial assets is impaired. A financial asset or a group of financial assets is deemed to be impaired if, and only if, there is objective evidence of impairment as a result of one or more events that has occurred after the initial recognition of the asset (an incurred 'loss event') and that loss event has an impact on the estimated future cash flows of the financial asset or the group of financial assets that can be reliably estimated. Evidence of impairment may include the following indicators:

- The debtors or a group of debtors are experiencing significant financial difficulty.
- Default or delinquency in interest or principal payments.
- The probability that debtors will enter bankruptcy or other financial reorganisation.
- Observable data indicates a measurable decrease in estimated future cash flows (e.g. changes in arrears or economic conditions that correlate with defaults).

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Aset Kewangan Dibawa Pada Kos Yang Dilunaskan

Bagi aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan, PERKESO pada peringkat awalnya akan menilai sama ada bukti objektif penjejasan wujud secara individu bagi aset kewangan yang secara individunya signifikan atau secara kolektifnya bagi aset kewangan yang tidak signifikan secara individu. Jika PERKESO menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan wujud bagi suatu aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada signifikan atau tidak, ia termasuk aset dalam suatu kumpulan aset kewangan dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan secara kolektif menilainya bagi tujuan penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk penjejasan dan di mana suatu kerugian penjejasan adalah, secara berterusan, diiktiraf adalah tidak termasuk dalam penilaian kolektif bagi penjejasan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, amaun kerugian tersebut adalah diukur sebagai perbezaan di antara amaun yang dibawa oleh aset itu dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang dijangka pada masa hadapan yang belum berlaku). Nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan adalah didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Jika suatu pinjaman mempunyai suatu kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian penjejasan adalah kadar faedah efektif semasa.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Financial Assets Carried At Amortised Cost

For financial assets carried at amortised cost, SOCSO first assesses whether objective evidence of impairment exists individually for financial assets that are individually significant, or collectively for financial assets that are not individually significant. If SOCSO determines that no objective evidence of impairment exists for an individually assessed financial asset, whether significant or not, it includes the asset in a group of financial assets with similar credit risk characteristics and collectively assesses them for impairment. Assets that are individually assessed for impairment and for which an impairment loss is, or continuous to be, recognised are not included in a collective assessment of impairment.

If there is objective evidence that an impairment loss has been incurred, the amount of the loss is measured as the difference between the assets carrying amount and the present value of estimated future cash flows (excluding future expected credit losses that have not yet been incurred). The present value of the estimated future cash flows is discounted at the financial asset's original effective interest rate. If a loan has a variable interest rate, the discount rate for measuring any impairment loss is the current effective interest rate.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Aset Kewangan Dibawa Pada Kos Yang Dilunaskan (samb)

Amaun dibawa bagi aset itu adalah dikurangkan melalui penggunaan suatu akaun peruntukan dan amaun kerugian itu diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Pinjaman bersama dengan peruntukan berkaitan adalah dihapus kira apabila tiada prospek realistik bagi pemulihan masa hadapan dan semua cagaran telah direalisasikan atau dipindahkan kepada PERKESO. Jika, pada tahun berikutnya, amaun bagi anggaran kerugian penjejasan meningkat atau menurun disebabkan oleh suatu peristiwa yang berlaku selepas penjejasan diiktiraf, kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelum ini adalah ditambah atau dikurangkan dengan menyelaraskan akaun peruntukan tersebut. Jika hapus kira kemudiannya pulih pada masa hadapan, pemulihan itu dikreditkan kepada kos kewangan dalam lebihan atau kurangan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Financial Assets Carried At Amortised Cost

The carrying amount of the asset is reduced through the use of an allowance account and the amount of the loss is recognised in surplus or deficit. Loans together with the associated allowance are written off when there is no realistic prospect of future recovery and all collateral has been realised or transferred to SOCSO. If, in a subsequent year, the amount of the estimated impairment loss increases or decreases because of an event occurring after the impairment was recognised, the previously recognised impairment loss is increased or reduced by adjusting the allowance account. If a future write-off is later recovered, the recovery is credited to finance costs in surplus or deficit.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Bagi aset kewangan sedia untuk dijual, PERKESO menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa suatu pelaburan atau suatu kumpulan pelaburan adalah terjejas.

Bagi aset kewangan yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual, bukti objektif termasuk suatu penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan yang berkurangan daripada kosnya. 'Signifikan' dinilai terhadap kos asal pelaburan itu dan 'berpanjangan' terhadap tempoh di mana nilai saksama adalah berkurangan daripada kos asalnya. Di mana terdapat bukti penjejasan, kerugian terkumpul - diukur sebagai perbezaan di antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian penjejasan ke atas pelaburan berkenaan yang sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan - dikeluarkan daripada rizab dalam aset bersih dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Kerugian penjejasan yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan bagi pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual tidak dibalikkan melalui lebihan atau kurangan dalam tempoh berikutnya.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Available-For-Sale Financial Assets

For available-for-sale financial assets, SOCSO assesses at each reporting date whether there is objective evidence that an investment or a group of investments is impaired.

In the case of equity investments classified as available-for-sale, objective evidence would include a significant or prolonged decline in the fair value of the investment below its cost. ‘Significant’ is evaluated against the original cost of the investment and ‘prolonged’ against the period in which the fair value was below its original cost. Where there is evidence of impairment, the cumulative loss – measured as the difference between the acquisition cost and the current fair value, less any impairment loss on that investment previously recognised in the surplus or deficit – is removed from the reserve in net assets and recognised in surplus or deficit. Impairment losses recognised in surplus or deficit on equity investment classified as available-for-sale are not reversed through surplus or deficit in subsequent periods.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual (samb)

Dalam kes instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual, penjejasan adalah dinilai berdasarkan kriteria yang sama seperti aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan. Walau bagaimanapun, amaun yang direkodkan bagi penjejasan adalah kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos dilunaskan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian penjejasan ke atas pelaburan berkenaan yang sebelumnya diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Jika dalam tempoh berikutnya, nilai saksama bagi instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual meningkat dan peningkatan itu boleh secara objektifnya dikaitkan kepada suatu peristiwa yang berlaku selepas kerugian penjejasan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, kerugian penjejasan itu akan dibalikkan melalui lebihan atau kurangan.

Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila PERKESO menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengiktiraf liabiliti kewangan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Available-For-Sale Financial Assets (cont'd)

In the case of debt instruments classified as available-for-sale, impairment is assessed based on the same criteria as financial assets carried at amortised cost. However, the amount recorded for impairment is the cumulative loss measured as the difference between the amortised cost and the current fair value, less any impairment loss on that investment previously recognised in surplus or deficit. If in subsequent period, the fair value of a debt instrument classified as available-for-sale increase and the increase can be objectively relates to an event occuring after the impairment loss was recognised in surplus or deficit, the impairment loss is reversed through surplus and deficit.

Financial Liabilities

Financial liabilities are recognised in the statement of financial position when PERKESO becomes a party to the contractual provisions of the instrument.

At initial recognition, financial liabilities are measured at fair value, including transaction costs for financial liabilities not measured at fair value through surplus or deficit, directly attributable to the recognition of financial liabilities.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

g) Instrumen Kewangan (samb)

Aset Kewangan (samb)

Liabiliti Kewangan (samb)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diklasifikasikan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dan liabiliti kewangan pada kos terlunas.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan di antara nilai yang dibawa bagi liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan yang dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

h) Mengofset Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan adalah diofset dan amaun bersih ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang untuk mengofset amaun yang diiktiraf dan terdapat suatu niat untuk menyelesaikannya pada suatu asas yang bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Hak yang boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang hendaklah tidak berlaku secara kebetulan pada peristiwa masa hadapan dan hendaklah dikuatkuasakan dalam perjalanan biasa perniagaan dan dalam peristiwa keingkaran, insolvensi atau kemuflisan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

g) Financial Instruments (cont'd)

Financial Assets (cont'd)

Financial Liabilities (cont'd)

After initial recognition, financial liabilities are classified into one of the two categories of financial liabilities, i.e. financial liabilities are measured at fair value through surplus or deficit and financial liabilities at amortised cost.

Financial liabilities are derecognised when the obligations specified in the contract have been discharged, cancelled or expired. Any difference between the carrying amount of the derecognised financial liability and the consideration paid is recognised in the statement of financial performance during the period of the derecognition.

h) Offsetting Financial Instruments

Financial assets and liabilities are offset and the net amount presented in the statement of financial position when there is a legally enforceable right to offset the recognised amounts and there is an intention to settle on a net basis, or realise the asset and settle the liability simultaneously. The legally enforceable right must not be contingent on future events and must be enforceable in the normal course of business and in the event of default, insolvency or bankruptcy.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

i) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan tunai di bank, deposit atas panggilan dan pelaburan berkecairan tinggi dengan suatu tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Bagi tujuan penyata aliran tunai yang disatukan, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dan deposit jangka pendek seperti yang ditakrifkan di atas, setelah mengambil kira overdraf bank belum jelas.

j) Peruntukan

Peruntukan adalah diiktiraf apabila PERKESO mempunyai obligasi semasa (undang-undang atau konstruktif) akibat daripada peristiwa lalu, ia berkemungkinan bahawa suatu aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu dan suatu anggaran yang boleh dipercayai yang boleh dibuat daripada amaun obligasi itu.

Di mana PERKESO menjangkakan sebahagian atau semua peruntukan akan dibayar balik, sebagai contoh, di bawah kontrak insurans, pembayaran balik itu adalah diiktiraf sebagai suatu aset yang berasingan hanya apabila pembayaran semula tersebut adalah secara mutlaknya adalah pasti.

Perbelanjaan yang berkait dengan mana-mana peruntukan adalah ditunjukkan dalam penyata prestasi kewangan setelah mengambil kira apa-apa pembayaran balik yang dilakukan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

i) Cash And Cash Equivalents

Cash and cash equivalents comprise cash on hand and cash at bank, deposits on call and highly liquid investments with an original maturity of three months or less, which are readily convertible to known amounts of cash and are subject to insignificant risk of changes in value. For the purpose of the statement of cash flows, cash and cash equivalents consist of cash and short-term deposits as defined above, net of outstanding bank overdrafts.

j) Provision

Provisions are recognised when SOCSO has a present obligation (legal or constructive) as a result of a past event, it is probable that an outflow of resources embodying economic benefits or service potential will be required to settle the obligation and a reliable estimate can be made of the amount of the obligation.

Where SOCSO expects some or all of a provision to be reimbursed, for example, under an insurance contract, the reimbursement is recognised as a separate asset only when the reimbursement is virtually certain.

The expense relating to any provision is presented in the statement of financial performance net of any reimbursement.

3. Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

3.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Yang Penting (samb)

k) Aset Dan Liabiliti Luar Jangka

PERKESO tidak mengiktiraf aset dan liabiliti luar jangka selain daripada yang terbit daripada penggabungan perniagaan, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah suatu obligasi yang boleh berlaku disebabkan peristiwa lalu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan di luar kawalan PERKESO atau suatu obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu. Liabiliti luar jangka juga terbit dalam kes yang jarang berlaku di mana terdapat suatu liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan. Aset luar jangka adalah aset yang mungkin terbit daripada peristiwa lalu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan di luar kawalan PERKESO. PERKESO tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan di mana kepastiannya tidak dapat ditentukan.

---

3. Significant Accounting Policies (cont'd)

3.2 Summary Of Significant Accounting Policies (cont'd)

